PEMIKIRAN SHAYKH MUḤAMMAD ‘AWWĀMAH DALAM MENDEPANI ISU HADITH ḌA‘ĪF:ANALISIS MELALUI KITAB ḤUKM AL-‘AMAL BI AL-ḤADĪTH AL-ḌA‘ĪF

IBRAHIM ADHAM BIN MOHD ROKHIBI

JABATAN AL-QURAN DAN AL-HADITH
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR

2017/2018

PEMIKIRAN SHAYKH MUḤAMMAD ‘AWWĀMAH DALAM MENDEPANI ISU HADITH ḌA‘ĪF: ANALISIS MELALUI KITAB ḤUKM AL-‘AMAL BI AL-ḤADĪTH AL- ḌA‘ĪF

IBRAHIM ADHAM BIN MOHD ROKHIBI

KAJIAN INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI
SEBAHAGIAN KEPERLUAN BAGI IJAZAH
SARJANA MUDA USULUDDIN

JABATAN AL-QURAN DAN AL-HADITH
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR

2017/2018

ABSTRAK

Hadith ḍa‘īf merupakan antara hadith berkualiti rendah dalam ilmu hadith atas beberapa faktor dan kriteria. Ianya menjadi topik perdebatan dalam kalangan masyarakat umum serta ilmuwan. Oleh itu, kajian ini dilakukan dalam meneliti penyelidikan lepas dan semasa berkaitan hadith ḍa‘īf. Pandangan Shaykh Muḥammad ‘Awwāmah juga diketengahkan dalam memahami konsep dan penggunaan hadith ḍa‘īf berdasarkan kitab *Ḥukm al-‘Amal bi al-Ḥadīth al-Ḍa‘īf*. Seterusnya, kajian ini akan menganalisis isu-isu yang berlaku dalam masyarakat berasaskan pemikiran Shaykh Muḥammad ‘Awwāmah. Metodologi kajian yang digunakan untuk penganalisaan data adalah secara induktif dan deduktif. Konsep induktif yang digunakan dalam metodologi kajian adalah untuk menjawab objektif yang ketiga, manakala konsep deduktif pula digunakan untuk menjawab objektif yang keempat. Hasil kajian mendapati bahawa Shaykh Muḥammad ‘Awwāmah membolehkan beramal dengan hadith ḍa‘īf berdasarkan beberapa syarat dan mengikut aspek-aspek tertentu. Maka tidak boleh dengan sewenangnya mengambil mudah perkara ini sehingga ianya dihimpunkan dan disamakan sekali dengan mawḍū‘, kerana ditakuti menidakkan apa yang disabdakan oleh Rasulullah SAW.

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Illahi kerana dengan limpah kurnia-Nya serta dengan izin-Nya dapat saya menyempurnakan latihan ilmiah ini dalam jangka masa yang ditetapkan. Terlebih dahulu, jutaan terima kasih diucapkan kepada Dr Khadher Ahmad selaku penyelia di atas segala tunjuk ajar dan bimbingan yang diberikan sehingga latihan ilmiah ini disiapkan.

Jutaan terima kasih juga diucapkan kepada pihak Darus Sunnah Janda Baik dan Darus Sunnah Ciputat Jakarta khususnya Ustaz Samsul Bahri Jari, Dr Ahmad Ubaydillah Hasbillah, Ustaz Zulkifli Yusof dan Ustaz Mohd Saifullah Omar di atas kerjasama dan maklumat yang diberikan sepanjang kajian dijalankan.

Setinggi-tinggi penghargaan juga dititipkan kepada keluarga tercinta terutamanya mak dan ayah serta adik-beradik yang sentiasa menyokong saya dari segenap aspek sama ada dari segi rohani dan kewangan untuk menghasilkan tugasan ini.

Saya juga ingin mendedikasikan ucapan penghargaan ini kepada pensyarah-pensyarah dan teman-teman yang sanggup berkongsi ilmu, maklumat dan segala bentuk bantuan yang saya dambakan khususnya dalam menyiapkan latihan ilmiah ini. Ketahuilah segala bantuan yang anda salurkan amat saya hargai.

Akhir kata, penghargaan ini ditujukan kepada sesiapa sahaja yang terlibat dalam pembikinan kajian ini sama ada secara langsung atau tidak langsung.

Sekian terima kasih.

Ibrahim Adham bin Mohd Rokhibi
Jabatan Al-Quran dan Al-Hadith
Akademi Pengajian Islam
Universiti Malaya

Emel: ibrahimadhamkibi@gmail.com
No.Telefon: 0135149228/0175938186

ISI KANDUNGAN

ABSTRAK	iii
PENGHARGAAN	iv
SENARAI KEPENDEKAN	vii
SENARAI JADUAL	viii
SENARAI LAMPIRAN	ix
PANDUAN TRANSLITERASI	x

BAB PENDAHULUAN

1.0 PENGENALAN	1
2.0 LATAR BELAKANG MASALAH KAJIAN	2
3.0 PERNYATAAN MASALAH KAJIAN	5
4.0 OBJEKTIF KAJIAN	6
5.0 PERSOALAN KAJIAN	6
6.0 KEPENTINGAN KAJIAN	7
7.0 SKOP KAJIAN	7
8.0 SOROTAN LITERATUR	8
9.0 METODOLOGI KAJIAN	11
10.0 STRUKTUR KAJIAN	13

BAB SATU KAJIAN DAN PENYELIDIKAN LEPAS DAN SEMASA TENTANG HADITH ḌA‘ĪF DAN MAWḌŪ‘

1.0 Pendahuluan	15
1.1 Hadith Ḍa‘īf dan Mawḍū‘ (Palsu)	15
1.2 Kajian dan Penyelidikan Tentang Hadith Ḍa‘īf dan Mawḍū‘ (Palsu)	16
1.3 Kesimpulan	26

BAB KEDUA BIOGRAFI TOKOH SHAYKH MUḤAMMAD ‘AWWĀMAH

2.0 Pendahuluan	27
2.1 Biodata Shaykh Muḥammad ‘Awwāmah	27
2.2 SUMBANGAN SHAYKH MUḤAMMAD ‘AWWĀMAH	32
2.2.1 Sumbangan Dalam Menghasilkan Karya dan Penulisan	33
2.2.2 Sumbangan Dalam Bidang Ilmu	36
2.3 KITAB ḤUKM AL-‘AMAL BI AL-ḤADĪTH AL-ḌA‘ĪF	38
2.3.1 Latar Belakang Kitab	39
2.3.2 Fokus Utama Perbincangan Kitab	41

2.3.3 Metode Penulisan dan Persembahan Kitab 43

2.4 KESIMPULAN 46

BAB KETIGA ISU-ISU BERKAITAN HADITH ḌA‘ĪF DALAM MASYARAKAT

3.0 Pendahuluan 47
3.1 Metode Dalam Pemilihan Isu-Isu Yang Berkaitan Dengan Hadith Ḍa‘īf 47
3.2 Isu-Isu Berkaitan Dengan Hadith Ḍa‘īf Dalam Masyarakat 48
3.3 Kesimpulan 58

BAB KEEMPAT ANALISIS PEMIKIRAN SHAYKH MUḤAMMAD ‘AWWĀMAH DALAM MENDEPANI ISU HADITH ḌA‘ĪF BERASASKAN KITAB ḤUKM AL-‘AMAL BI AL-ḤADĪTH AL-ḌA‘ĪF

4.0 PENDAHULUAN 60

4.1 ANALISIS ISU-ISU HADITH ḌA‘ĪF BERASASKAN PEMIKIRAN SHAYKH MUḤAMMAD ‘AWWĀMAH 60

4.1.1 Isu Menyamakan Hadith Ḍa‘īf Dengan Hadith Mawḍū‘ 61
4.1.2 Isu Pemakaian Hadith Ḍa‘īf Dalam Penghujjahan 63
4.1.3 Isu Penolakan Total Hadith Ḍa‘īf Dalam Semua Aspek 72
4.1.4 Isu Kempen “Semak Status Hadith Sebelum Sebar” 75
4.1.5 Isu Bermudah-mudah Dalam Menetapkan Keḍa‘īfan Sesuatu Hadith 78

4.2 PEMAHAMAN MENYELURUH SHAYKH MUḤAMMAD ‘AWWĀMAH TERHADAP ISU HADITH ḌA‘ĪF 81

4.2.1 Persamaan Pemahaman Shaykh Muḥammad ‘Awwāmah Dengan Ulama Madinah Terhadap Isu Hadith Ḍa‘īf 81
4.2.2 Perbezaan Metodologi Shaykh Muḥammad ‘Awwāmah Dalam Penerimaan Hadith Ḍa‘īf Sebagai Hujjah 82

4.3 KESIMPULAN 83

BAB KELIMA KESIMPULAN DAN RUMUSAN

5.0 Pendahuluan 85
5.1 Kesimpulan dan Rumusan 85
5.2 Cadangan dan Saranan 87
5.4 Penutup 90

BIBLIOGRAFI 92

LAMPIRAN 96

SENARAI KEPENDEKAN

Ibid.	*Ibidem* (Pengulangan tempat yang sama)
RA	Radiyallahu ‘anhu
SAW	Sallahu ‘alayhi wasallam
t.p.	Tanpa penulis
t.t.	Tanpa tarikh
t.tp.	Tanpa tempat penerbit
SWT	Subhanahuwataala

SENARAI JADUAL

Jadual	Tajuk	Halaman
1.1	Senarai Kajian dan Penyelidikan Lepas dan Semasa Tentang Ḥadith Ḍa‘īf dan Mawḍū‘ (palsu) Berasaskan Kitab	18-20
1.2	Jumlah Penghasilan Kajian Dan Penyelidikan Hadith Ḍa‘īf Dan Mawḍū‘ Berasaskan Kitab	18
1.3	Senarai Kajian dan Penyelidikan Lepas dan Semasa Tentang Ḥadith Ḍa‘īf dan Mawḍū‘ (palsu) Berasaskan Kajian Lapangan	22
1.4	Jumlah Penghasilan Kajian Dan Penyelidikan Hadith Ḍa‘īf Dan Mawḍū‘ Berasaskan Kajian Lapangan	23
1.5	Senarai Kajian dan Penyelidikan Lepas dan Semasa Tentang Ḥadith Ḍa‘īf dan Mawḍū‘ (palsu) Berasaskan Isu-isu	24-26
1.6	Jumlah Penghasilan Kajian Dan Penyelidikan Hadith Ḍa‘īf Dan Mawḍū‘ Berasaskan Isu-Isu	26
1.7	Kesimpulan Menyeluruh Terhadap Hasil Kajian Berkenaan Isu-Isu Hadith Ḍa‘īf Yang Dipetik Daripada Bab Keempat	86-87

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran	Tajuk
1	Kitab *Ḥukm al-ʻAmal bi al-Ḥadith al-Ḍaʻīf Baina Nadhariyyah wa al-Taṭbīqiyyah wa al-Daʻawā*.
2	Kitab *al-Ḥadīth al-Ḍaʻīf wa Ḥukm al-Iḥtijāj Bihi.*
3	Makalah Khuṭūrah Musāwāh al-Ḥadīth al-Ḍaʻīf bi al-Mawḍūʻ.
4	Kitab *Athar al-ḥadīth al-Sharīf.*
5	Kitab *Dirāsāt al-Labīb fī al-Uswah al-Ḥasanah bi al-Ḥabīb*
6	Web-web yang menjelaskan dan membincangkan isu hadith ḍaʻīf.

PANDUAN TRANSLITERASI

Senarai panduan tersebut adalah seperti berikut[1]:

i. Huruf konsonan

Huruf Arab	Nama	Huruf Latin
ا,ء	*alif*	a , ’
ب	*ba’*	b
ت	*ta’*	t
ث	*tha’*	th
ج	*jim*	j
ح	*ḥa’*	ḥ
خ	*kha’*	kh
د	*dal*	d
ذ	*dhal*	dh
ر	*ra’*	r
ز	*zay*	z
س	*sin*	s
ش	*shin*	sh
ص	*ṣad*	ṣ
ض	*ḍad*	ḍ
ط	*ṭa’*	ṭ
ظ	*ẓa’*	ẓ
ع	*‘ayn*	‘
غ	*ghayn*	gh

[1] Jawatan kuasa Tetap Bahasa Melayu, *Pedoman Transliterasi Huruf Arab Ke Huruf Rumi.* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992); *Panduan Penulisan Ilmiah Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya,* (Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2012).

ف	*fa'*	f
ق	*qaf*	q
ك	*kaf*	k
ل	*lam*	l
م	*mim*	m
ن	*nun*	n
و	*waw*	w
ه	*ha'*	h
ي	*ya'*	y
ة	*ta' marbutah*	h,t

ii. Huruf vokal

Vokal	Huruf Arab	Huruf Latin
Pendek	(fathah) _____	a
	(dammah)___	u
	(kasrah) _____	i
Panjang	آ	ā
	أُوْ	ū
	اِيْ	ī
Diftong	اَوْ	aw
	اَيْ	ay
	يّ	*iy/i*
	وّ	*uww*

BAB PENDAHULUAN

1.0 PENGENALAN

Hadith merupakan warisan Rasulullah SAW kepada seluruh umatnya. Seluruh perkataan, perbuatan dan arahan baginda SAW sentiasa dipelihara oleh para sahabat. Sebahagian Hadith berada utuh di dalam dada para sahabat r.a melalui hafalan-hafalan. Malah tidak kurang juga menulis hadith-hadith baginda di kulit-kulit pokok dan pelepah tamar. Para sahabat berpegang teguh dengan hadith-hadith Rasulullah SAW. Jika ada sesuatu yang mereka tidak temui di dalam al-Quran, mereka akan merujuk hadith-hadith agung baginda SAW. Amalan in diteruskan pula oleh generasi Tabi'in dan Tabi' Tabi'in. Tujuannya tidak lain selain untuk memelihara warisan unggul ini agar dapat ditatapi oleh umat Islam terkemudian.

Rentetan daripada hadith Nabi Muḥammad SAW ini maka muncullah ilmu-ilmu yang berkaitan bagi menjaga keautoritian serta keaslian Hadith Rasulullah SAW. Antara ilmu yang muncul tersebut ialah *muṣṭalah Hadith*, *ilmu jarḥ wa ta'dil*, *ilmu tārīkh al-ruwwah* dan sebagainya. Asas bagi kesemua ilmu ini adalah berdasarkan ayat Allah di dalam surah:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓاْ إِن جَآءَكُمۡ فَاسِقُۢ بِنَبَإٖ فَتَبَيَّنُوٓاْ أَن تُصِيبُواْ قَوۡمَۢا بِجَهَٰلَةٖ فَتُصۡبِحُواْ عَلَىٰ مَا فَعَلۡتُمۡ نَٰدِمِينَ ٦

Al-Ḥujurat 49: 6

> Terjemahan*: Wahai orang-orang yang beriman! Jika datang kepada kamu seorang fasik membawa sesuatu berita, maka selidikilah (untuk menentukan) kebenarannya, supaya kamu tidak menimpakan sesuatu kaum dengan perkara yang tidak diingini- Dengan sebab kejahilan kamu (mengenainya) – sehingga kamu menyesali apa yang telah kamu lakukan.*

Ayat di atas telah menjadi titik permulaan kepada langkah-langkah penjagaan hadith dengan lebih sistematik dan praktikal. Untuk memastikan amalan-amalan umat Islam itu terpelihara dari penyelewengan maka para sahabat telah meletakkan sat ugaris

panduan yang perlu dituruti dalam menerima dan menyebarkan hadith-hadith Nabi Muḥammad SAW. Para sahabat mengetahui bahawa hadith adalah merupakan sumber kedua bagi umat Islam selepas al-Quran. Maka disebabkan itu mereka berusaha sedaya upaya menjaga keberadaan Hadith Rasulullah SAW agar tidak hilang dan diseleweng kesahihannya oleh tangan-tangan serta lidah-lidah mereka yang bermusuh dengan agama Islam.

Oleh yang demikian, maka setiap sanad hadith dan matannya dapat ditentukan kebenarannya berdasarkan ilmu-ilmu yang berkaitan dengan hadith seperti ilmu *dirāsah asānīd*, ilmu *jarḥ wa ta'dīl*, *mukhtalif ḥadīth* dan seumpamanya. Dengan adanya alat dalam bidang hadith ini dapat mengenal pasti sama ada hadith itu Ṣaḥīḥ, atau Ḥasan, atau Ḍa'if, dan Palsu.

2.0 LATAR BELAKANG MASALAH KAJIAN

Di dalam keasyikkan para agamawan dalam menyampaikan hadith dan ilmu agama bagi menyeru masyarakat kembali kepada agama, golongan "Dai" ini tidak terlepas dalam menyebutkan dalil-dalil baik daripada nas *al-Qurān* mahupun *al-Ḥadīth* untuk menyokong hujah mereka. Perkara ini amat baik dan positif, akan tetapi setiap ungkapan dalil itu terutamanya nas hadith pada hari ini semakin dipersoalkan oleh para mad'u akan statusnya samada Sahih, Hasan ataupun Ḍa'īf . Hal ini kerana, masyarakat awam telah dimomokkan dengan ideologi dari satu golongan yang mengajak kepada beramal dengan hadith yang sahih sahaja dan juga mereka ditularkan dengan slogan "*semak sebelum sebar*", sehinggakan mereka menganggap hadith ḍa'īf ini seakan mawḍū'. Justeru perkara ini amat merbahaya berdasarkan hadith daripada Abū Hurayrah RA bahawa Nabi SAW bersabda:

" مَنْ كَذَبَ عَلَيَّ مُتَعَمِّدًا، فَلْيَتَبَوَّأْ مَقْعَدَهُ مِنَ النَّارِ"

> Terjemahan*: Sesiapa yang berdusta di atas Nabi secara sengaja, maka nerakalah tempatnya kelak.* [2]

Bahkan terdapat ulama di abad ke-20 yang menghimpunkan di dalam satu silsilah hadith ḍa‘īf dan hadith mawḍū‘ seakan-akan beliau mengkehendaki hadith ḍa‘īf itu setaraf dengan mawḍū‘.[3] Perkara ini berdasarkan penulisan beliau pada *muqaddimah* di dalam buku *Silsilah al-Aḥādīth al-Ḍa‘īfah Wa al-Mawḍū‘ah* yang mengatakan, "*Salah satu musibah atau fitnah besar yang menimpa umat* Islam *sejak abad pertama hijriyyah adalah tersebarnya hadith-hadith ḍa‘īf dan mawḍū‘ di kalangan umat Islam. Hal ini juga menimpa para ulama kecuali golongan pakar hadith dan pengkritik hadith yang dikehendaki oleh Allah seperti Imam al-Bukhārī, Imam Aḥmad, Imam Ibn Ma‘īn, Imam Abī Ḥātim al-Rāzī, dan lain-lain*."[4]

Walaupun begitu, terdapat satu golongan pula yang terlalu gemar menggunakan hadith-hadith yang ḍa‘īf yang terlalu berat sebagai hujah dalam setiap penyampaian mereka tanpa disedari. Situasi ini amat membimbangkan kerana pihak musuh seperti orientalis yang mengkaji hadith akan menggunakan peluang ini sebagai senjata mereka untuk menyerang Islam. Bahkan perkara ini akan menampakkan kepada masyarakat bukan Islam bahawa agama Islam itu terdiri di atas suatu tapak(sumber) yang lemah dan rapuh.

Terdapat banyak karya yang mengulas perihal Hadith ḍa‘īf seperti kitab *Ḥukm al-‘Amal bi al-Ḥadīth al-Ḍa‘īf ‘inda al-Muḥaddithīn wa al-Fuqahā’* oleh Shaykh ‘Abd al-Fattāh bin Ṣālih Qudaysh al-Yāfi‘ī, *al-Ḥadīth al-Ḍaif wa Ḥukm al-Iḥtijāj bihi* oleh Dr. ‘Abd al-Karīm bin ‘Abdullah bin ‘Abd al-Raḥmān al-Khuḍayr, *Khutūrah Musāwah al-Ḥadīth al-Ḍaif bi al-Mawḍū‘* dan banyak lagi kitab yang sebegini. Maka, penulisan

---

[2] Muslim bin al-Ḥajjāj Abū al-Hasan al-Qusyayrī al-Naysāburī, *al-Musnad al-Ṣaḥīḥ al-Mukhtaṣar bi Naql al-‘adl ‘an al-‘adl ila Rasūlullāh ṣollallāhu ‘alayhi wasallam*, (Beīrūt: Dār al-Iḥya’ al-Turāth), 1:10.
[3] Muhammad ‘Awwamah, *Ḥukm al-‘Amal bi al-Ḥadīth al-Ḍa‘īf*, (Jeddah: Dār al-Minhāj, 2017), 12.
[4] Muḥammad Naṣir al-Dīn al-Albānī, *Silsilah Hadits Dhai’f dan Maudhu’*, terj. A.M. Basalamah (Jakarta: Gema Insani Press, 1995) 1:29.

Shaykh Muḥammad ‘Awwāmah dalam permasalahan ini juga patut bagi para pengkaji hadith membaca dan menelitinya dek kerana keadaan masyarakat Malaysia kini yang sedang parah bertelingkah disebabkan isu ini. Kitab beliau berjudul *Ḥukm al-‘Amal bi al-Ḥadīth al-Ḍa‘īf baina al-Naẓariyyah wa al-Taṭbīqiyyah wa al-Da‘awa*. Di dalam penulisan buku ini beliau Shaykh Muḥammad ‘Awwāmah mendatangkan pandangan-pandangan ulama-ulama hadith yang membolehkan beramal dengan hadith ḍa‘īf di dalam beberapa aspek. Antaranya:

1. Hadith ḍa‘īf boleh diamalkan sekiranya ianya bukan mawḍū‘, walaupun tanpa menyebut ḍa‘īf nya di tahap mana. Maka boleh meriwayatkan untuk beramal dengannya.
2. Boleh beramal dengan hadith ḍa‘īf pada bab-bab tertentu dalam ilmu seperti bab *faḍāil, al-targhīb wa al-tarhīb* dan seumpamanya.
3. Boleh diamalkan kerana boleh jadi ianya sahih pada batin, maka disebabkan itu ulamā’ membolehkan beramal dengan ḍa‘īf .

Kitab ini tertumpu kepada perbahasan tentang bagaimanakah ulama hadith berinteraksi serta beramal dengan hadith yang ḍa‘īf tanpa mengenepikan sumber yang sahih.

Oleh yang demikian, pengarang kitab ini cuba menonjolkan semula kaedah-kaedah yang telah lama di gunakan oleh ulama dahulu di dalam mendepani isu Hadith ḍa‘īf serta mendatangkan pandangan mereka sekaligus. Shaykh Muḥammad ‘Awwāmah cuba menyangkal kalam golongan-golongan yang mendakwa bahawa tidak boleh beramal dengan hadith ḍa‘īf secara mutlak[5]. Ini adalah suatu pemikiran baharu yang boleh diketengahkan dalam masyarakat Malaysia yang masih berbalah tentang perkara ini. Pemikiran Shaykh ‘Awwāmah dalam isu ini amat relevan dan *wasatīy*. Ianya amat

[5] Muhammad ‘Awwamah, *Ḥukm al-‘Amal bi al-Ḥadīth al-Ḍa‘īf*, (Jeddah: Dār al-Minhāj, 2017), 138-141.

sesuai diamalkan oleh seluruh umat Islam yang menyanjung tinggi agama ini kerana pemikiran seperti ini membimbing kearah keharmonian dan perpaduan.

Bertitik tolak dari senario ini, kajian ini cuba menerangkan kaedah atau cara-cara yang dibawakan oleh Shaykh Muḥammad ‘Awwāmah di dalam penulisan-penulisan beliau untuk menangani isu-isu hangat berkenaan hadith ḍa‘īf dalam kalangan masyarakat umumnya.

3.0 PERNYATAAN MASALAH KAJIAN

Hadith ḍa‘īf semakin hangat diperdebatkan masa kini sehinggakan sebahagian orang awam beranggapan bahawa hadith ḍa‘īf ini bukanlah hadith. Isu hadith ḍa‘īf ini bukanlah hanya tertumpu kepada boleh beramal ataupun tidak bahkan ia juga merangkumi isu menyamakan hadith ḍa‘īf dan mawḍū‘, hadith ḍa‘īf dijadikan sebagai hujjah, bermudah-mudah dalam menetapkan keḍa‘īfan sesuatu hadith dan sebagainya. Perkara ini membuatkan masyarakat menjadi sensitif terhadap hadith ḍa‘īf sehingga menyebabkan mereka menolaknya secara total.

Para agamawan dan juga intelektual Islam di Malaysia sekarang menghadapi cabaran yang sangat kuat apabila masyarakat awam mula menolak beramal dengan hadith ḍa‘īf secara total kerana bagi mereka setiap amalan yang dilakukan hanya sah bila berlandaskan dalil yang Ṣaḥīḥ atau Ḥasan sahaja. Sebagai contoh, apabila mereka mula mempersoalkan setiap amalan masyarakat yang telah lama dilakukan di suatu tempat dengan meminta dikemukakan dalil-dalil yang sahih bagi setiap ritual atau amalan tersebut. Selain itu, mereka juga didengarkan dengan slogan-slogan yang mengajak kembali kepada sunnah yang sahih. Hal ini menunjukkan bahawa seolah-olah amalan yang dilakukan masyarakat sebelum ini semuanya tidak ada dalil sahih.

Oleh yang demikian, secara ringkasnya kajian ini ditumpukan untuk menjawab permasalahan hadith ḍa‘īf seperti berikut:

1. Isu menyamakan hadith ḍa‘īf dengan hadith mawḍū‘.
2. Isu pemakaian hadith ḍa‘īf dalam penghujjahan.
3. Isu penolakan total hadith ḍa‘īf dalam semua aspek.
4. Isu “Semak Status Hadith Sebelum Sebar”
5. Isu bermudah-mudah dalam menetapkan keḍa‘īfan sesuatu hadith.

4.0 OBJEKTIF KAJIAN

Di dalam kajian ini, pengkaji mempunyai tujuan dan matlamat tertentu. Antara objektif yang digariskan ialah:

a. Meneliti kajian dan penyelidikan lepas dan semasa berkaitan hadith ḍa‘īf serta mawḍū‘.
b. Memperkenalkan keperibadian Shaykh Muḥammad ‘Awwāmah.
c. Menjelaskan isu-isu berkaitan hadith ḍa‘īf dan palsu dalam masyarakat.
d. Menganalisis pemikiran Shaykh Muḥammad ‘Awwāmah dalam mendepani isu hadith ḍa‘īf berasaskan kitab *Ḥukm al-‘Amal Bi al-Ḥadīth al-Ḍa‘īf*.

5.0 PERSOALAN KAJIAN

Pengkaji menyatakan beberapa persoalan kajian yang relevan dalam kajian ini. Antara persoalan-persoalan utama dalam kajian ini adalah:

a. Apakah bentuk kajian dan penyelidikan lepas dan semasa berkaitan hadith ḍa‘īf serta mawḍū‘?
b. Siapakah Shaykh Muḥammad ‘Awwāmah?
c. Apakah isu-isu berkaitan hadith ḍa‘īf dan palsu dalam masyarakat?
d. Bagaimanakah pemikiran Shaykh Muḥammad ‘Awwāmah dalam mendepani isu hadith ḍa‘īf berasaskan kitab *Ḥukm al-‘Amal Bi al-Ḥadīth al-Ḍa‘īf*?

6.0 KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini amat penting kepada penuntut ilmu serta masyarakat awam kerana dapat menjelaskan kekeliruan yang berlaku dalam kalangan sebahagian ilmuwan mengenai hukum beramal dengan hadith ḍa‘īf serta isu-isu yang berkaitan hadith ḍa‘īf.

Kajian ini akan menerangkan bahayanya menyamakan hadith ḍa‘īf dan mawḍū‘ kepada orang ramai dan para penuntut ilmu agama khususnya. Hal ini kerana ulama hadith terdahulu tidak pernah melakukan perkara yang demikian kerana setiap hadith ḍa‘īf itu berkemungkinan benar sekiranya tidak dapat dibuktikan keḍa‘īfannya.[6]

Kajian ini menjelaskan sumbangan Shaykh Muḥammad ‘Awwāmah dalam bidang keilmuwan terutama bidang hadith. Beliau banyak menulis karya-karya yang bermanfaat di dalam bidang hadith dan penulisan beliau amat penting untuk dibaca dan dikaji bagi penuntut ilmu agama khususnya.

Kajian ini juga menerangkan kaedah pengamalan para ulama dengan hadith ḍa‘īf. Para ulama tidak menolak secara total pengamalan hadith ḍa‘īf melainkan dengan bersyarat. Kajian ini dapat memberikan nilai tambah mengenai pemahaman para ulama terhadap isu hadith ḍa‘īf berasaskan pemikiran Shaykh Muḥammad ‘Awwāmah.

7.0 SKOP KAJIAN

Kajian ini tertumpu kepada isu hadith ḍa‘īf secara umum dan khusus. Pengkaji akan memberikan penekanan kepada metodologi Shaykh Muḥammad ‘Awwāmah yang kontemporari dan ulama-ulama silam berkaitan pengamalan dengan hadith ḍa‘īf . Pengkaji juga akan membincangkan berkenaan karya-karya Shaykh Muḥammad ‘Awwāmah yang berkaitan isu hadith ḍa‘īf dan aplikasi yang sesuai bagi mewujudkan

[6] Imam Ibn Salāh menyebutkan bahawa “Hadith mawdū‘ adalah seburuk-buruk hadith ḍa‘īf, dan tidak boleh bagi orang yang ada ilmu tentang hadith meriwayatkannya tanpa menyebutkan kemawdū‘annya. Berbeza pula hadith ḍa‘īf yang ada kemungkinan benar pada batinnya”.

suasana ilmu yang lebih efektif dan harmoni dalam kalangan para penuntut ilmu dan juga ilmuwan Islam masa kini.

8.0 SOROTAN LITERATUR

Kajian mengenai hadith ḍa‘īf telah banyak dilakukan. Begitu juga kajian berkenaan ulama Hadith. Namun begitu, belum ada lagi kajian yang dilakukan terhadap pemikiran Shaykh Muḥammad ‘Awwāmah berkait hadith ḍa‘īf, kemudian penganalisisan idea dan metode yang diketengahkan oleh Shaykh Muḥammad ‘Awwāmah masih belum dikaji lagi. Analisis bandingan antara Shaykh Muḥammad ‘Awwāmah dengan garis panduan ulama hadith *mutaqaddimīn* dan *muta’akhirīn* akan menonjolkan suatu idea baru berkenaan metode berinteraksi dengan hadith ḍa‘īf dalam kehidupan mu’min umumnya.

Berikut merupakan sorotan kajian lepas yang mempunyai perkaitan tajuk dengan penyelidikan:

8.1 Kajian Mengenai Hadith Ḍa‘īf

Kajian mengenai hadith ḍa‘īf begitu banyak dilakukan oleh para pengkaji. Namun pengkaji hanya memetik tiga kajian hadith ḍa‘īf yang mempunyai perkaitan dengan pengkaji iaitu, Arwansyah bin Kirin, “Hadith-hadith Ḍa‘īf dan Palsu dalam *Naṣā’iḥ Al-‘Ibād* oleh Nawawi Banten: Pengaruhnya Terhadap Masyarakat Islam di Sumatera”.[7] Kajian kedoktoran ini mendedahkan kepada kita kekuatan dan kelemahan setiap Hadith yang terdapat di dalam kitab *Naṣā’iḥ Al-‘Ibād*. Kemudian ia juga menjelaskan kesan atau pengaruh hadith-hadith ḍa‘īf dan mawḍū‘ yang tersebar dalam Masyarakat Islam Sumatera Indonesia. Walaupun begitu, kajian tersebut berbeza dengan kajian pengkaji

[7] Arwansyah bin Kirin, “Hadith-hadith Daif dan Palsu dalam Nasa’ih Al-‘Ibad oleh Nawawi Banten: Pengaruhnya Terhadap Masyarakat Islam di Sumatera” (tesis kesarjanaan, Program Pengajian Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2016).

memandangkan pengkaji mengkaji mengenai isu hadith ḍa‘īf yang kembali hangat diperdebatkan masa kini.

Kajian Fathullah Al Haq Muhamad Asni, Jasni Sulong, dan Ammar Ismail “Penggunaan Hadith Ḍa‘īf Dalam Fatwa Mengenai Wasiat Di Malaysia Serta Langkah Penyelesaiannya”[8], iaitu perbincangan sekitar aspek penggunaan hadith ḍa‘īf dalam fatwa oleh kalangan mufti. Hasil kajian ini lebih menjelaskan mengenai penggunaan Hadith ḍa‘īf dalam fatwa wasiat wajibah dan wasiat kepada ahli waris. Kajian artikel jurnal ini jelas berbeza dengan kajian pengkaji kerana pengkaji mendedahkan isu hadith ḍa‘īf yang terdapat dalam karya Shaykh Muḥammad ‘Awwāmah khususnya.

Naziah binti Jusoh@Muhammad dengan kajian ilmiahnya yang berjudul, “Penggunaan Hadith Ḍa‘īf Dalam Kitab Al-Buyū‘: Kajian Di Dalam Kitāb Sunan Al-Tirmidhī”, kajian ini memberikan sedikit manfaat kepada pengkaji. Naziah binti Jusoh@Muhammad telah mengupas perihal penggunaan hadith ḍa‘īf dalam kitab matan serta kedudukan hadith-hadith ḍa‘īf di dalam perbahasannya dari sudut untuk berhujah dan beramal. Walaupun begitu, pengkaji merasakan dapatan kajian berkait berhujah dan beramal dengan hadith ḍa‘īf yang dilakukan oleh pengkaji di atas tidak begitu tepat dan mendalam. Hal ini kerana, bila pengkaji di atas menyatakan bahawa terdapat hadith yang tidak boleh diambil sebagai hujah dalam kitab al-Buyū‘ Jami‘ Tirmidhī. Walhal, Imam al-Tirmidhī menyebutkan di penghujung Jami‘ Tirmidhī dalam kitāb al-‘ilal bahawa, “Setiap Hadith di dalam kitab jami‘ ini kesemuanya boleh diamalkan melainkan dua hadith iaitu hadith jama‘ solat tanpa uzur dan hukuman mati bagi peminum arak”. Namun begitu, data-data yang terdapat di dalam kajian ini sedikit sebanyak membantu pengkaji untuk mengutarakan elemen-elemen tunjang dalam isu beramal dengan hadith ḍa‘īf.

[8] Fathullah Al Haq Muhamad Asni, Jasni Sulong, dan Ammar Ismail. *“Penggunaan Hadis Daif Dalam Fatwa Mengenai Wasiat Di Malaysia Serta Langkah Penyelesaiannya” Journal of Hadith Studies* 2 (10 Jun, 2017), 39-49.

8.2 Kajian mengenai Pemikiran Shaykh Muḥammad ‘Awwāmah

Pengkaji tidak menemui kajian yang dijalankan secara spesifik berkenaan pemikiran Shaykh Muḥammad ‘Awwāmah. Tetapi, terdapat satu artikel jurnal ushuluddin yang ditulis oleh Johar Arifin berjudul, “Pendekatan Ulama Hadith dan Fiqh dalam Menelaah Kontroversial Hadith”.[9]menganalisis sedikit pemikiran Shaykh Muḥammad ‘Awwāmah dalam menyimpulkan atau menyelesaikan hadith-hadith kontroversial. Berdasarkan pengamatan pengkaji, pengkaji di atas hanya menekankan pemikiran Shaykh Muḥammad ‘Awwāmah dari segi menghadapi hadith-hadith yang tampak bertentangan sahaja.

Terdapat juga kajian mengenai guru beliau iaitu Shaykh ‘Abd al-Fattāḥ Abū Ghuddah. Kajian ini dijalankan oleh Mohd Khafidz Soroni yang berjudul, “Syeikh ‘Abd al-Fattah Abu Ghuddah: riwayat hidup dan sumbangannya di dalam pengajian Hadith”.[10] Pengkaji telah mendedahkan pemikiran Shaykh ‘Abd al-Fattāḥ Abū Ghuddah secara khusus di dalam disiplin *muṣṭolah Hadith* bagi melihat sumbangannya terhadap disiplin berkenaan. Kajian yang dijalankan oleh Mohd Khafidz Soroni amat berbeza sekali kerana pengkaji di atas mengkaji perihal pemikiran Shaykh ‘Abd al-Fattāḥ Abū Ghuddah. Walaupun begitu, kajian ini sedikit sebanyak memberikan input yang berguna kepada pengkaji khususnya dalam menyelami idea pemikiran Shaykh Muḥammad ‘Awwāmah.

8.3 Kajian mengenai Kitab Ḥukm al-‘Amal bi al-Ḥadīth al- Ḍa‘īf

Kajian mengenai kitab beramal dengan hadith ḍa‘īf telah banyak dilakukan. Muhamad Rozaimi Ramle dengan karyanya yang berjudul, “Hadith Palsu & Ḍa‘īf dalam Masyarakat Melayu”[11] telah menyingkap perbincangan yang merangkumi status hadith,

[9] Johar Arifin, “*Pendekatan Ulama Hadis dan Fiqh dalam Menelaah Kontroversial Hadis”, Jurnal Ushuluddin* XXII, no.2 (Julai 2014), 151.
[10] Mohd Khafidz Soroni, “Syeikh ‘Abd al-Fattah Abu Ghuddah: riwayat hidup dan sumbangannya di dalam pengajian Hadith” (disertasi Sarjana, Jabatan Al-Quran dan Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2008).
[11] Muhamad Rozaimi Ramle, *Hadis Palsu & Daif dalam Masyarakat Melayu* (Kuala Lumpur: Karya Bestari, 2016).

kritikan ke atas perawi yang meriwayatkannya, hujah dan dalil yang menyokong serta apa yang perlu dilakukan oleh orang awam berkaitan hadith-hadith dalam buku tersebut. Namun, kajian tersebut berbeza dengan kajian pengkaji yang mengkaji secara khusus terhadap penulisan Shaykh Muḥammad ‘Awwāmah.

9.0 METODOLOGI KAJIAN

Untuk menyiapkan kajian ini, pengkaji menggunakan beberapa metode penyelidikan iaitu:

9.1 Metode Pengumpulan Data

Metode ini digunakan untuk mendapatkan data-data daripada beberapa sumber yang berkaitan dengan tajuk kajian. Dalam rangka pengumpulan data-data tersebut, pengkaji menggabungkan metode-metode berikut :

9.1.1 Metode Kajian Keperpustakaan

Pengkaji telah merujuk pelbagai dokumen seperti buku-buku ilmiah, artikel jurnal dan laman sesawang yang berautoriti untuk mendapatkan maklumat berkaitan tajuk kajian. Dokumen-dokumen ini dibaca, diteliti dan dianalisis. Seterusnya maklumat-maklumat yang diperoleh daripada dokumen tersebut dirumuskan dan dibuat kesimpulan untuk menyelesaikan persoalan kajian yang telah dinyatakan. Metode ini banyak digunakan di dalam bab pertama dan kedua dalam kajian ini.

9.1.2 Metode Historis

Metode ini digunakan oleh pengkaji untuk mendapatkan maklumat tentang sejarah ulama *mutaqaddimīn* dan *muta'akhirīn* dalam berinterkasi dengan Hadith ḍa‘īf. Perolehan data ini amat penting kerana pengkaji ingin membandingkan kaedah mereka dan kaedah Shaykh Muḥammad ‘Awwāmah dalam berinteraksi dengan Hadith ḍa‘īf .

9.2 Metode Analisis Data

Selepas data-data dikumpulkan melalui beberapa metode yang telah dinyatakan, pengkaji meneruskan kajian dengan mengolah data-data tersebut dan menganalisisnya. Semasa menganalisis data-data tersebut, pengkaji telah mengaplikasikan beberapa metode:

9.2.1 Metode Induktif

Metode induktif ialah merumuskan kesimpulan kajian daripada bentuk khusus kepada umum. Pengkaji mengaplikasikan metode ini bagi menyimpulkan bagaimana pemikiran Shaykh Muḥammad ʻAwwāmah dalam beramal dengan hadith ḍaʻīf sehingga melahirkan satu garis panduan yang baru terhadap hukum beramal dengan hadith ḍaʻīf. Metodologi ini diaplikasikan dalam bab ketiga yang mana membicarakan mengenai isu-isu hadith ḍaʻīf yang berlaku dalam masyarakat.

9.2.2 Metode Deduktif

Metode deduktif ialah merumuskan satu kesimpulan yang bersifat khusus setelah dirujuk daripada kenyataan umum. Pengkaji mengaplikasikan metode ini setelah meneliti dan menganalisis semua maklumat mengenai isu hadith ḍaʻīf melalui kajian-kajian lepas yang dikhususkan kepada kitab *Ḥukm al-ʻAmal Bi al-Ḥadīth al- Ḍaʻīf* karangan Shaykh Muḥammad ʻAwwāmah. Metodologi ini digunakan dalam bab keempat bagi menganalisis beberapa kenyataan-kenyataan yang dirujuk berkaitan hadith ḍaʻīf

9.2.3 Metode Kualitatif

Metode kualitatif merupakan proses kajian berdasarkan metodeologi penyelidikan terhadap suatu fenomena sosial dan masalah yang berlaku terhadap manusia. Melalui metode ini, pengkaji cuba mendapatkan gambaran yang komprehensif dan kompleks tentang kaedah ulama berinteraksi dengan hadith ḍaʻīf berdasarkan penelitian terhadap beberapa kitab Shaykh Muḥammad ʻAwwāmah. Selain itu, pengkaji juga membuat penelitian terhadap isu-isu yang tular dalam kalangan masyarakat berkaitan hadith ḍaʻīf.

10.0 SISTEMATIKA KAJIAN

Kajian ini dibahagikan kepada lima bab utama yang bertujuan agar maklumat-maklumat yang dianalisis dan penulisan kajian dapat dilaksanakan dengan sistematik dan bermutu. Bagi memulakan kajian bab pendahuluan dijadikan sebagai pembuka kajian yang mana dalam bab pendahuluan ini difokuskan kepada beberapa aspek penting dalam kajian yang dimulai dengan pengenalan kepada kajian, latar belakang masalah kajian, pernyataan masalah kajian, objektif kajian, persoalan kajian, kepentingan kajian, skop kajian, kajian terdahulu, metodologi kajian dan sistematika kajian.

Bagi bab pertama, fokus perbicangan adalah terhadap pengumpulan kajian dan penyelidikan lepas dan semasa yang telah dilakukan berkaitan hadith ḍa‘īf dalam bentuk kajian bibliometrik. Dijelaskan juga peratusan kajian yang dilakukan di beberapa institusi pengajian tinggi berkaitan hadith ḍa‘īf berdasarkan beberapa aspek seperti aspek dari kajian buku, disertasi sarjana, disertasi kedoktoran, internet dan seumpamanya.

Manakala dalam bab kedua, pengkaji membahaskan tentang biografi tokoh Shaykh Muḥammad ‘Awwāmah bermula dengan nama dan kelahiran beliau, rehlah pengajian, senarai guru serta murid dan kerjaya sehinggalah sumbangan beliau dari sudut dunia keilmuwan. Kemudian, dijelaskan mengenai kitab *Ḥukm al-‘Amal bi al-Ḥadīth al-Ḍa‘īf* dari sudut latar belakang kitab, fokus utama perbincangan kitab dan metode penulisan dan persembahan kitab.

Seterusnya dalam bab ketiga, pengkaji akan membahaskan isu-isu berkaitan dengan hadith ḍa‘īf dalam masyarakat. Sebelum menjelaskan mengenai isu-isu berkaitan hadith ḍa‘īf yang berlaku dalam masyarakat, pengkaji terlebih dahulu menyatakan metode dalam pemilihan isu-isu yang berkaitan hadith ḍa‘īf. Kemudian, barulah dijelaskan isu yang berlaku seperti isu menyamakan hadith ḍa‘īf dengan hadith mawḍū‘, isu pemakaian hadith ḍa‘īf dalam penghujjahan, isu penolakan total hadith ḍa‘īf dalam

semua aspek, isu kempen “semak status hadith sebelum sebar” dan isu bermudah-mudah dalam menetapkan keḍa‘īfan sesuatu hadith.

Dalam bab keempat pula, pengkaji akan merincikan analisis terhadap beberapa contoh isu yang telah dinyatakan dalam bab sebelum ini berasaskan pemikiran serta pendekatan Shaykh Muḥammad ‘Awwāmah. Seterusnya, pengkaji merungkaikan pemahaman menyeluruh Shaykh Muḥammad ‘Awwāmah terhadap isu hadith ḍa‘īf dengan menyatakan persamaan pemahaman beliau dengan ulama Madinah serta dirincikan juga perbezaan metodologi beliau dalam penerimaan hadith ḍa‘īf sebagai hujjah.

Akhir sekali dalam bab kelima iaitu penutup bagi kajian ini pengkaji telah membuat kesimpulan serta rumusan secara umum dan khusus dari hasil kajian ini. Pengkaji juga menjelaskan saranan dan cadangan yang boleh dilaksanakan pada masa hadapan.

BAB SATU

KAJIAN DAN PENYELIDIKAN LEPAS DAN SEMASA TENTANG HADITH ḌA‘ĪF DAN MAWḌŪ‘

1.0 Pendahuluan

Perbincangan dalam bab pertama ini akan mengumpulkan kajian dan penyelidikan yang telah dilakukan dan semasa tentang hadith ḍa‘īf dan mawḍū‘. Seterusnya, melakukan pengkelasan mengikut bahagian-bahagian tema berkaitan di beberapa institut pengajian tinggi.

1.1 Hadith Ḍa‘īf dan Mawḍū‘ (Palsu)

Menurut bahasa, ḍa‘īf berasal daripada kata *al-ḍa‘f* (lemah) antonim bagi kuat dan sahih.[12] Maka hadith ḍa‘īf bermaksud hadith yang tidak mencukupi syarat hadith ṣaḥīḥ yang 5 mahupun ḥasan iaitu bersambung sanad, perawinya adil, perawinya *ḍhābit*, tidak *syādh* (ganjil), dan tidak ber*‘illah* (cacat).

Imam al-‘Irāqī (w.806H) mendefinisikan hadith ḍa‘īf sebagai hadith yang tidak mencapai martabat hadith ḥaṣan.[13] Definisi hadith ḍa‘īf oleh Imam al-Suyūṭī (w.911H) pula terdapat tambahan iaitu tidak mencapai martabat hadith ṣaḥīḥ dan ḥasan. Manakala, terdapat definisi oleh Muḥammad ‘Ajjāj al-Khaṭīb yang lebih umum menyebut hadith ḍa‘īf merupakan hadith yang tidak memenuhi syarat hadith *maqbūl*.[14] Shaykh Muḥammad ‘Awwāmah pula berpandangan bahawa hadith ḍa‘īf ialah hadith yang tidak memenuhi ciri-ciri hadith *maqbūl* (haṣan) dari segi sanad mahupun matan.[15]

---

[12] ‘Abdul Karīm bin ‘Abdullah bin ‘Abdul al-Raḥmān al-Khuḍayr, *al-Ḥadīth al-Ḍa‘īf Wa Ḥukm al-Iḥtijāj Bihi*, (Riyadh: Dār al-Minhāj, 2003), 55.
[13] Abū Faḍhl ‘Abd al-Rahīm ibn al-ḥusayn al-‘Irāqī al-Shāfi‘ī, *al-Tabṣirah wa al-Tadhkirah fi ‘Ulum al-ḥaḍīth*, (Jeddah: Dār al-Minhāj, 2014), 100.
[14] Muḥammad ‘Ajjāj al-Khaṭīb, *Ushul al-Had*is, terj. Qadirun-Nur, (Jakarta: Gaya Media, 1998), 271.
[15] Muhammad ‘Awwamah, *Ḥukm al-‘Amal bi al-Ḥadīth al-Ḍa‘īf*, (Jeddah: Dār al-Minhāj, 2017), 31.

Hadith mawḍū‘ merupakan satu ucapan yang bukan daripada Nabi SAW tetapi disandarkan kepada baginda SAW tanpa rasa bertanggungjawab oleh perawi tertentu. Bahkan Imam Ibn Ṣalāh menyebut hadith mawḍū‘ sebagai hadith ḍa‘īf yang paling buruk/rendah serta tidak boleh disebarkan sama sekali melainkan jika dijelaskan taraf mawḍū‘ bagi hadith tersebut.[16] Dalam kitab *Tadrīb al-Rāwī*, *mawḍū‘* disebut sebagai sesuatu yang dicipta atau rekaan semata dan ia merupakan seburuk-buruk ḍa‘īf.[17]

Berdasarkan kepada beberapa pandangan ulama hadith di atas pengkaji lebih cenderung terhadap pandangan al-Suyūṭī kerana pandangan beliau lebih mudah untuk difahami oleh semua golongan. Berbanding pandangan-pandangan lain yang lebih sesuai untuk kalangan penuntut ilmu dan ahli akademik.

1.2 Kajian dan Penyelidikan Tentang Hadith Ḍa‘īf dan Mawḍū‘ (Palsu)

Aktiviti kajian dan penyelidikan merupakan salah satu petanda terhadap usaha para pengkaji untuk mencapai sesuatu perkara secara ilmiah. Sumbangan para pengkaji dalam dunia kajian dan penyelidikan telah merancakkan lagi perkembangan ilmu masa kini. Perkembangan yang baik ini makin mendapat sambutan dari semasa ke semasa di institut-institut pengajian tinggi dan markas-markas keilmuwan yang lain.

Kajian dan penyelidikan berkaitan hadith ḍa‘īf dan mawḍū‘ telah banyak dilakukan dalam dunia pengajian Islam khususnya, begitu juga penulisan-penulisan arktikel, buku ilmiah serta buku bacaan umum juga banyak ditulis bagi membahaskan berkaitan hadith ḍa‘īf dan mawḍū‘. Merujuk kepada pernyataan di atas, pengkaji berusaha melakukan pengumpulan dan pengkelasan terhadap hadith ḍa‘īf dan mawḍū‘ berdasarkan subtopik-subtopik tertentu.

---

[16] ‘Uthmān bin ‘Abd al-Rahmān, *Ma‘rifah Anwā‘ ‘Ulum al-Ḥaḍīth* (Beirut: Dār al-Fikr, 1986), 98.
[17] Al-Imām Jalāl al-Dīn Al-Suyūṭī, *Tadrīb al-Rāwī fi Syarh Taqrīb al-Nawāwī,* taḥqīq Shaykh Muḥammad ‘Awwāmah (Jeddah: Dār al-Minhāj, 2016), 2: 426.

Maka usaha ini sedikit sebanyak boleh memudahkan lagi pengkaji-pengkaji seterusnya bagi memperolehi data dan maklumat yang berkaitan hadith ḍa‘īf dan mawḍū‘ pada masa hadapan. Berdasarkan penelitian yang dilakukan terhadap kajian dan penyelidikan tentang hadis ḍa‘īf dan mawḍū‘ (palsu) berasaskan beberapa aspek dari tahun 1990 hingga tahun 2017 di beberapa institusi pengajian tinggi dalam negara mahupun luar negara serta beberapa sumber-sumber bacaan umum yang lain. Maka fakta-fakta di dalam jadual di bawah menjelaskan bilangan kajian yang telah dilakukan tentang hadith ḍa‘īf dan mawḍū‘ (palsu).

1.2.1 Kajian dan Penyelidikan Berasaskan Kitab

Setiap isu yang timbul pasti akan ada kajian atau penyelidikan dilakukan untuk mencari solusi atau mengkaji sesuatu isu tersebut. Hal ini kerana, untuk mendapatkan penemuan baharu yang sedikit sebanyak akan memberi manfaat yang besar terhadap umat manusia.

Berdasarkan jadual 1.1 di bawah pengkaji cuba mengumpulkan kajian dan penyelidikan yang telah dilakukan berkaitan hadith ḍa‘īf dan mawḍū‘.

Jadual 1.1. Senarai Kajian dan Penyelidikan Lepas dan Semasa Tentang Ḥadith Ḍa‘īf dan Mawḍū‘ (palsu) Berasaskan Kitab

Tesis Phd	
1.	Arwansyah, Kirin. “Hadith-hadith daif dan palsu dalam Nasa’ih al-‘Ibad oleh Nawawi Banten: Pengaruhnya terhadap masyarakat Islam di Sumatera” (tesis kesarjanaan, Universiti Malaya, 2016).
2.	Mohd Sophian Ismail, “Daif sunan al-Tirmidhi oleh Sheikh al-Albani (1999/1420H) dan kesan daripada shawahid al-Imam al-Tirmidhī” (tesis kesarjanaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2015).
3.	Muḥammad Amin,Muḥammad Fauzī. “Al-Aḥādīth al-Mawḍū‘ah fī Kutub al-Jāwī fī al-Qarni al-Tāsi‘ ‘Asyar al-Masīhī – Dirāsah Taḥliliyah” (tesis kesarjanaan, Universiti Malaya, 2008).
4.	Shamsudin, Roshimah. “Hadith daif dalam khutbah Jumaat: kajian terhadap khutbah-khutbah yang dikeluarkan oleh Majlis Agama Islam Negeri Kedah (dari tahun 1995-2000)” (tesis kesarjanaan, Jabatan Al-Quran dan Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2003).

5.	Sengendo, Ismael Hussein, “Al-Ghazzali's usage of weak hadith in his writings, with special references to his attempt to revive Islamic sciences” (PhD diss, International Institute of Islamic Thought and Civilization, International Islamic University Malaysia, 2002).
6.	Ramli, Farhah Zaidar Mohd. “Penggunaan hadith-hadith daif: kajian khusus dalam Kitab Al-Ilmi dalam Ihya' Ulum Al-Din” (tesis kesarjanaan, Fakulti Usuluddin, Akademi Islam, Universiti Malaya, 1998).
Disertasi Sarjana	
1.	Ahmad Nuhairi Abdullah, “Kajian hadith daif dan mawdu' dalam tafsir Ibn Kathir berdasarkan surah al-Kahfi dan surah Maryam” (disertasi kesarjanaan, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, 2016).
2.	Jamaluddin Abdul Wahab, “Penggunaan Hadith-hadith Ḍa‘īf Dalam Khutbah Jumaat: Suatu Kajian Terhadap Khutbah Jumaat Terbitan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS)” (disertasi kesarjanaan, Jabatan Al-Quran dan Al-Hadith, Universiti Malaya, 2006).
Latihan Ilmiah	
1.	Siti Zubaidah Binti Rohaidi, “Hadith Mawḍū‘ Dalam Topik Menuntut Ilmu Dalam Penulisan Ilmiah” (latihan ilmiah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2015).
2.	Siti Maryam Aj Jalilah Binti Roslan, “Keberadaan Hadith Mawḍū‘ Berkaitan Al-Quran Dalam Masyarakat Melayu: Suatu Kajian” (latihan ilmiah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2015).
3.	Siti ‘Aisyah Binti Aziz, “Penyebaran Hadith Mawḍū‘ Berkaitan Bab Puasa Di Laman Sosial” (latihan ilmiah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2015).
4.	Naziah Jusoh@Muhammad, “Penggunaan ḥadīth ḍa’īf Dalam Kitāb al-Buyū‘: Kajian Di Dalam Kitāb Sunan al-Tirmidhī” (latihan ilmiah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2006).
5.	Sakinah@Sapinah Maamor, “Penggunaan Hadith Da‘if Dalam Kitab Fiqh: Tumpuan Terhadap Bab Solat Di Dalam Kitab al-Tahzib” (latihan ilmiah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2001).
Artikel Jurnal	
1.	Muhammad Nur Adzim Amran, Ahamad Asmadi Sakat, dan Latifah Abdul Majid, “*Analisis Hadis Mawdu’ Dalam Novel Perempuan Nan Bercinta Karya Faisal Tehrani,*” *Jurnal Al-Hikmah* 7, no.2 (2015), 40-54.
Makalah atau Bab Dalam Buku	
1.	Mohamad Hasbullah Salim dan Mohd Aizul Yaakob, “*Penggunaan Hadith Da'if Di Dalam Aspek Al-targhib Wa Al-tarhib: Kajian Terhadap Kitab Lubab Al-hadith Karya Sheikh Abu Bakar Palestin*” dalam Sunnah Nabi: Realiti dan Cabaran Semasa, ed. Fauzi Deraman, Ishak Suliaman dan Faisal Ahmad Shah

	(Kuala Lumpur: Jabatan Al-Quran dan Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2011), 543-556.
2.	Aisyah Dollah, "*Sumbangan Ahmad Ali Abu Bakar Dalam Mengumpulkan Hadith Da'if Dan Palsu: Kajian Terhadap Kitab Kepalsuan Yang Masyhur*" dalam Takhrij hadith di Nusantara : keperluan masa kini, ed. Fauzi Deraman, Faisal Ahmad Shah, Ishak Suliaman (Kuala Lumpur : Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2011), 315-327.
Buku	
1.	Abdul Somad, *37 Masalah Populer* (Riau: Tafaqquh, 2015).
2.	Ariffin Omar dan Zaini Nasohah, *Hadis Daif: Ciri-ciri dan Hukum* (Kuala Lumpur: Utusan Publications&Distributors Sdn Bhd, 2005).
3.	Abdul Razak Muthalib, *40 Hadis Palsu dan Lemah Popular* (Batu Caves, Selangor: PTS Publishing House Sdn Bhd, 2016).
Laman Sesawang	
1.	Mohd Asri Zainul Abidin, "Hadis daif dan palsu dalam kitab Ihya Ulumiddin," laman sesawang *Utusan Online*, dicapai 3 Januari 2006, http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2006&dt=0103&pub=Utusan_Malaysia&sec=Bicara_Agama&pg=ba_03.htm.

Berdasarkan data maklumat di dalam jadual 1.1 di atas boleh dilihat bahawa kajian dan penyelidikan hadith ḍa'īf dan mawḍū' berasaskan kitab telah banyak dijalankan sekitar tahun 1990 sehingga tahun 2017. Jadual 1.2 merupakan pembahagian bilangan kajian mengikut terbitan dari universiti juga terbitan-terbitan lain:

Jadual 1.2. Jumlah Penghasilan Kajian Dan Penyelidikan Hadith Ḍa'īf Dan Mawḍū' Berasaskan Kitab

Bil	Institusi Pengajian	Jumlah
1.	Universiti Malaya	12
2.	Universiti Kebangsaan Malaysia	1
3.	Universiti Sains Malaysia	1
4.	Universiti Islam Antarabangsa Malaysia	1
5.	Lain-lain	5

Jadual 1.2 menunjukkan taburan bilangan kajian yang telah dilakukan diantara Universiti Malaya, Universiti kebangsaan Malaysia, Universiti Sains Malaysia, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia dan beberapa bacaan umum yang lain. Jumlah keseluruhan

kajian ialah sebanyak 20 kajian. Peratusan kajian daripada Universiti Malaya mewakili sebanyak (60%), manakala Universiti Kebangsaan Malaysia sebanyak (5%), Universiti sains Malaysia mewakili sebanyak (5%), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia sebanyak (5%) juga. Kemudian, daripada sumber-sumber lain pula ialah sebanyak (25%).

Perkara ini menunjukkan bahawa perkembangan kajian ilmiah berkaitan hadith ḍa‘īf dan mawḍū‘ di Universiti Malaya lebih rancak berbanding dengan universiti-universiti lain. Walaupun begitu, kajian demi kajian perlu terus dilakukan bagi menjawab permasalahan-permasalahan yang timbul dalam kalangan masyarakat. Para pengkaji perlu cakna dan peka terhadap sesuatu isu agar sesuatu isu itu boleh diselesaikan dengan ilmiah. Berdasarkan jadual 1.2 pengkaji mendapati bahawa 12 kajian yang telah dilakukan di Universiti Malaya cenderung kepada perbahasan hadith tasawwuf dan kajian status hadith dalam bab tertentu dalam sesebuah kitab. Manakala, Universiti Kebangsaan Malaysia pula membahaskan tentang hadith ḍa‘īf dalam kitab sunan al-Tirmidhī dan hanya dijumpai satu kajian sahaja. Universiti Islam Antarabangsa Malaysia dan Universiti Sains Malaysia kajian yang dilakukan menyentuh perbincangan mengenai hadith-hadith ḍa‘īf di dalam karya-karya ulama. Selebihnya, adalah umum seperti berteraskan konsep, teori dan terdapat satu kajian oleh Dr. Mohd Asri Zainul Zainal Abidin yang berkaitan hadith tasawwuf.

1.2.2 Kajian dan Penyelidikan Berasaskan Kajian Lapangan

Berikut merupakan kajian-kajian tentang hadith ḍa‘īf dan mawḍū‘ berasaskan kajian lapangan yang pengkaji perolehi. Jadual 1.2 di bawah menunjukkan beberapa kajian lepas yang telah dibahagikan kepada beberapa kategori sumber.

Jadual 1.3. Senarai Kajian dan Penyelidikan Lepas dan Semasa Tentang Ḥadith Ḍa‘īf dan Mawḍū‘ (palsu) Berasaskan Kajian Lapangan

Disertasi Sarjana	
1.	Muhammad Hidayat Basri, “Pengamalan Hadith-hadith ḍa‘īf dan Mawḍū‘ Di Kalangan Ahli Tariqat Naqsabandi: Suatu Kajian Di Babussalam-Sumatera Utara” (disertasi kesarjanaan, Universiti Malaya, 2006).
Latihan Ilmiah	
1.	Rusnita Hat, “Kesan Pengamalan Hadith Palsu Di Kalangan Masyarakat Melayu: Satu Kajian Di Kodiang Kedah” (latihan ilmiah, Universiti Malaya, 2000).
2.	Abdul Adil Abdul Aziz, “Kesedaran Hadis Mawḍū‘ Yang Masyhur; Kajian Terhadap Pelajar Jabatan Da‘wah dan Pembangunan Insan” (latihan ilmiah, Universiti Malaya, 2010).
Artikel Jurnal	
1.	Mukhlis Rahmanto, “Otoritas Hadis Daif dan Problem Epistemologis Hadis Di Muhammadiyyah” *Jurnal Tarjih* 12, 1 (2014), 51-62.
Buku	
1.	Jawiah Dakir, *Keberadaan al-Mawdu‘ Dalam Masyarakat Melayu* (Bangi, Selangor: Penerbit Ukm, 2014).
Makalah atau Bab Dalam Buku	
1.	Wahyu Hidayat Abdullah dan Muhammad Mustaqim Mohd Zarif, “Hadis Palsu Dalam Karya-karya Keagamaan Di Alam Melayu dan Kesannya Terhadap Masyarakat,” dalam *Salah Faham Terhadap Sunnah: Isu dan Penyelesaian*, ed. Khadher Ahmad, Faisal Ahmad Shah dan Monika @ Munirah Abd Razzak (Kuala Lumpur: Jabatan Al-Quran & Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2015), 249-264.
2.	Suzana Shamsu, Rasinah Ahim, dan Fadzlinawati Mohiddin, “Memahami Hadith Mawḍū‘ Dalam Kalangan Pelajar: Menyuluh Cabaran di Universiti Islam Sultan Sharif Ali,” dalam Seminar Antarabangsa Sunnah Nabawiyah: Realiti dan Cabaran Ke-2, (Kuala Lumpur: Jabatan Al-Quran dan Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2013).
Laman Sesawang	
1.	Anuar Ahmad, “Integriti menangani penularan hadis palsu,” laman sesawang *Utusan Online*, dicapai 26 Julai 2017, http://www.utusan.com.my/rencana/utama/integriti-menangani-penularan-hadis-palsu-1.507246.
2.	T.p., “Kesan Hadith Dhaif dan Palsu Terhadap Kehidupan Muslim,” laman sesawang *al-Ahkam.net*, dicapai 4 Mei 2006, http://www.al-ahkam.net/home/content/kesan-hadith-dhaif-dan-palsu-terhadap-kehidupan-muslim.

Hasil dapatan daripada pengumpulan data berkenaan kajian dan penyelidikan lepas tentang hadith ḍa‘īf dan mawḍū‘ di dalam jadual 1.3. Pengkaji mendapati bahawa kajian dan penyelidikan yang berasaskan kajian lapangan lebih sedikit dilakukan berbanding kajian dan penyelidikan yang berasaskan kitab.

Jadual di bawah menunjukkan bilangan kajian dan penyelidikan hadith ḍa‘īf dan mawḍū‘ yang telah pengkaji temui berasaskan kajian lapangan adalah seperti berikut:

Jadual 1.4. Jumlah Penghasilan Kajian Dan Penyelidikan Hadith Ḍa‘īf Dan Mawḍū‘ Berasaskan Kajian Lapangan

Bil	Institusi Pengajian	Jumlah
1.	Universiti Malaya	5
2.	Universiti Kebangsaan Malaysia	1
3.	Lain-lain	3

Jumlah yang diperolehi secara keseluruhan adalah 9 kajian semuanya. Jika dikira berdasarkan peratusan Universiti Malaya sebanyak (55.56%), manakala Universiti kebangsaan Malaysia sebanyak (11.11%) dan lain-lain kajian serta penyelidikan adalah sebanyak (33.33%). Pengkaji mendapati kesemua kajian yang telah dibuat oleh Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia dan beberapa institusi lain berbentuk kuantitatif kerana lebih banyak berinteraksi dengan kelompok-kelompok yang di fokuskan.

1.2.3 Kajian dan Penyelidikan Berasaskan Isu-isu

Jadual 1.3 di bawah menunjukkan beberapa kajian dan penyelidikan hadith ḍa‘īf dan mawḍū‘ berasaskan isu-isu yang berlaku. Berdasarkan jadual di bawah hadith ḍa‘īf dan mawḍū‘ sering dijadikan isu oleh masyarakat baik dari lapisan ahli akademik, pelajar akademik (termasuk bukan bidang agama), dan dari kalangan awam. Sebagai contohnya,

kita dapat lihat secara jelas di media sosial khususnya "facebook"[18] apabila terdapat video-video ceramah berkenaan agama pasti akan wujud beberapa golongan yang cuba membuktikan tentang keḍa'īfan atau kepalsuan status hadith yang telah disebut oleh penceramah yang dipilih.

Hal ini berlaku, mungkin kerana semangat mengkaji dalam kalangan masyarakat telah menebal dan menyebabkan mereka mahu menerima sesuatu perkhabaran dengan bukti yang benar. Tetapi, mungkin juga ada sesetengah pihak cuba untuk menjatuhkan sebahagian penceramah agama kerana disebabkan mereka merasakan penceramah tersebut tiada kepakaran seperti mereka dalam dunia praktikal hadith. Oleh sebab itu, telah muncul satu akaun facebook yang bernama "Pseudo Hadis"[19] bagi menjawab segala status hadith yang menjadi isu yang telah disampaikan di meja-meja penceramah.

Walaupun begitu, sejauh manakah keautoritian mereka dalam menilai kesemua hadith tersebut? Apakah sumber rujukan mereka dalam menyemak kesemua hadith tersebut? Aspek manakah yang telah diteliti oleh mereka, supaya usaha mereka bukan sesuatu yang menyalahi metode ulama dahulu dalam menilai hadith dan menilai hadith dengan menggunakan sumber yang tepat dan benar bukanlah suatu perkara yang mudah[20] sebagaimana dicanangkan oleh sesetengah pihak. Berikut merupakan dapatan pengkaji berkait kajian dan penyelidikan hadith ḍa'īf dan mawḍū'.

Jadual 1.5. Senarai Kajian dan Penyelidikan Lepas dan Semasa Tentang Ḥadith Ḍa'īf dan Mawḍū' (palsu) Berasaskan Isu-isu

Latihan Ilmiah	
1.	Mohd Shaiful Mohd Zahudi, "Analisis Hadith-hadith Berkaitan Alam Barzah" (latihan ilmiah, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2011).

[18] Facebook ialah sebuah tapak web rangkaian sosial yang dikendali dan dimiliki secara persendirian oleh Facebook, inc. Sejak 2006, sesiapa yang berumur 13 tahun ke atas dan memiliki alamat e-mel yang sah boleh menjadi pengguna Facebook. Facebook telah diasaskan oleh Mark Zuckerberg Bersama teman-teman sebiliknya dan rakan-rakan sekursus sains komputer.
[19] Boleh rujuk link ini, https://www.facebook.com/pseudohadis/.
[20] Muḥammad 'Awwamah, *al-Taḥdhīr min at-Tawārid 'ala Qawl Dūna al-Rujū' ila Maṣādir* (Jeddah: Dār al-Minhāj, 2017), 7.

2.	Bahrum Faizan, "Perbandingan Hukum Hadith Zawaid Ibn Majah Menurut Al-Imam Al-Busiri dan al-Syeikh Al-Albani" (latihan ilmiah, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2010).
3.	Mursyidi Ali Akbar, "Perbandingan Hukum Hadith Zawaid Ibn Majah Menurut Al-Imam Al-Busiri dan Al-Shaykh Al-Albani (Hadith 101 hingga 125)" (latihan ilmiah, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2010).
Kertas Kerja Persidangan	
1.	Mohd Farhan Md Ariffin, Khadher Ahmad, dan Ahmad Za'im Sabirin Mohd Yusoff, *Menangani Salah Faham Terhadap Hadith Da'if: Satu Analisis*, E-Proceeding of the 3rd World Conference On Integration of Knowledge, November 28&29, 2016.
Artikel Jurnal	
1.	Faisal Ahmad Shah, "Penyebaran Hadith Palsu Dalam Media Massa dan Media Sosial: Realiti dan Cabaran" *Jurnal Ilmiah Berwasit* 6 (Jun, 2016), 9-26.
Buku	
1.	Nur Hidayat Muhammad, *Menjawab Pertuduhan Buku "40 Hadis Palsu Popular"* (Johor: Pertubuhan Penyelidikan Ahlussunnah Wal Jamaah Johor Bharu, 2016).
Majalah	
1.	Ahmad Nasaruddin Abdul Rahman, "Hadis Palsu: Ramai yang tertipu," *Al*-Islam, Ogos 2011, 18-21.
Makalah atau Bab Dalam Buku	
1.	Roshimah Shamsudin dan Ahmad Hamzah Mat Daud, "Metodologi Penentuan Hadith Da'if: Analisis Terhadap Taraju' Al-Albani Dalam Silsilah Al-Ahadith Al-Da'ifah wa Al-Mawdu'ah," dalam *Sunnah Nabi: Realiti dan Cabaran Semasa*, ed. Fauzi Deraman, Ishak Suliaman dan Faisal Ahmad Shah (Kuala Lumpur: Jabatan Al-Quran dan Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2011), 457-470.
Laman Sesawang	
1.	Rem Ramzi, "Respon Terhadap Artikel '265 Hadis Palsu Dalam Kitab Ihya' Ulumuddin'," laman sesawang *MYNEWSHUB*, dicapai 27 September 2014, http://www.mynewshub.cc/hangat/respon-terhadap-artikel-265-hadis-palsu-ihya-ulumuddin/.
2.	Juhaidi Yean Abdullah, "Hadis palsu dalam kitab pondok?," laman sesawang *Sinar Harian Online*, dicapai 30 Disember 2016, http://www.sinarharian.com.my/mobile/karya/pendapat/hadispalsudalamkitabpondok-1.604397.
3.	T.p., "Jangan reka kelebihan jumaat," laman sesawang *Utusan Online*, dicapai 16 November 2010, http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2010&dt=1116&sec=Bicara_Agama&pg=ba_01.htm.

Berikut merupakan hasil dapatan data maklumat mengenai kajian dan penyelidikan berasaskan isu-isu yang telah pengkaji perolehi daripada jadual 1.5 di atas. Perincian jumlah kuantiti dapatan kajian dan penyelidikan adalah seperti berikut:

Jadual 1.6. Jumlah Penghasilan Kajian Dan Penyelidikan Hadith Ḍa'īf Dan Mawḍū' Berasaskan Isu-Isu

Bil	Institusi Pengajian	Jumlah
1.	Universiti Malaya	1
2.	Universiti Kebangsaan Malaysia	3
3.	Pertubuhan Penyelidikan Ahlussunnah Wal Jamaah Johor Bharu	1
4.	Lain-lain	6

Kajian dan penyelidikan hadith ḍa'īf dan mawḍū' secara umum banyak dilakukan dan mudah untuk ditemui. Tetapi, kajian dan penyelidikan hadith ḍa'īf dan mawḍū' sukar ditemui jika ianya dijalankan berasaskan aspek-aspek yang khusus seperti berasaskan isu-isu. Bahkan, pengkaji sukar untuk menemui kajian dan penyelidikan di peringkat tesis kesarjanaan, disertasi kesarjanaan dan latihan ilmiah. Pengkaji hanya menemui kajian dan penyelidikan yang berbentuk latihan ilmiah tetapi dalam jumlah sedikit. Selain itu, pengkaji hanya memperolehi daripada kertas kerja persidangan, artikel jurnal, buku, majalah, makalah atau bab dalam buku dan laman sesawang.

Jumlah keseluruhan kajian dan penyelidikan berasaskan isu-isu adalah sebanyak 11 kajian. Mengikut kiraan peratusan berdasarkan institusi pengajian adalah Universiti Malaya sebanyak (9.1%), Universiti Kebangsaan Malaysia sebanyak (27.27%), manakala Pertubuhan Penyelidikan Ahlussunnah Wal Jamaah Johor Bharu memiliki peratusan yang sama dengan Universiti Malaya iaitu sebanyak (9.1%) dan lain-lain kajian serta penyelidikan berasaskan isu-isu adalah sebanyak (54.55%).

Melalui penelitian pengkaji, didapati kajian dan penyelidikan berasaskan isu-isu yang dibuat di Universiti Kebangsaan Malaysia adalah berbentuk analisis status hadith-

hadith secara umum yang berada dalam karya ulama iaitu sebanyak 3 kajian. Universiti Malaya kajiannya lebih kepada kajian mengenai kaedah penentuan hadith ḍa'īf dalam sesuatu isu. Secara keseluruhan, jadual 1.6 menunjukkan kajian yang berasaskan isu ini lebih banyak dibuat bagi menjawab persoalan-persoalan lama yang timbul dalam masyarakat.

Justeru itu, kajian dan penyelidikan berasaskan isu tentang hadith ḍa'īf dan mawḍū masih relevan untuk dijalankan. Terdapat banyak lagi isu yang masih belum dikaji secara ilmiah oleh pihak-pihak yang berautoriti. Dengan adanya kajian-kajian terdahulu pengkaji baru dapat mengisi kelompongan yang wujud pada kajian dan penyelidikan yang lepas.

1.3 Kesimpulan

Metodologi kajian yang telah dijalankan oleh pengkaji dalam bab ini adalah kajian yang berbentuk bibliometrik. Kajian yang berbentuk bibliometrik ini telah lama digunakan sebagai alat untuk mengukur keberkesanan sesuatu makalah dan jurnal. Selain itu, adalah untuk melihat hasil kerja seorang pengkaji serta produktiviti kajian sesebuah universiti dan di peringkat negara. Sebagai kesimpulan, kajian dan penyelidikan tentang hadith ḍa'īf dan mawḍū' banyak dilakukan di pelbagai peringkat secara umumnya. Tetapi apabila dikelaskan mengikut aspek-aspek tertentu ternyata masih tidak terlalu banyak kajian dan penyelidikan yang boleh ditemui.

BAB KEDUA

BIOGRAFI TOKOH AL-SHAYKH MUḤAMMAD ‘AWWĀMAH

2.0 Pendahuluan

Islam adalah agama yang menjunjung tinggi nilai-nilai keilmuwan. Ia sentiasa diharapkan mampu untuk memberikan solusi di setiap permasalahan yang berlaku. Kehadiran para alim agamawan dalam sesuatu bidang ilmu merupakan salah satu faktor nilai keilmuwan Islam itu sangat terpelihara dan berkembang. Maka, setiap permasalahan yang berlaku baik yang silam mahupun yang terkini mampu dibahas dan dijawab satu persatu oleh ulama.

2.1 Biodata Shaykh Muḥammad ‘Awwāmah

Muḥammad ‘Awwāmah merupakan seorang pakar hadith moden yang pengaruhnya sangat besar terhadap perkembangan dan kemajuan keilmuwan umat Islam khususnya hadith. Salah seorang anaknya Shaykh Maḥyuddīn pernah menceritakan kepada Mawlānā Abdullah Amir[21] perihal ayahnya yang sangat tekun dan serius dalam ilmu, sehinggakan ianya diperakui sendiri oleh gurunya Shaykh ‘Abd al-Fattāh Abū Ghuddah yang mengatakan bahawa Shaykh Muḥammad ‘Awwāmah telah melangkaui beliau dalam bidang keilmuwan.

2.1.1 Nama, Kelahiran, dan Kehidupan

Muḥammad ‘Awwāmah adalah antara tokoh hadith kontemporari yang telah berjaya menggegarkan dunia hadith moden melalui penulisan-penulisan beliau yang sering

[21] Beliau merupakan lulusan pengajian hafiz di Madrasah Miftahul ulum, Sri Petaling pada tahun 2000 hinggga 2003. Kemudian beliau menyambung pengajian Syariah dan Bahasa Arab sehingga tahun 6 dan tamat khatam kitab Misykāt al-Maṣābīh di Madrasah Miftahul Ulum, Sri Petaling, Kuala Lumpur pada tahun 2004 hingga 2009. Seterusnya, beliau menyambung pengajian daurah hadith Kutub Sittah serta Muwatta’ Mālik di Jāmi‘ah ‘Arabiyyah Raiwind, Lahore, Pakistan pada tahun 2010 hingga 2012. Bermula pada tahun 2013 hingga sekarang beliau berkhidmat sebagai penceramah bebas di sekitar Seremban dan Negeri Sembilan. Pada tahun 2016 beliau dilantik menjadi Panel Penyelidik Fatwa sesi 2016-2018 Jabatan Mufti Negeri Sembilan.

mengkritik dan mempamerkan fakta-fakta yang sahih dalam mendepani kelompok ekstrimis hadith. Nama sebenar beliau ialah Muḥammad ibn Muḥammad ʻAwwāmah al-Ḥanafī al-Ḥalabī al-Madanī[22] dilahirkan pada tanggal 14 zulhijjah tahun 1358H atau bersamaan 1 Januari 1940 di kota Halab. Walaupun begitu, beliau lebih dikenali dengan panggilan Muḥammad ʻAwwāmah. Beliau masih lagi hidup dan sekarang umur beliau telah menjangkau 77 tahun.

Beliau membesar di kota Halab sehinggalah beliau melakukan hijrah ke Madinah al-Munawwarah pada tahun 1979. Kelahiran beliau merupakan suatu kelebihan buat umat Islam dalam perkembangan keilmuwan. Semenjak daripada kecil lagi beliau seorang yang rajin menuntut ilmu agama. Beliau seorang yang fokus, penuh dengan idea dan merupakan pencetus kepada metodologi yang lebih tinggi dan mendalam.

2.1.2 Rehlah Pengajian

Sebelum Shaykh Muḥammad ʻAwwāmah mula mendapatkan pendidikan secara formal, beliau pernah menghadiri pengajian Shaykh Muḥammad al-Salqīnī. Sewaktu itu, beliau berada di tahun ke-2 daripada *Marḥalah al-Thānawiyyahi* pada *al-Thānawiyyah al-Shar'iyyah* di kota Halab. Shaykh Muḥammad al-Salqīnī mengajarkan beliau subjek *Fiqh al-Ḥanafī*. Pendidikan beliau yang pertama adalah di Madrasah Shaʻbāniyyah.

Kemudiannya, pada tahun 1953 beliau mula melazimi Shaykh ʻAbdullah Sirāj al-Dīn rahimahullah bagi mendalami ilmu keagamaan di madrasah tersebut. Sepanjang 3 tahun menuntut dengan Shaykh ʻAbdullah Sirājuddīn beliau menjadi pelajar yang paling disukai dan digemari oleh Shaykh ʻAbdullah Sirājuddīn serta diperakui kehebatan beliau yang luar biasa dalam penguasaan ilmu. Banyak yang beliau belajar dengan Shaykh ʻAbdullah Sirāj al-Dīn antaranya ilmu hadith, ilmu fiqh dan ilmu tentang adab. Ini

[22] Muḥammad ʻAbdullah ibn Āl Rashīd , *Imdād al-Fattāh bi Asānīd wa Marwiyyat al-Shaykh 'Abdul Fattāh* (Riyāḍ: Maktabah al-Imām al-Shāfiʻī, 1999), 114.

terbukti berdasarkan penulisan Shaykh Muḥammad ‘Awwāmah di dalam kitabnya *Ma‘ālim Irshādiyyah*, beliau menyebutkan bahawa ketika beliau berada di majlis yang mulia bersama Mufti Halab iaitu Shaykh Muḥammad As‘ad ‘Abajī (1305-1393H), dan bersamanya Shaykh ‘Abdullah Sirāj al-Dīn serta seorang lagi Shaykh daripada Madrasah Sha‘bāniyyah. Majlis tersebut diadakan diperkarangan madrasah dan tiba-tiba Shaykh ‘Abdullah Sirāj al-Dīn menunjukkan dengan jarinya kepada Shaykh daripada madrasah Sha‘bāniyyah tersebut agar memperlahankan sedikit langkah beliau kerana risau akan terpijak di atas bayang-bayang Shaykh Muḥammad As‘ad ‘Abajī.[23]

Kemudian, beliau menyambung pengajiannya dengan Shaykh ‘Abd al-Fattāh Abū Ghuddah. Bahkan, Shaykh Muḥammad ‘Awwāmah merupakan pelajar istimewa Shaykh ‘Abd al-Fattāh Abū Ghuddah serta beliau mewarisi keilmuwan Shaykh ‘Abd al-Fattāh Abū Ghuddah.[24] Beliau telah mendampingi Shaykh ‘Abd al-Fattāh Abū Ghuddah selama lebih kurang 40 tahun lamanya.[25]

Beliau telah pergi ke Mesir pada tahun 1958 untuk menuntut di al-Azhar.[26] Tetapi beliau berada di sana tidak begitu lama dan kembali pulang ke Syria. Dalam tempoh yang singkat itu beliau sempat berguru dengan beberapa orang Shaykh yang hebat di Mesir ketika itu. Pada tahun 1961 beliau mendaftar masuk ke Universiti Dimashq di bawah Fakulti Sharī‘ah. Beliau berjaya menamatkan pengajian peringkat tinggi beliau di Universiti tersebut sehingga mendapat sarjana kedoktoran.

---

[23] Muḥammad ‘Awwamah, *Ma‘ālim Irshādiyyah li Ṣinā‘ah Ṭālib al-‘Ilm* (Jeddah: Dār al-Minhāj, 2013), 226.
[24] Muḥammad ‘Abdullah ibn Āl Rashīd , *Imdād al-Fattāh bi Asānīd wa Marwiyyat al-Shaykh ‘Abdul Fattāh*, 114.
[25] Mohd Khafidz Soroni, “Syeikh ‘Abd al-Fattah Abu Ghuddah: riwayat hidup dan sumbangannya di dalam pengajian Hadith” (disertasi Sarjana, Jabatan Al-Quran dan Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2008), 98.
[26] Penerangan dari Mawlānā Abdullah Amir, 14 Oktober 2017.

2.1.3 Senarai Guru dan Murid

Shaykh Muḥammad ‘Awwāmah telah banyak berguru dengan tokoh ilmuwan yang hebat, berikut ialah senarai guru beliau:[27]

1. Shaykh Muḥammad al-Salqīnī rahimahullah (1912M-2001M). Beliau seorang guru juga selaku murabbī yang agung, hampir keseluruhan hidup beliau dihabiskan dengan majlis ilmu dan menyampaikan ilmu.

2. Shaykh ‘Abdullah Sirājuddīn rahimahullah. Beliau lahir pada tahun 1924 dan meninggal pada tahun 2002. Beliau amat kuat ingatannya sehingga beliau dapat menghafaz kitab-kitab hadith seperti beliau mengingati al-Quran pada umur yang muda. Beliau juga telah menghafaz 15 ribu hadith berserta sanad dan matan dengan lengkap. Shakyh Muḥammad ‘Awwāmah telah duduk bersama Shaykh ‘Abdullah Sirāj al-Dīn selama 50 tahun. Beliau juga merupakan diantara guru utama Shaykh Muḥammad ‘Awwāmah dalam mendidik dan mengajarkan ilmu-ilmu yang berkaitan dengan hadith Nabi SAW.

3. Shaykh al-‘Allāmah Muḥammad Rāghib Ṭabbākh rahimahullah.

4. Shaykh ‘Abd al-Fattāh Abū Ghuddah rahimahullah. Beliau merupakan seorang yang berpengalaman luas dan disegani di dalam masyarakat dek kerana ilmunya yang mendalam. Beliau juga seorang ulama yang proaktif dan prolifik dalam menghasilkan karya. Banyak karya yang telah beliau hasilkan di dalam pelbagai bidang ilmu agama seperti tauhid, fiqh, ‘ulum ḥadith, ‘ilm al-rijāl, bahasa ‘Arab dan lain-lain.

5. Shaykh Ahmad ibn Siddīq al-Ghumarī rahimahullah.

6. Shaykh ‘Abdullah ibn Siddīq al-Ghumarī rahimahullah.

[27] Muḥammad ‘Awwamah, *Golden Guidelines in The Path of Knowledge*, terj. Mawlānā ‘Muḥammad Ibn Mawlānā Hārūn Abāsoomar (Camperdown: AhleSunnah Library, Julai 2012), 62.

7. Shaykh ‘Abdul Wahab ‘Abdul Latīf rahimahullah

8. Shaykh Muḥammad Abū Zahrah rahimahullah

Shaykh Muḥammad ‘Awwāmah melalui satu tempoh proses pengajian ilmu yang amat panjang. Hasil daripada pengajian itu beliau telah menguasai pelbagai bidang ilmu dalam Islam terutamanya dalam bidang hadith. Disebabkan kemahiran beliau dalam bidang hadith beliau telah digelar dengan gelaran al-‘Allāmah al-Muḥaddith al-Faqīh al-Nāqīd oleh Muḥammad bin ‘Abdullah Āl Rasyīd[28] juga merupakan senior kepada Shaykh Muḥammad ‘Awwāmah dan murid kepada Shaykh ‘Abd al-Fattāh Abū Ghuddah rahimahullah.

Namun begitu, Shaykh Muḥammad ‘Awwāmah tidak mendirikan sesebuah institusi yang tertentu seperti madrasah ataupun pusat pengajian. Beliau banyak menghabiskan masa beliau di rumah dengan menulis dan membuat kajian. Oleh itu, amat sukar untuk beliau mempunyai murid yang tetap. Bahkan, beliau berat untuk menerima pelajar secara tetap kerana beliau lebih suka menulis berbanding mengajar. Hal ini kerana, bagi beliau sesuatu penulisan itu lebih kekal.[29] Disebabkan oleh itu, tidak ramai murid beliau yang dapat pengkaji kenal pasti secara terperinci. Berikut adalah senarai murid yang pengkaji dapat kenal pasti:

1. Mawlānā Muḥammad Ibn Mawlānā Hārūn Abāsoomar. Beliau menetap di Camperdown, Afrika Selatan. Beliau telah melakukan penterjemahan arab ke dalam bahasa inggeris seperti Golden Guidelines in The Path of Knowledge oleh Shaykh Muḥammad ‘Awwāmah dan The Rules of Ramadan oleh Mufti Muḥammad Shāfi‘ī ‘Uthmānī. Beliau mula menjadi murid Shaykh Muḥammad ‘Awwāmah ketika beliau

[28] Merupakan pengarang kitab *Imdād al-Fattāh bi Asānīd wa Marwiyyāt al-Shaykh ‘Abdul Fattāh*. Beliau juga di antara murid Shaykh ‘Abdul Fattāh Abū Ghuddah rahimahullah.
[29] Penerangan dari Mawlānā Abdullah Amir, 14 Oktober 2017.

menyertai Seminar *Al-Ithnayniyyah* di kediaman Sayyid ‘Abdul Maqsūd Khawjah di Jeddah.

2. ‘Abdul Ḥakīm al-Anīs. Beliau merupakan murid Shaykh Muḥammad ‘Awwāmah ketika beliau menuntut di Madrasah Sha‘bāniyyah. Sewaktu itu Shaykh Muḥammad ‘Awwāmah masih mengajar di Madrasah tersebut. Beliau menuntut dengan Shaykh Muḥammad ‘Awwāmah dan ulama-ulama kota halab yang lain selama tempoh 3 tahun. Tetapi beliau benar-benar mula mengambil manfaat daripada Shaykh Muḥammad ‘Awwāmah adalah bermula pada tahun kedua dan ketiga semasa belajar subjek hadith dengan menggunakan kitab “*Mukhtārāt min Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*”.[30]

3. Shaykh Maḥyuddīn Ibn Muḥammad ‘Awwāmah. Beliau merupakan anak kepada Shaykh ‘Awwāmah. Merupakan seorang ulama seperti ayah beliau, ini dibuktikan dengan wujudnya kitab yang di*tahqīq* oleh Shaykh Maḥyuddin salah satu daripadanya adalah kitab *Tamrīn al-Ṭullāb fi Sinā‘ah al-I‘rāb* oleh Shaykh Muḥammad Rāghīb al-Ṭabbākh.

2.2 Sumbangan al-Shaykh Muḥammad ‘Awwāmah

Sudah menjadi tradisi ulama silam apabila mereka menguasai sesuatu bidang ilmu mereka akan memberikan sumbangan yang amat besar terhadap ummah. Tidak terlepas juga Shaykh Muḥammad ‘Awwāmah dalam memberikan sumbangan beliau kepada dunia keilmuan Islam. Sikap dan disiplin beliau yang tegas serta serius dengan ilmu telah memberikan impak yang besar terhadap penghasilan karya beliau yang sarat dengan fakta serta perbahasan yang sangat terperinci.

[30] ‘Abdul Ḥakīm al-Anīs, “Tarjamah al-Shaykh al-Muḥaddith Muḥammad ‘Awwamah,” laman sesawang *Ishrakat*, dicapai 18 Januari 2014, http://ishrakat.com/article-desc_3850_%D8%AA%D8%B1%D8%AC%D9%85%D8%A9.

2.2.1 Sumbangan Dalam Menghasilkan Karya dan Penulisan

Shaykh Muḥammad ‘Awwāmah merupakan seorang tokoh ulama kontemporari yang banyak memberi sumbangan dalam bidang ilmu terutamanya hadith. Beliau merupakan seorang tokoh yang prolifik dalam penghasilan karya-karya. Banyak karya beliau yang telah dicetak dan dijadikan rujukan pada masa kini lebih-lebih lagi tentang hadith. Hasil karya beliau kebanyakannya merangkumi aspek pen*tahqīq*an, penyelenggaraan, dan penyuntingan serta buku-buku yang merupakan hasil penulisan beliau sendiri. Karya beliau dikatakan pada tahun 2012 telah mencecah 14 karya yang tercetak.[31] Karya-karya tersebut kesemuanya berkisar mengenai perbahasan ilmu hadith dan sedikit mengenai adab.

Walaupun begitu, pengkaji telah menemui beberapa lagi karya beliau yang terbaru dan terkini yang merangkumi tentang metodologi penulisan ulama hadith, ilmu hadith dan juga adab dalam menuntut ilmu. Shaykh Muḥammad ‘Awwāmah seorang pen*tahqīq* yang kritis dan juga teliti, sehingga bila dibaca karya-karya yang di*tahqīq* oleh beliau amat mudah bagi para pengkaji untuk mendapat kefahaman dan penambahan maklumat yang lebih untuk memahami sesuatu perbahasan tersebut. Shaykh Muḥammad ‘Awwāmah amat berbakat dalam menghasilkan karya-karya akademik, kerana kajiannya yang begitu rencam, jelas dan luar biasa. Orang kampungnya menyamakan taraf beliau seperti guru-guru beliau dalam berkarya serta dalam hal keilmuwan.

Sumbangan beliau begitu besar dalam dunia pengkaryaan lebih-lebih lagi dalam bidang hadith. Berikut ialah senarai karya-karya Shaykh Muḥammad ‘Awwāmah yang merupakan karangan beliau sendiri dan kitab-kitab yang telah beliau tahqīq. Sekiranya terdapat keterangan mengenai kitab akan dijelaskan secara ringkas.

---

[31] Shaykh Muḥyiddīn Muḥammad ‘Awwamah, “A Brief Intro of The Grand Muhaddith of Our Era: Shaykh Muḥammad ‘Awwamah,” telah diterjemahkan oleh Muḥammad ibn Mawlānā Hārūn Abāsoomar, laman sesawang *Al-Miftah*, dicapai 5 Disember 2012, http://www.al-miftah.com/shaykh-muhammad-awwamah/.

1. *Athār al-ḥadīth al-Shārīf fi Ikhtilāf al-A'immah al-Fuqaha'* (أثر الحديث الشريف في اختلاف الأئمة الفقهاء).

2. *Adab al-Ikhtilāf fi Masa'il al-'Ilm wa al-Dīn* (أدب الإختلاف في مسائل العلم والدين)

Kedua-dua kitab ini telah diterjemahkan ke dalam beberapa bahasa dan telah dijadikan sebagai silibus pengajian di beberapa Universiti.

3. *Musnad 'Umar 'Abd al-'Azīz li al-Bāghandī* (مسند عمر عبد العزيز للباغندي)

Beliau memberikan ulasan dan penjelasan hadith-hadith dalam kitab ini dengan mendatangkan riwayat-riwayat tambahan yang lain.

4. *Al-Anṣāb li al-Sam'ānī* (الأنساب للسمعاني)

5. *Taqrīb al-Tahdhīb* (تقريب التهذيب)

Kitab ini asalnya ditulis oleh al-Imām Ibn Ḥajar al-'Asqalānī. Shaykh Muḥammad 'Awwāmah meletakkan nota kaki daripada al-'Allāmah 'Abdullah al-Baṣrī dan pelajar beliau al-Mirghanī.

6. *Al-Kāshif li al-Dhahabī* (الكاشف للذهبي)

Dimasukkan di dalamnya nota kaki Sabt Ibn A'jamī serta pengenalan yang terperinci dan analisis yang mendalam dalam kelima-lima jilid.

7. *Majālis Ibn Nāsir al-Dīn* (مجالس ابن ناصر الدين)

Kitab mengenai al-Ḥāfiẓ Ibn Nāsir al-Dīn al-Dimashqī, yang mana pengarang itu menjelaskan dengan terperinci mengenai ulasan daripada sepotong ayat dalam al-Quran.

8. *Min ṣaḥḥāḥ al-Aḥādīth al-Qudsiyyah* (من صحاح الأحاديث القدسية)

Buku ini mengandungi 100 hadith-hadith qudsī berserta rujukan dan komentar.

9. *Al-Mukhtār min Farāid al-Nuqūl wa al-Akhbār* (المختار من فرائد النقول والأخبار)

Karya ini mengandungi kisah-kisah menarik yang memberi inspirasi kepada pelajar untuk dijadikan garis panduan dalam mengharungi proses pembelajaran.

10. *Al-Qawl al-Badī‘* oleh al-Sakhāwī (القول البديع)

Shaykh Muḥammad ‘Awwāmah telah mentahqīq kitab ini.

11. *Al-Sunan Abī Dāwud* (السنن أبي داود)

Beliau mentahqīqkan kesemua hadith di dalamnya dan kitab tersebut menjadi enam jilid dengan menambahkan huraian daripada 8 buah manuskrip serta salah satunya adalah milik Ibn Ḥajar.

12. *Al-Shamā’il al-Muḥammadiyyah* (الشمائل المحمدية)

Disertakan Bersama kritikan al-Imām al-Bājūrī.

13. *Al-Muṣannaf li Ibn Abī Shaybah* (المصنف لإبن أبي شيبة)

Beliau mengkaji kesemua hadith di dalamnya dan juga memberikan komentar terhadap hadith tersebut. Kitab ini menjadi 26 jilid setelah di tahqīq.

14. *Dirāsah ḥadīthiyyah* (دراسة حديثية)

Kajian yang terperinci dan mendalam terhadap koleksi hadith ḥanafī.

15. *Ma'alim Irshādiyyah* (معالم إرشادية)

16. *Tadrīb al-Rāwī oleh al-Suyūṭī* (تدريب الراوي)

17. *Min Manhaj al-Imām Muslim* (من منهج الإمام مسلم)

18. *Al-Tahdhīr Min al-Tawādir 'ala Qawl* (التحذير من التوادر على قول)

19. *Min Muṣtalah Ibn Khuzaymah* (من مصطلح ابن خزيمة)

Karya di atas merupakan di antara sebahagian karya beliau yang pengkaji senaraikan. Kesemua karya beliau di atas telah diulang cetak kerana Shaykh Muḥammad 'Awwāmah suka mencari dapatan baru dan akan menambahkannya pada cetakan yang baru. Beliau telah menjadi terkenal menerusi kajian-kajian dan karya beliau yang begitu ilmiah.

2.2.2 Sumbangan Dalam Bidang Ilmu

Shaykh Muḥammad 'Awwāmah merupakan seorang tokoh ulama yang mengikuti jejak langkah gurunya Shaykh 'Abd al-Fattāh Abū Ghuddah dari segi aspek kelimuwan dan juga adab. Sebagaimana gurunya Shaykh Muḥammad 'Awwāmah juga telah memberikan sumbangan yang besar dalam disiplin ilmu hadith dan juga beberapa ilmu lain sehingga beliau digelar al-Muḥaddith al-Faqīh al-Muḥaqqiq al-Nāqīd.[32] Beliau mendapat gelaran itu adalah kerana beliau seorang muḥaddith yang begitu hebat dalam dunia pen*tahqīq*an kitab hadith dan penulisan beliau sangat kritis. Bahkan, beliau juga telah seorang yang

[32] Muḥammad 'Abdullah ibn Āl Rashīd , *Imdād al-Fattāh bi Asānīd wa Marwiyyat al-Shaykh 'Abd al-Fattāh* (Riyāḍ: Maktabah al-Imām al-Shāfi'ī, 1999), 114.

faqīh dalam ilmu sharī‘ah. Shaykh ‘Abd al-Fattāh Abū Ghuddah pernah memuji Shaykh Muḥammad ‘Awwāmah dengan menyebut:[33]

"*Beliau merupakan sarjana yang hebat dan pengkaji yang bagus*"

Beliau mempunyai beberapa bidang yang beliau minati. Antara bidang yang beliau amat meminati adalah bidang pendidikan dan pengkaryaan. Shaykh Muḥammad ‘Awwāmah banyak memberikan khidmatnya kepada masyarakat seperti menyampaikan kuliah umum, berkhutbah, dan mengajar di beberapa sekolah thanāwī di Halab. Setelah menamatkan pengajian beliau di Universiti Dimashq di Syria beliau telah memulakan karier beliau sebagai tenaga pengajar di al-Madrasah al-Sha‘bāniyyah pada tahun 1961 setahun sebelum Shaykh ‘Abd al-Fattāh Abū Ghuddah berpindah mengajar ke Universiti Dimashq (Damshiq) di dalam Fakulti Shari‘ah. Pada tahun yang sama juga beliau telah dilantik menjadi pustakawan di al-Madrasah al-Sha‘bāniyyah. Di sana beliau telah mengajarkan pelbagai mata pelajaran.

Setelah hampir 18 tahun berkhidmat di al-Madrasah al-Sha‘bāniyyah beliau telah berpindah ke Madinah al-Munawwarah. Ketika di Madinah beliau telah berkhidmat sebagai pensyarah di tiga pusat pengajian di sana. Pada awalnya, beliau telah berkhidmat di Universiti al-Islāmiyyah dan beliau merupakan orang pertama yang mengasaskan pusat kajian ilmiah di universiti tersebut. Kemudian, beliau menjadi pensyarah di Universiti al-Imām Muḥammad ibn Sa‘ud al-Islāmiyyah di Riyāḍh. Semasa mengajar di Universiti al-Imām beliau mengajar di bahagian al-Ma‘ahad al-‘Ālī di Fakulti Da‘wah universiti itu. Setelah itu, beliau berpindah pula ke Universiti King ‘Abd al-‘Azīz di Jeddah dan di sana beliau mengajar di Fakulti al-Tarbiyyah.

[33] Muḥammad ‘Awwamah, *Golden Guidelines in The Path of Knowledge*, terj. Mawlānā ‘Muḥammad Ibn Mawlānā Hārūn Abāsoomar (Camperdown: AhleSunnah Library, Julai 2012), 63.

Walaupun beliau telah meninggalkan negara kelahiran beliau Syria, kadang-kadang beliau juga bertanggungjawab terhadap pentadbiran madrasah untuk beberapa waktu. Semasa beliau masih muda beliau telah dilantik menjadi guru di Masjid al-Rawdah, yang pada waktu itu dianggap sebagai pusat pembelajaran utama.

Pada tahun 1986, Shaykh Muḥammad ‘Awwāmah telah menubuhkan biro penyelidikan kesusasteraan Islam. Selama 12 tahun, beliau juga berkhidmat di pusat penerbitan Dār al-Qiblah. Selain itu, beliau turut pergi melakukan dakwah di tempat-tempat lain seperti pergi ke Mesir untuk memberikan beberapa nasihat dan mengajarkan kepada pelajar al-Azhar al-Sharīf tentang kepentingan adab menuntut ilmu serta bagaimana himmah ulama terdahulu dalam menuntut ilmu. Beliau juga pernah datang ke Malaysia beberapa kali di sekitar Negeri Sembilan bersama isteri dan anak beliau Shaykh Maḥyuddīn. Beliau mengadakan pengajian daurah kitab al-Arba‘in al-Nawawiyyah di Universiti Sains Islam Malaysia sehingga khatam dan mengijazahkan kepada mereka yang hadir malam tersebut. Begitulah banyaknya sumbangan beliau dalam bidang ilmu terhadap masyarakat dan juga penuntut ilmu seluruhnya.

2.3 Kitab Ḥukm al-‘Amal Bi al-Ḥadīth al-Ḍa‘īf

Terdapat banyak kitab lain yang telah ditulis oleh Shaykh Muḥammad ‘Awwāmah dalam bidang ilmu. Namun, pengkaji memilih kitab ini sebagai kitab yang ingin dikaji. Kitab ini merupakan kitab berkenaan dengan hadith ḍa‘īf dan hukum beramal dengannya. Pengkaji memilih kitab ini kerana metodologi yang dikedepankan oleh Shaykh Muḥammad ‘Awamah mengikuti metodologi para ulama hadith terdahulu dan amat relevan dalam skop pemakaian dan penghujjahan hadith ḍa‘īf pada masa kini.

2.3.1 Latar Belakang Kitab

Kitab *Ḥukm al-'Amal Bi al-Ḥadith al-Ḍa'īf* atau nama lengkapnya *Ḥukm al-'Amal bi al-Ḥadith al-Ḍa'īf Baina Nadhariyyah wa al-Taṭbīqiyyah wa al-Da'awā* telah dikarang oleh seorang tokoh hadith kontemporari iaitu Shaykh Muḥammad ibn Muḥammad 'Awwāmah Kitab ini telah diterbitkan pada Januari 2017 di Jeddah, Madinah al-Munawwarah. Kitab ini dihasilkan bersama-sama 6 buah kitab lain yang saling berkesinambungan perbahasannya. Kitab ini mempunyai 240 halaman yang memuatkan di dalamnya perbahasan-perbahasan yang berkaitan dengan hukum beramal dengan hadith ḍa'īf dan topik-topik yang berkaitan dengan hadith ḍa'īf. Manakala, lagi 32 helaian halaman adalah bibliografi dan rujukan serta halaman untuk isi kandungan kitab. Secara keseluruhannya penulisan Shaykh Muḥammad 'Awwāmah kali ini mengandungi 13 topik perbahasan melalui 7 kitab salah satunya ialah hukum beramal dengan hadith ḍa'īf.

Walaupun begitu, Mawlana Abdullah Amir menceritakan bahawa ketika beliau berdialog dengan yang berbahagia Shaykh Muḥammad 'Awwāmah sewaktu kedatangan Shaykh ke Malaysia tahun lepas. Shaykh Muḥammad 'Awwāmah menyebutkan bahawa kitab *Ḥukm al-'amal bi al-Ḥadith al-Ḍa'īf* telah lama ditulis dan ianya hanya baru diterbitkan secara meluas pada Januari 2017. Kitab ini merupakan cetakan pertama dan ianya telah dicetak oleh pusat percetakan Dār al-Minhāj lil Nashar wa al-Tawdhī'[34] dengan kerjasama Dār al-Yusr lil Nashar. Hampir keseluruhan karya Shaykh Muḥammad 'Awwāmah di cetak oleh kedua-dua pusat percetakan ini. Tambahan pula, pusat percetakan ini adalah merupakan diantara tempat percetakan yang menghasilkan percetakan kitab yang amat baik berbanding cetakan lain seperti Dār al-Kutub al-Islāmiyyah.

[34] Kebiasaannya kitab yang dicetak oleh Dār al-Minhāj berkualiti dan harganya lebih mahal. Antara pusat percetakan kitab arab lain yang setanding dengan Dār al-Minhāj ialah Dār al-Bashā'ir al-Islāmiyyah, Dār Ibn Jawzī, Dār al-Qalam dan beberapa lagi cetakan terbaik bagi kitab-kitab arab.

Penulisan kitab ini berlaku adalah kerana Shaykh Muḥammad ‘Awwāmah melihat dunia sekarang ini terlalu mudah menolak hadith ḍa‘īf secara pukal. Walhal, mereka baru mengkaji dan meneliti pada sanad, untuk menetapkan status hadith bukan hanya perlu diteliti pada sanad semata tetapi ianya juga perlu dan mesti melihat juga kepada matan. Hal ini kerana, kecacatan sesebuah hadith itu boleh jadi terletak pada sanad dan juga boleh jadi terletak pada matan.

Bahkan, perkara ini turut melanda golongan agamawan terutama dalam sarjana hadith. Kemungkinan hal ini berlaku kerana kegopohan sesetengah sarjana hadith dalam menilai sesuatu hadith disebabkan tidak berhati-hati dalam melakukan rujukan kepada sesuatu ilmu terhadap sesuatu permasalahan hadith. Sedangkan para ulama telah menetapkan metodologi yang jelas dalam berinteraksi dengan hadith saḥīḥ, ḥasan mahupun ḍa‘īf hatta mawḍū‘.

Oleh itu, kemunculan kitab *Ḥukm al-‘Amal Bi al-Ḥadīth al-Ḍa‘īf* adalah salah satu usaha Shaykh Muḥammad ‘Awwāmah untuk memberi gambaran semula terhadap cara benar beramal dengan hadith ḍa‘īf menurut ulama terdahulu bermula dengan zaman Sufyān al-Thawrī (w.161H) sehinggalah kepada intelektual di zaman kurun ketiga. Kemudian, di dalam kitab ini juga mempunyai perbahasan mengenai golongan-golongan yang menolak secara total hadith ḍa‘īf dan permasalahan-permasalahan yang berkait dengan isu hadith ḍa‘īf.

2.3.2 Fokus Utama Perbincangan Kitab

Kitab *Ḥukm al-ʻAmal Bi al-Ḥadith al-Ḍaʻīf* membincangkan tentang bagaimana untuk berinteraksi dengan hadith ḍaʻīf mengikut metode para ulama. Namun begitu, kitab ini mengandungi 3 aspek pengajaran yang utama, sebagaimana yang telah saya sebutkan sebelum ini di dalam latar belakang masalah kajian.[35] Daripada aspek-aspek ini pula Shaykh Muḥammad ʻAwwāmah telah memfokuskan lagi kepada aspek yang ketiga bagi menjadi satu perbahasan utama yang ingin beliau fokuskan dalam kitab ini.

Kemudian, beliau akan menerangkan pertama tentang *al-Iḥtimāl*[36] (kemungkinan). Menurut beliau, *al-Iḥtimāl* terbahagi kepada dua bahagian iaitu ʻaqlī dan wāqiʻī. *Al-Iḥtimāl al-ʻAqlī* bukanlah hanya membincangkan sekadar seseorang perawi ḍaʻīf itu akan selamanya melakukan kesilapan dan perawi yang thiqāh itu selamanya tidak melakukan kesilapan, akan tetapi perbincangan ini lebih daripada itu.[37] Adapun *al-Iḥtimāl* yang menjadi fokus utama perbincangan kitab ini ialah *al-Iḥtimāl* yang kedua iaitu wāqiʻī. *Al-Iḥtimāl* wāqiʻī ini mahu tidak mahu sesiapa sahaja yang menyandarkan sesuatu kepada suatu sandaran yang kuat, atau yang pertengahan, dan yang lemah maka inilah kemungkinan yang dimaksudkan di dalam kitab ini. Kemudian, beliau datangkan pandangan al-Imām Ibn Hajar al-ʻAsqalānī di dalam *Al-Nukat ʻala Kitāb Ibn Salāh* telah menukilkan pandangan al-Imām al-Sakhāwī dalam *Qawl al-Badīʻ* bahawa al-Imām Ibn Salāh menyebutkan seperti berikut:

بخلاف الأحاديث الضعيفة التي يُحتمل صدقها في الباطن

[35] Pertama ialah hadith ḍaʻīf boleh diamalkan sekiranya ianya bukan mawḍūʻ, walaupun tanpa menyebut ḍaʻīf nya di tahap mana. Maka boleh meriwayatkan untuk beramal dengannya. Kedua, boleh beramal dengan Hadith ḍaʻīf pada bab-bab tertentu dalam ilmu seperti bab faḍāil, al-targhīb wa al-tarhīb dan seumpamanya. Ketiga, boleh diamalkan kerana boleh jadi ianya sahih pada batin, maka disebabkan itu ulamā' membolehkan beramal dengan ḍaʻīf .

[36] Perbincangan mengenai al-Iḥtimāl belum pernah dan mungkin tidak begitu meluas dibincangkan dalam perbahasan ilmu ʻUlum al-Ḥadīth masa kini. Jadi Shaykh Muḥammad ʻAwwamah telah menjenamakan semula perbahasan ini dalam kitab beliau.

[37] Bahkan, ia tidak boleh dilihat secara terus dan mengeluarkan penyelesaian bahawa seseorang itu tidak boleh diambil hadith darinya. Melainkan perkara itu wajib bagi akal dan mustahil bagi akal maka ia tidak lagi berada dalam perbincangan *al-Iḥtimāl* dan terus boleh ditetapkan hukumnya.

Terjemahan: *Kebarangkalian hadith ḍa'īf tersebut membawa makna yang benar.* Huraiannya, jika terdapat kemungkinan seperti ini maka hadith tersebut menjadi dalil dan boleh beramal dengannya.

Seterusnya, beliau menerangkan pula tentang *al-Iḥtimāl* (kemungkinan) ḍa'īfnya hadith sama ada hadith tersebut membawa ḍa'īf yang ringan, atau ḍa'īf yang sederhana, dan ḍa'īf yang berat. Bagi mengetahui keḍa'īfan sesuatu hadith maka para pengkaji amat bergantung kepada pandangan para ulama *al-Jarh wa al-Ta'dīl*.

Maka di pengakhiran pandangan para ulama *al-Jarh wa al-Ta'dīl* dapat disimpulkan kepada 3 hukum, iaitu:

1. Ḍa'īf yang ringan (ضعفا يسيرا).

2. Ḍa'īf yang sederhana (ضعفا متوسطا).

3. Ḍa'īf yang berat (ضعفا شديدا).

Sebagaimana kita ketahui, sebab-sebab ḍa'īfnya sesebuah hadith atau dikritik sesebuah hadith adalah kerana perkara-perkara yang berkait dengan aspek keḍabitan dan perkara-perkara yang merujuk kepada ke'adilan seseorang perawi hadith.[38]

Jika sesebuah hadith dikritik kerana al-ḍabt maka kebiasaan hadithnya menjadi ḍa'īf yang ringan, atau sederhana, dan jarang sekali menyebabkan hadith itu menjadi ḍa'if yang berat. Berdasarkan kaedah ini dapat digambarkan dengan dua perkara, iaitu:

1. Kalau nampak jelas kesilapan pada riwayat tersebut walaupun hanya pada satu hadith maka hadith ini bermasalah (kesilapan yang fatal) dan ditolak keseluruhannya, tidak

[38] Muḥammad 'Awwamah, *Ḥukm al-'Amal bi al-Ḥadith al-Ḍa'īf,* 19.

boleh dikuatkan dan tidak boleh dijadikan sebagai hujjah. Hal ini kerana, riwayat atau hadith tersebut hampir-hampir seperti hadith mawḍū‘.

2. Sekiranya berlaku kesalahan yang banyak ketika meriwayatkan, dan buruk dari segi makna maka hadithnya adalah *Matrūk*, dan *Matrūk* adalah bahagian daripada ḍa‘īf yang berat.

Tetapi sekiranya sesebuah hadith itu dipertikai kerana al-‘Adālah al-Rāwī maka kesemuanya adalah ḍa‘īf yang berat dan terkadang beratnya itu boleh sampai ke taraf al-Mawḍū‘.[39]

Justeru itu, kepentingan daripada perbincangan utama kitab ini pengkaji dapat memahami bahawa bagaimana perbahasan para ulama hadith dalam menentukan sama ada sesebuah hadith ḍa‘īf itu boleh beramal dengannya atau sebaliknya. Sesungguhnya perkara ini tidaklah semudah yang disangka oleh segelintir golongan yang mendakwa bahawa kesemua hadith ḍa‘īf itu ditolak secara total dalam pengamalan.

2.3.3 Metode Penulisan dan Persembahan Kitab

Shaykh Muḥammad ‘Awwāmah telah menyusun kitab ini, sarat dengan fakta dan ilmu tentang perbahasan hadith ḍa‘īf terutama hukum beramal dengan hadith ḍa‘īf. Beliau menyebutkan dalam *muqaddimah* kitabnya tentang kepentingan kajian ini dibuat serta sanad di dalam agama. Beliau juga telah menukilkan pandangan seorang ulama *mutaqaddimīn* dan seorang ulama *mu‘āsirīn* (kontemporari) dalam berhujjah dengan hadith ḍa‘īf. Kemudian, beliau membuat perbandingan terhadap kedua pandangan tersebut bagi memulakan perbahasan di dalam kitab ini.

Shaykh Muḥammad ‘Awwāmah membahagikan penulisan kitab *Ḥukm al-‘Amal Bi al-Ḥadīth al-Ḍa‘īf* kepada empat bab utama, di mana pada bab pertama beliau

[39] *Ibid.,* 20.

menerangkan berkenaan hadith ḍa‘īf secara teori. Dalam bab ini beliau memecahkan lagi kepada empat subtopik perbincangan dan pada subtopik pertama dan kedua beliau telah pecahkan kepada dua pembahagian, manakala pada subtopik ketiga dan keempat beliau tidak membuat pecahan pembahagian seperti bab pertama dan kedua. Dalam bab seterusnya, beliau membincangkan mengenai hadith ḍa‘īf dari segi praktikal dan di bawah bab kedua ini beliau telah membahagikan kepada dua subtopik. Dalam subtopik kedua beliau membahagikan kepada dua pembahagian. Pada bab ketiga, beliau telah membuat dua subtopik dan setiap subtopik dibahagikan kepada dua pembahagian. Akhir sekali, di bab yang keempat beliau menyebut bahawa bab ini merupakan bab tambahan bagi menerangkan masalah-masalah lain yang berkaitan dengan hadith ḍa‘īf.[40]

Secara keseluruhannya, kitab ini berkisar tentang persoalan hukum beramal dengan hadith ḍa‘īf. Namun, terdapat juga beberapa unsur dan aspek lain yang turut digariskan dalam kandungan kitab ini. Misalnya, dalam bab pertama selepas membahaskan tentang konsep hadith ḍa‘īf dan pembahagiannya, beliau telah memulakan perbahasan mengenai pandangan ulama-ulama tentang beramal dengan hadith ḍa‘īf menurut sudut pandang ulama fiqh (mazhab) yang juga merupakan ahli hadith. Dalam perbahasan ini beliau banyak menyebutkan pandangan-pandangan daripada ulama *mutaqaddimīn*, kerana untuk menjawab pertuduhan sebahagian ilmuwan masa kini yang mendakwa bahawa mereka telah mengikut metodologi ulama *salaf al-Sāliḥ*. Keadaan ini akan menimbulkan persepsi yang salah dalam kalangan masyarakat mahupun ahli akademik tentang metodologi para *salaf al-Sāliḥ* dalam mendepani isu beramal dengan hadith ḍa‘īf .[41]

Kemudian, dalam bab yang kedua beliau mengemukakan perbicaraan berkaitan hadith ḍa‘īf secara praktikal. Shaykh Muḥammad ‘Awwāmah mendedahkan kepada

[40] *Ibid.,* 5-8.
[41] *Ibid.,* 34-61.

pembacanya, contohnya berkenaan praktikal para imam dalam berinteraksi dengan hadith ḍa'īf, aspek-aspek yang diteliti untuk beramal dengan hadith ḍa'īf, apakah jenis hadith ḍa'īf yang boleh dijadikan amalan dan disebarkan dan sebagainya.[42] Seterusnya, dalam bab ketiga beliau menyusun perbicaraan merangkumi dakwaan segelintir ilmuwan moden yang menolak penggunaan hadith ḍa'īf dalam pengamalan secara total serta sanggahan beliau terhadap dakwaan tersebut dengan dimuatkan huraian-huraian dan dalil dengan terperinci. [43]

Dalam bab keempat beliau hanya menyatakan dan menghuraikan serba sedikit masalah-masalah lain yang timbul tentang isu hadith ḍa'īf.[44] Kitab ini mempunyai gaya penulisan yang sangat mudah untuk difahami, walaupun beliau ingin menerangkan sesuatu masalah yang rumit beliau tetap akan mempersembahkannya dengan gaya dan laras bahasa yang tidak terlalu tinggi serta panjang lebar. Di samping itu, beliau turut menyatakan hujjah-hujjah dan bukti yang kukuh lagi terperinci terhadap pernyataan yang dikemukakan. [45]

Menyedari hakikat di atas, pengkaji juga cenderung untuk mengkategorikan kitab tersebut sebagai kitab yang perlu dijadikan bahan bacaan buat penuntut ilmu hadith bagi menyelami persepsi ulama *mutaqaddimīn* dan *mutaakhirīn* dalam mendepani isu hadith ḍa'īf. Hasil pemahaman dan pembacaan dari kitab *Ḥukm al-'Amal Bi al-Ḥadīth al-Ḍa'īf* ini dapatlah dijadikan sebagai satu landasan teori bagi menghadapi isu tersebut dalam konteks dunia masa ini.

[42] *Ibid.,* 115-121.
[43] *Ibid.,* 135-168.
[44] Antara masalah yang disebutkan ialah hadith ḍa'īf itu dijadikan amalan sedangkan para ulama hadith menyatakan ianya berstatus ḍa'īf. Maka Shaykh Muḥammad 'Awwamah menjawab bahawa ijma' ulama mengharuskan beramal dengannya, dan jumhur daripada mereka menggalakkan beramal dengannya. Sedikit sahaja daripada ulama yang berselisih tentang perkara ini, dengan syarat-syarat yang telah disepakati.
[45] Muḥammad 'Awwamah, *Ḥukm al-'Amal bi al-Ḥadith al-Ḍa'īf,* 223-240.

2.4 Kesimpulan

Berdasarkan kesemua keterangan yang telah dikemukakan, jelaslah bahawa Shaykh Muḥammad ʻAwwāmah seorang yang berdisiplin dalam melakukan kajian. Beliau juga seorang ulama yang mencontohi sikap gurunya iaitu Shaykh ʻAbdullah Sirāj al-Dīn dan Shaykh ʻAbd al-Fattāh Abū Ghuddah dalam pelbagai aspek kehidupan. Pemikiran beliau yang kritis dan sikap beliau yang rajin dalam menuntut ilmu telah menyebabkan beliau dapat menghasilkan karya-karya yang begitu berkualiti dan sarat dengan fakta yang rumit untuk kita perolehi secara langsung dari manuskrip-manuskrip arab lama.

BAB KETIGA

ISU-ISU BERKAITAN HADITH ḌA‘ĪF DALAM MASYARAKAT

3.0 Pendahuluan

Hadith berfungsi sebagai sumber kedua di dalam agama Islam selepas al-Qurān. Perkara ini telah disepakati oleh seluruh ulama Islam lampau dan juga masa kini. Hal ini kerana al-Qurān itu diturunkan oleh Allah SWT dalam keadaan umum dan ia memerlukan kepada *Mubayyan* (penerangan). Maka, hadith datang dalam bentuk yang khusus kerana untuk mengkhususkan serta menerangkan lagi segala perkara yang umum dalam *al-Qurān*. Oleh sebab itu, masyarakat Islam secara asasnya akan berpandukan kepada *al-Qurān* dan *al-Ḥadīth* atau *al-Sunnah* dalam melaksanakan ibadat harian mereka.

Dewasa ini, perdebatan dan perselisihan di dalam permasalahan-permasalahan agama semakin rancak diperdebatkan sehingga ia menjadi tular di kalangan pelajar baru dalam dunia akademik, bahkan masyarakat awam. Antara isu yang menjadi perdebatan masa kini adalah terkait penghujjahan beramal dengan hadith ḍa‘īf. Perkara ini berlaku kerana setengah kelompok memahami bahawa orang yang menjaga *al-Sunnah* adalah mereka yang hanya beramal dan berhujjah dengan hadith ṣaḥīḥ sahaja. Maka apabila terdapat kelompok lain yang berhujjah dengan hadith ḍa‘īf mereka akan menyalahkan dan timbullah perdebatan.

3.1 Metode Dalam Pemilihan Isu-Isu Yang Berkaitan Dengan Hadith Ḍa‘īf

Metode dan pendekatan dalam penmilihan isu-isu yang berkaitan dengan hadith ḍa‘īf antaranya ialah:

1. Hadith ḍa‘īf itu dalam kategori yang ditolak dan bukan ditolak secara total.

2. Hadith-hadith ḍa‘īf itu diamalkan dalam kalangan masyarakat Islam.

3. Isu-isu ini dipilih bersumberkan kepada amalan yang dipetik daripada hadith ḍa‘īf oleh masyarakat.

4. Isu-isu ini juga dipilih berdasarkan kepada artikel-artikel yang dikeluarkan oleh pihak yang tidak mahu hadith ḍa‘īf dijadikan sebagai hujjah dalam setiap aspek serta mengkritik mereka yang beramal dengannya.

5. Hadith ḍa‘īf mula dipandang rigid dan pelik oleh kalangan masyarakat Islam.

6. Ilmuwan muda yang begitu gopoh dalam menukilkan hadith ḍa‘īf di hadapan masyarakat.

Berdasarkan isu-isu yang dibangkitkan berhubungan dengan hadith ḍa‘īf seperti menyamakan ḍa‘īf dengan mawḍū‘, pemakaian hadith ḍa‘īf dalam penghujjahan dan lain-lain lagi. Pengkaji akan menghuraikan isu berkaitan hadith ḍa‘īf berdasarkan topik-topik yang diperdebatkan dalam kalangan masyarakat dan akan merungkaikan perkara ini melalui contoh-contoh yang berlaku dalam realiti masyarakat. Di samping itu, pengkaji akan mendatangkan beberapa pandangan serta ulasan ulama hadith mengenainya.

3.2 Isu-Isu Berkaitan Dengan Hadith Ḍa‘īf Dalam Masyarakat

Isu hadith ḍa‘īf bukan sahaja menjadi sesuatu isu yang hangat dibahaskan dalam kelompok akademik dan juga intelektual kini, bahkan ia juga menjadi suatu isu dalam perbualan masyarakat hari ini. Situasi ini berpunca apabila terdapat segelintir pihak yang terlalu bermudah-mudah dalam beramal dan berhujjah dengan hadith ḍa‘īf. Selain itu, terdapat pihak yang cuba menyeru agar masyarakat harus kembali beramal dengan hadith yang ṣaḥīḥ sahaja sehingga ia menimbulkan kekeliruan yang besar dalam pemahaman masyarakat. Bertitik tolak dari perkara ini masalah berkaitan hadith ḍa‘īf mula tersebar dengan luas dalam kalangan masyarakat dan ia menjadi isu yang hangat diperdebatkan sehingga kini. Sebagai contoh, isu menyamakan hadith ḍa‘īf dengan hadith mawḍū‘, isu

pemakaian hadith ḍa‘īf dalam penghujjahan, isu semak sebelum sebar dan seumpamanya. Maka, pengkaji cuba menyatakan beberapa isu hadith ḍa‘īf yang timbul dalam kalangan masyarakat.

3.2.1 Isu Menyamakan Hadith Ḍa‘īf Dengan Hadith Mawḍū‘

Sejak akhir-akhir ini, telah muncul fenomena baru dalam masyarakat yang mana segelintir kelompok mahupun individu mengajak berpegang kepada hadith ṣaḥīḥ semata dalam beramal. Mereka menolak hadith ḍa‘īf dan dalam masa yang sama mereka cuba menyamakan hadith ḍa‘īf dengan mawḍū‘. Malah, menurut mereka pandangan tersebut berlandaskan pandangan ulama-ulama terdahulu dan juga kontemporari yang mengikut manhaj Salaf al-Sālīh. Dengan itu, salah faham yang telah disebar luaskan kepada umum oleh golongan ini sehingga masyarakat menganggap bahawa hadith ḍa‘īf dan mawḍū‘ (palsu) itu suatu benda yang sama.

Kemunculan penulisan berkenaan hadith ḍa‘īf dan mawḍū‘ dalam satu topik perbahasan yang sama merancakkan lagi isu penyamaan kedua-dua hadith tersebut. Sebagai contoh, di dalam *muqaddimah* kitab *Silsilah* oleh Shaykh al-Albānī, beliau menyebutkan seperti berikut:

> من المصائب العظمى التي نزلت بالمسلمين منذ العصور الأولى انتشار الأحاديث الضعيفة والموضوعة بينهم، لا أستثني أحداً منهم، ولو كانوا علماءهم، إلا من شاء الله منهم من أئمة الحديث ونقاده كالبخاري، وأحمد، وابن معين، وأبي حاتم الرازي، وغيرهم.
>
> Terjemahan: *Salah satu musibah atau fitnah besar yang menimpa umat Islam sejak abad pertama hijriyyah adalah tersebarnya Hadith-Hadith ḍa‘īf dan mawḍū‘ di kalangan umat Islam. Hal ini juga menimpa para ulama kecuali golongan pakar Hadith dan pengkritik Hadith yang dikehendaki oleh Allah seperti Imam Bukhari, Imam Aḥmad, Imam Ibn Ma‘īn, Imam Abi Ḥātim al-Rāzī, dan lain-lain.*[46]

[46] Abū ‘Abd al-Raḥman Muḥammad Naṣr al-Dīn al-Albānī, *Silsilah al-Aḥādīth al-Ḍa‘īfah wa al-Mawḍū‘ah wa Atharihā al-Sayyi’ fī al-Ummah* (Riyāḍ: Dār al-Ma‘ārif, 1992), 1: 47.

Jelaslah disini bahawa perkara ini seolah-olah menyamakan ianya dengan palsu kerana dimasukkan hadith ḍa‘īf dan mawḍū‘ dalam satu silsilah yang satu, dan membuang keduanya tanpa ada pengecualian.[47]

Selain itu, pendedahan secara terbuka dalam menyampaikan pandangan individu di khalayak ramai juga menjadi punca kepada salah faham ini. Sebagai contoh, terdapat individu yang memberi kenyataan seperti "*cukuplah beramal dengan hadith yang ṣaḥīḥ sahaja*", "*banyak lagi hadith ṣaḥīḥ untuk diamalkan, hadith ḍa‘īf juga dicari*",[48] dan seumpamanya. Tidak dinafikan wujud segelintir pihak yang tidak bertanggungjawab dan mempunyai agenda yang tersendiri telah menyebabkan berlakunya isu menyamakan hadith ḍa‘īf dan mawḍū‘ (palsu) dalam masyarakat.

3.2.2 Isu Pemakaian Hadith Ḍa‘īf Dalam Penghujjahan

Para penceramah, pendakwah dan imam di Malaysia sering menyampaikan ceramah, tazkirah atau forum dengan berhujjah mengunakan hadith-hadith ḍa‘īf. Tambahan pula, sekarang ini kelayakan untuk berceramah cukuplah seseorang itu pandai dalam bertutur, serta tahu serba sedikit tentang ilmu agama, dan berpakaian jubah dan kopiah maka ia akan digelar sebagai ustaz, ustazah, dan sebagainya. Oleh itu, ketika berceramah mereka akan mula menyebutkan dalil-dalil yang terkadang ianya terlampau ḍa‘īf dan mereka berhujjah dengannya di hadapan masyarakat. Sebagai contoh, hadith al-Ḥākim tentang tawassul yang telah dibacakan di dalam khutbah jumaat oleh seorang khatib dalam sebuah masjid di sungai petani baru-baru ini ketika musim sambutan maulid, yang rangkap lafaznya seperti berikut:

لَمَّا اقْتَرَفَ آدَمُ الْخَطِيئَةَ قَالَ: يَا رَبِّ أَسْأَلُكَ بِحَقِّ مُحَمَّدٍ لَمَا غَفَرْتَ لِي

[47] Muḥammad ‘Awwamah, *Ḥukm al-‘Amal bi al-Ḥadith al-Ḍa‘īf* (Jeddah: Dār al-Minhāj, 2017), 10.
[48] Fadlan Othman, "Dr Fadlan Ajar Ust Azhar Idrus 4 Syarat Amal Hadith Dhaif," laman sesawang *Youtube*, dicapai 16 Disember 2017, https://www.youtube.com/watch?v=n_UxR1zNPmI.

> Terjemahan: *Setelah Adam tersilap melakukan kesilapan ia berkata kepada tuhannya: Ya tuhan ku, demi kebenaran/kemuliaan Muhammad, aku mohon ampunkan aku.*[49]

Hadith ini telah dikritik kerana terdapat dua orang perawi yang bermasalah iaitu ‘Abdullah bin Muslim al-Fihriy dan ‘Abd al-Raḥman bin Zayd bin Aslam. Imam al-Bayhaqī berkata ‘Abd al-Raḥman bin Zayd bin Aslam bersendirian dalam meriwayatkan hadith ini dan beliau seorang yang lemah.[50] Ini juga dipersetujui oleh Ibn Kathīr. Bahkan, ramai lagi ulama yang mengkritik perawi tersebut.

Hal ini berlaku, kerana mereka tidak mempunyai autoriti dalam menerangkan sesuatu perbahasan yang khusus seperti ilmu hadith dan usul fiqh. Malah, isu ini menjadi lebih serius apabila segelintir ahli akademik yang berautoriti memberi kenyataan bahawa hadith ḍa‘īf tidak boleh dijadikan hujjah dalam sebarang urusan ibadah melainkan hanya dalam hal-hal yang terkait al-Faḍā’īl, al-Tarhīb dan al-Targhīb, dan sebagainya.

Terdapat penceramah-penceramah yang me*naqal*kan hadith-hadith yang ḍa‘īf seperti hadith lupa hafazan al-Qurān dikatakan sebagai berdosa besar. Hadith tersebut ada diriwayatkan oleh Imam Abū Daud dan Imam al-Tirmidhī daripada Ibn Jurayj, daripada Muṭallib bin ‘Abdullah bin Hantab daripada Anas bin Mālik, Rasulullah SAW bersabda:

> عُرِضَتْ عَلَيَّ أُجُورُ أُمَّتِي حَتَّى القَذَاةُ يُخْرِجُهَا الرَّجُلُ مِنَ المسجِدِ، وَعُرِضَتْ عَلَيَّ ذُنُوبُ أُمَّتِي، فَلَمْ أَرَ ذَنْبًا أَعظَمَ مِنْ سُورَةٍ مِنَ القُرْآنِ أَوْ آيَةٍ أُوتِيهَا رَجُلٌ ثُمَّ نَسِيَهَا.
>
> Terjemahan*: Aku diperlihatkan pahala-pahala umatku hingga pahala seseorang yang mengeluarkan kotoran kecil dari masjid. Aku turut diperlihatkan dosa-dosa umatku. Aku tidak melihat dosa yang lebih besar daripada satu surah atau satu ayat daripada al-Qurān yang dihafaz oleh seseorang lalu dilupakan.* [51]

---

[49] Abū ‘Abdullah al-Ḥākim Muḥammad bin ‘Abdullah, *al-Mustadrak ‘Ala al-Ṣaḥīḥayn* (Beirūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1990), 2: 672.

[50] Muḥammad bin Aḥmad bin Uthmān al-Dhahabī, *Mīzān al-I‘tidāl fī Naqd al-Rijāl* (Beirūt: Dār al-Ma‘rifah, 1963), 2: 504.

[51] Muḥammad bin ‘Īsā bin Sarwah bin Mūsā bin al-Ḍahāk al-Tirmidhī, *al-Jāmī‘ al-Mukhtaṣar min al-Sunan ‘an Rasullillah SAW wa Ma‘rifah al-ṣaḥīḥ wa al-Ma‘lūl wa Mā ‘Alayhi al-‘Amal*, tahqīq, Aḥmad Shākir, Muḥammad Fu‘ad ‘Abd al-Bāqī dan Ibrāhīm ‘Aṭwah ‘Awḍ (Mesir: Maktabah Muṣṭafā al-Bābī al-ḥalabī, 1975), 178.

Imam al-Tirmidhī (w.279H) berkata, "hadith ini adalah *gharīb* dan kami tidak mengetahuinya melainkan daripada jalur ini". Kemudian, Imam al-Tirmidhī menceritakan bahawa beliau pernah bertanya kepada Imam al-Bukhārī perihal hadith ini dan beliau menjawab bahawa beliau tidak pernah menjumpai jalur riwayat ini dan ianya *gharīb*."[52] Menurut pengkaji tidak sepatutnya hadith ini dijadikan hujjah kerana ia membincangkan tentang dosa besar dan perbincangan seperti ini termasuk dibawah bab akidah.

Seterusnya, pengkaji menjumpai artikel di dalam akhbar *Sinar Harian online*[53] yang menulis "*masyarakat harus diberi kefahaman bahawa hadith ṣaḥīḥ dan ḥasan telah mencukupi, maka tiada keperluan merujuk kepada hadith ḍa'īf dan mawḍū' (palsu)*". Pernyataan-pernyataan seperti ini akan menambahkan kekeliruan dalam masyarakat lalu menjadikan masyarakat semakin rigid terhadap hadith ḍa'īf, sehingga membuatkan mereka menyangka hadith yang diterima pakai dalam penghujjahan hanyalah dibolehkan dengan hadith yang ṣaḥīḥ atau ḥasan sahaja barulah dianggap menepati *al-Sunnah*.

3.2.3 Isu Penolakan Total Hadith Ḍa'īf Dalam Semua Aspek

Isu penolakan total hadith ḍa'īf yang berlaku dalam semua aspek oleh sesetengah masyarakat adalah disebabkan mereka mendengar pengajian-pengajian umum di masjid yang disampaikan oleh individu-individu yang *muta'aṣib* dalam menyatakan pandangan-pandangan ulama yang dipilih. Keadaan ini menjadi semakin tidak terkawal apabila individu-individu tersebut memberi kenyataan bahawa sesiapa yang beramal dengan hadith ḍa'īf sebagai pelaku bid'ah. Tiada salahnya untuk meninggalkan hadith yang ḍa'īf secara total, tetapi sikap suka melabel dan menyalahkan orang lain yang masih beramal dengan hadith da'īf dan tidak menolaknya secara total perlu diperbetulkan semula.

---

[52] *Ibid.*

[53] Juhaidi Yean Abdullah, "Hadis Palsu dalam Kitab Pondok," laman sesawang *Sinar Online*, dicapai 30 Disember 2016, http://www.sinarharian.com.my/karya/pendapat/hadis-palsu-dalam-kitab-pondok-1.604397.

Contohnya, pengkaji menjumpai satu laman web yang ditulis oleh Dr. Fathul Bari mengatakan bahawa pendapat yang boleh beramal dengan hadith ḍa'īf adalah tidak tepat, berikut ialah penulisan beliau:

> *Inilah lima syarat yang diperuntukkan oleh Imam Al-Nawawi sebelum membolehkan beramal dengan hadis dhaif. Sedangkan adakah orang yang beramal dengan hadis dhaif mengikuti semua syarat-syarat ini? Mereka menyeru orang beramal dengannya, bahkan orang awam tidak mampu membezakan hadis yang kurang daif atau bersangatan daifnya. Jadi jika tidak mampu memenuhi syaratnya maka jangan beramal, tinggalkanlah yang dhaif kerana di sana terdapat banyak hadis-hadis sahih yang belum diamalkan. Beramallah dengan hadis-hadis sahih.*[54]

Nukilan ini jelas menunjukkan bahawa beliau seolah-olah menolak hadith ḍa'īf secara total dengan menyandarkan bahawa pandangannya telah mengikuti pandangan para ulama hadith.

Selain itu, wujud kefahaman yang salah oleh sesetengah pengkaji, pelajar bidang hadith mahupun penceramah dalam menilai sesuatu teks ilmu hadith juga telah menyebabkan isu ini menular dalam masyarakat dengan berpegang pada fakta yang keliru. Mereka membawa hujjah bahawa Imam Ibn Ḥajar al-'Asqalānī (w.852H) juga mengatakan bahawa hadith ḍa'īf itu hadith yang tertolak. Hal ini kerana, menurut Imam Ibn Ḥajar al-'Asqalānī di dalam *Nukhbah al-Fikar* beliau membahagikan hadith kepada *al-Maqbūl* dan *al-Mardūd*. Antara hadith yang dimasukkan dibawah pembahagian hadith-hadith yang ditolak ialah hadith ḍa'īf, maka golongan itu tadi dengan yakinnya mengatakan bahawa ulama-ulama hadith muktabar seperti Ibn Ḥajar al-'Asqalānī pun menolak hadith ḍa'īf secara total.

Salah faham ini amat bahaya kerana Ibn Ḥajar al-'Asqalānī tidak bermaksud sedemikian. Beliau telah menulis kitab syarah kepada *Nukhbah al-Fikar* iaitu *Nuzhah al-Naẓar*, dalam kitab ini Imam Ibn Ḥajar al-'Asqalānī memperincikan lagi mengenai

[54] Fathul Bari Mat Jahya, "Hukum Beramal dengan Hadis Lemah dan Palsu," laman sesawang *Dr. Fathul Bari: Meniti Jalan Nabi dan Para Sahabat,* dicapai 18 Disember 2017, https://ustazfathulbari.wordpress.com/2014/04/19/hukum-beramal-dengan-hadis-lemah-dan-palsu/.

pembahagian hadith al-Mardūd tersebut dan di sana beliau menyatakan ada hadith-hadith yang diterima walaupun terkadang ia *mu'allaq*, *mursal* dan seumpamanya.[55] Maka, bertepatan dengan kaedah dalam ilmu usul fiqh di mana proses mengeluarkan hukum sesuatu perkara perlu dilihat kepada pembahagian atau perincian perkara tersebut, iaitu:

الحكم على الشئ فرع عن تصوره

> Terjemahan*: Penentuan hukum ke atas sesuatu perkara merupakan cabang daripada gambarannya.*[56]

Hal ini sebagai penegasan kepada pengkaji, penceramah atau pelajar agar mendapatkan gambaran yang jelas tentang sesuatu perbahasan ilmu sebelum mengeluarkan hukum tertentu. Akibatnya, mereka tidak akan terlalu mudah menghukum sesuatu perkara hanya berdasarkan kepada tema atau tajuk semata-mata, akan tetapi mereka akan menetapkan sesuatu hukum apabila telah diteliti.dibaca dan dikaji dengan terperinci sesuatu perkara tersebut.

Sebagai contoh, pengkaji telah mendengar info maklumat dari seorang tokoh ilmuwan yang merupakan peguam sivil dan sharī'ah, al-Fadhil Ustaz Ahmad Jailani b Abdul Ghani, berkenaan isu penolakan total hadith ḍa'īf oleh Imam Muslim al-Hajjāj rahimahullah (w.261H). Beliau memberi kenyataan dalam kuliah beliau yang bertajuk "Isu-isu yang Berkaitan Hadith Ḍa'īf" bahawa:

> "*Maka Ibn Rajab al-Hanbalī kata kalau kita nak tahu sikap Imam Muslim tengok pada muqaddimah kitabnya Ṣaḥīḥ Muslim dia kata apa. Dia kata apa? Sangat jelas, very clear dia kata dari muqaddimah Imam Muslim bahawa dia mencela para perawi ḍa'īf dan kemudian dia tolak hadith ḍa'īf secara mutlak*".[57]

Kemudian, beliau menambah lagi,

---

[55] Imam Ibn Ḥajar al-'Asqalānī, *Nuzhah al-Naẓar fi Tawḍīḥ Nukhbah al-Fikar fī Muṣṭalah Ahl al-Athar* (Dimashq: Maṭba'ah al-Ṣabāḥ, 2000), 51.

[56] Shaykh Ibn 'Uthaymīn berkata: Ini adalah kaedah yang terkenal dalam kalangan ahli ilmu, maka jangan menetapkan hukum ke atas sesuatu setelah kamu melihat gambarannya (perinciannya) dengan gambaran yang sempurna dan menyeluruh. Boleh rujuk kitab *Sharḥ al-Usūl min 'Ilm al-Usūl* oleh Shaykh Ibn 'Uthaymin. Selain itu, boleh juga merujuk kitab *al-Ta'rīfāt* oleh Imam al-Jurnānī.

[57] Ahmad Jailani Abdul Ghani, "Isu-isu berkaitan hadith ḍa'īf," laman sesawang *Youtube ProMediaTajdid*, dicapai 18 Disember 2017, https://www.youtube.com/watch?v=03OwIGiEOos&t=1487s.

> "*apa yang saya nak tekankan pada malam ini tuan-tuan, kita nak tekankan bahawa stand yang kita ambil tentang hadith ḍa'īf ini bukan yang Shadh bukan pendapat yang pelik bukan pendapat yang ganjil, ia adalah pendapat yang muktabar dan qawl yang muktabar dalam bidang hadithi*".[58]

Perkara ini amat bahaya kerana tidak semua masyarakat memahami bidang hadith secara khusus dan mendalam. Oleh itu, apabila mereka mendapati ada ilmuwan yang berpengaruh menjelaskan dan menerangkan sedemikian rupa, mereka hanya akan mengikut sahaja apa yang disampaikan dengan pasti. Lebih istimewa apabila ilmuwan tersebut mempunyai ijazah sarjana muda, ijazah sarjana mahupun ijazah kedoktoran, bahkan sebagai pensyarah di universiti terkemuka.

3.2.4 Isu Kempen "Semak Status Hadith Sebelum Sebar"

Krisis hari ini menyaksikan fitnah semakin mudah berleluasa melalui medium penyebaran di media massa dan sosial yang membolehkan sesiapa sahaja untuk mengaksesnya pada bila-bila masa sahaja. Kecanggihan alat komunikasi sosial seperti "Whatsapp", "Facebook", "Twitter", "Telegram" dan sebagainya telah mempercepatkan lagi sebaran maklumat itu berlaku. Perkara ini menjadi lebih berbahaya apabila wujud individu yang tidak bertanggunggjawab cuba menyebarkan sabdaan Nabi SAW melalui alat-alat komunikasi ini ke dalam *group-group* dan seumpamanya.

Masyarakat awam khususnya mereka tidak menilai sesuatu perkara itu dengan mendalam kerana dalam minda mereka cuma mahu mendapatkan syurga dipengakhiran hidup dan tidak mahu masuk ke neraka. Maka apabila ada maklumat yang disebarkan dengan diletakkan tajuk seperti "Rasulullah SAW bersabda", "Hadith Nabi SAW", "Nabi SAW melarang", dan seumpamanya, mereka terus sebarkannya tanpa melakukan usul periksa dan penelitian bagi memastikan kebenaran sesuatu hadith tersebut diterima atau tidak. Hal ini kerana mereka tidak mempunyai ilmu dan kemahiran asas mengenainya

[58] *Ibid*.

serta sikap malu bertanya kepada orang yang pakar. Kesannya, masyarakat akan mula berpegang dengan hadith-hadith daripada kategori *al-mardūd* dan mengamalkan berpandukan nas dalil yang *majhūl* dan tidak benar hasil daripada pembacaan sendiri.

Situasi ini perlu dicegah agar tidak berulang lagi perkara seperti hadith ini, "ulama umatku seperti nabi-nabi bani Isrā'īl" telah tersebar dalam kalangan masyarakat suatu ketika dulu. Sedangkan, menurut Imam al-Sakhāwī[59] dan Imam al-Suyūṭī[60] menyebut bahawa hadith ini tiada asalnya. Oleh itu, mengenal pasti kebenaran sesuatu hadith itu adalah penting kerana Nabi SAW mengancam terhadap sesiapa yang berdusta di atas nama baginda SAW.

Kemunculan laman web seperti semakhadis.com, Web Hadith UITM[61] dan lain-lain sedikit sebanyak dapat membantu masyarakat awam untuk menyemak status sesuatu hadith terlebih dahulu sebelum mereka sebarkannya. Terdapat juga aplikasi "Kitab-Kitab Hadith Yang Sembilan (Kutub al-Tis'ah)" yang menghimpunkan pelbagai kitab hadith dalam satu perisian dapat memudahkan carian hadis. Usaha ini merupakan usaha yang amat baik dan memberikan kesan yang positif dan bermanfaat kepada masyarakat kerana mudah diakses. Walau bagaimanapun, platform carian hadith berasaskan laman web dan aplikasi tersebut hanya membekalkan hadith secara ringkas dan tidak menyeluruh. Namun begitu platform carian ini tersebut tidak memuatkan kesemua jenis hadith yang berlegar dalam masyarakat awam apatah lagi hadith yang tiada asal usul dan palsu.

Walaupun begitu, dari sudut perlaksanaan ianya masih belum begitu sesuai untuk masyarakat awam. Ini kerana mereka belum mampu untuk melakukan proses takhrij

---

[59] Muḥammad bin 'Abd al-Raḥman bin Muḥammad al-Sakhāwī, al-*Maqāṣid al-Ḥasanah fī Bayāni Kathīr min al-Aḥādīth al-Mushtahirah 'Ala al-Alsinah*, tahqīq, Muḥammad 'Uthmān al-Khashat (Beirūt: Dār al-Kitāb al-'Arabī, 1985), 459.

[60] Muhammad Mushfique bin Ahmad Ayoup @ Ayub, "Irsyad al-Hadith Siri Ke-179: Ulama' Umatku Umpama Nabi Bani Israil," laman sesawang *Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan*, dicapai 30 September 2017, http://www.muftiwp.gov.my/index.php/ms-my/perkhidmatan/irsyad-al-hadith/1540-irsyad-al-hadith-siri-ke-179-ulama-umatku-umpama-nabi-bani-israil.

[61] Rujuk http://sigir.uitm.edu.my/webhadis/.

melainkan perlu merujuk kepada ulama atau sarjana. Pendek kata, usaha kempen ini perlu dilakukan secara berperingkat, bukan masyarakat awam sendiri yang semak tetapi perlu dirujuk kepada ulama atau sarjana yang layak.

3.2.5 Isu Bermudah-mudah Dalam Menetapkan Keḍa'īfan Sesuatu Hadith

Ramai ilmuwan muda dalam bidang hadith hari ini begitu mudah dalam menetapkan keḍa'īfan sesuatu hadith. Mereka hanya merujuk dan berpegang kepada pandangan-pandangan ulama tertentu yang bersesuaian dengan kepentingan mereka sahaja. Bagi mereka cukuplah dengan mengumpulkan beberapa riwayat lalu terus melakukan *tarjīḥ* dan *takhrīj*, kemudian terus mengeluarkan hukum ke atas sesuatu hadith. Walhal, proses penentuan status hadith oleh ulama terdahulu melalui beberapa penelitian, menggunakan metodologi dan kaedah yang tepat dan pelbagai dalam penetapan sesuatu hukum hadith sebelum menyatakan keḍa'ifan sesuatu hadith. Hal ini kerana, mereka mencontohi metodologi para sahabat yang mengambil sikap *iḥṭiyāt*[62] terhadap *al-Sunnah al-Nabawiyyah*.[63]

Kebanyakan mereka yang menetapkan keḍa'īfan sesuatu hadith itu berdasarkan kepada *qawl* Imam al-Dhahabī (w.748H) semata-mata. Al-Dhahabī sememangnya seorang tokoh dalam ilmu *rijāl al-ḥadīth* dan *jarḥ wa ta'dīl* tetapi beliau bukanlah satu-satunya ulama hadith yang pakar dalam bidang tersebut, bahkan lebih ramai lagi. Oleh itu, para pengkaji ataupun pelajar perlu berhati-hati dalam melakukan kajian terhadap hukum sesuatu hadith. Bilangan hadith ḍa'īf ini sangat banyak melebihi daripada hadith ṣaḥīh, dan sekiranya ia mempunyai shawāhid atau mutāba'āt maka hadith ḍa'īf tersebut boleh dinaik taraf kepada hadith ḥasan. Sebaliknya, jika terdapat hadith ṣaḥīḥ yang

[62] Iḥṭiyāt adalah sikap berhati-hati.

[63] Khalīl Ibrāhīm Mullā Khāṭir al-'Azzāmī, "Khuṭūrah Musāwāh al-Ḥadīth al-Ḍa'īf bi al-Mawḍū'" (makalah, Seminar Hadith al-Sharīf dan Cabaran-cabarannya Masa Kini Peringkat Antarabangsa, Fakulti Pengajian Islam dan Bahasa Arab Dubai, 27-29 Mac 2005) 17-22.

bertentangan dengan hadith ṣaḥīḥ yang lain yang diriwayatkan oleh jalur thiqah secara ramai maka hadith ṣaḥīḥ tersebut boleh jatuh martabatnya kepada ḍa'īf bahkan Shādh.[64]

Selain itu, terdapat juga pengkaji menetapkan keḍa'īfan sesuatu hadith berdasarkan penilaian Shaykh al-Islām Muḥammad Nāṣir al-Dīn al-Albānī sahaja. Perkara ini tidak tepat dan boleh menyebabkan terjadinya kesilapan-kesilapan yang lain. Shaykh al-Albānī memang seorang tokoh yang rajin dan banyak melakukan kajian tetapi para pengkaji lain perlu melihat kepada pandangan-pandangan yang lebih muktabar dalam situasi ini.

Seterusnya, hanya membuat rujukan kepada kitab-kitab bacaan umum dalam menetapkan hukum hadith. Ini juga satu kaedah yang salah dalam menilai status sesuatu hadith. Buku-buku bacaan umum tidak dapat dijadikan sandaran yang sesuai dalam proses menetapkan keḍa'īfan sesuatu hadith. Proses ini tidak semudah hanya dengan ulama ini kata ḍa'īf maka dihukumkan ianya ḍa'īf akan tetapi setiap pengkaji perlu membuka kitab-kitab *rijāl al-ḥadīth* dan *jarḥ wa ta'dīl* lihat dengan lebih mendalam apa penilaian ulama-ulama rijal dalam sesuatu perawi. Barulah masyarakat tidak keliru dalam menanggapi *al-Sunnah al-Nabawiyyah.*

3.3 Kesimpulan

Isu-isu yang berlaku dalam masyarakat hasil daripada pemahaman mereka melalui mendengar kuliah dan membaca penulisan daripada golongan yang mendakwa hadith ḍa'īf itu sama seperti mawḍū' dimana ianya tidak boleh diamalkan secara total. Kekeliruan yang berlaku terhadap golongan ini menjadi faktor utama dalam memberi hukum dan mengomentari terhadap sesuatu isu dan amalan sama ada baru atau lama yang tidak disandarkan pada hadith *al-Maqbūl* semata-mata. Lebih parah lagi, apabila

[64] Muḥammad 'Awwamah, *Ḥukm al-'Amal bi al-Ḥadith al-Ḍa'īf*, 15-16.

golongan ini mendakwa bahawa pendalilan di dalam Mazhab Shāfiʻī kebanyakannya ḍaʻīf serta tidak berpandukan nas yang ṣaḥīḥ.

Oleh yang demikian pada pandangan pengkaji, sewajarnya isu-isu yang diketengahkan ini atau yang menjadi polemik dalam masyarakat ini, sebenarnya boleh dielakkan dengan melakukan semakan semula terhadap pandangan-pandangan atau kenyataan-kenyataan yang dibuat oleh sesetengah ilmuwan dalam sesuatu isu yang berkenaan terkait hadith ḍaʻīf. Hal ini kerana, bagi mencontohi sikap para ulama terdahulu yang tidak berbalah dan tidak saling menyalahkan jika wujud perselisihan pandangan dalam kalangan mereka, bahkan mereka saling menghormati serta mengambil manfaat antara satu sama lain.

BAB KEEMPAT

ANALISIS PEMIKIRAN AL-SHAYKH MUḤAMMAD ‘AWWĀMAH DALAM MENDEPANI ISU HADITH ḌA‘ĪF BERASASKAN KITAB ḤUKM AL-‘AMAL BI AL-ḤADĪTH AL-ḌA‘ĪF

4.0 Pendahuluan

Pada bab sebelum ini pengkaji telah mengemukakan isu-isu hadith ḍa‘īf yang telah berlaku dalam kalangan masyarakat. Antaranya, isu menyamakan hadith ḍa‘īf dengan mawḍū‘, isu pemakaian hadith ḍa‘īf dalam penghujjahan, isu penolakan total hadith ḍa‘īf, isu kempen “semak status hadith sebelum sebar”, dan isu-bermudah-mudah dalam menetapkan keḍa‘īfan sesuatu hadith. Maka, pada bab ini pengkaji akan menganalisis isu-isu tersebut berasaskan pemikiran Shaykh Muḥammad ‘Awwāmah melalui kitabnya *Ḥukm al-‘Amal bi al-Ḥadīth al-Ḍa‘īf*.

4.1 Analisis Isu-Isu Hadith Ḍa‘īf Berasaskan Pemikiran al-Shaykh Muḥammad ‘Awwāmah

Pemikiran Shaykh Muḥammad ‘Awwāmah dibentuk berdasarkan latar belakang pengajian beliau. Beliau banyak berguru dengan ulama-ulama hadith yang mempunyai pemikiran yang sederhana iaitu tidak bermudah-mudah dan tidak memberatkan ke atas sesuatu isu selagi mana isu tersebut masih boleh diperbincangkan. Maka, begitu jugalah sikap Shaykh Muḥammad ‘Awwāmah yang mengikuti jejak langkah para gurunya dalam meneliti sesuatu isu.

Pemikiran beliau yang sederhana dan tidak keras ini telah menyumbang kepada lahirnya pendekatan-pendekatan beliau yang seimbang dalam mendepani isu-isu yang berlaku terutamanya isu hadith ḍa‘īf yang sedang difokuskan dalam kajian ini. Pengkaji juga cenderung kepada pemikiran yang sederhana sebagaimana yang dilakukan oleh kebanyakan ulama.

4.1.1 Isu Menyamakan Hadith Ḍa‘īf Dengan Hadith Mawḍū‘

Sebagimana yang telah pengkaji bincangkan sebelum ini, terdapat cabaran-cabaran dalam masyarakat yang ingin kembali kepada *al-Sunnah*. Antara cabaran-cabaran tersebut, berlaku salah faham terhadap *al-Sunnah* iaitu mereka menyamakan hadith ḍa‘īf dengan mawḍū‘. Dalam konteks Malaysia, pengkaji mendapati banyak pandangan yang mengelirukan tentang perbahasan ilmu hadith sama ada dalam bentuk teori dan juga praktikal. Pandangan yang keliru dalam ilmu hadith ini telah dikemukakan oleh segelintir kelompok yang tidak bertanggungjawab dan mempunyai agenda yang tersendiri demi kebaikan kelompok mereka. Malah, menurut mereka pandangan tersebut berlandaskan pandangan ulama-ulama terdahulu dan juga kontemporari yang mengikut manhaj *Salaf al-Sālīh*.

Menurut Shyakh Muḥammad ‘Awwāmah hadith ḍa‘īf masih dinisbahkan kepada baginda Nabi SAW sedangkan hadith mawḍū‘ (palsu) ialah pembohongan dan pendustaan semata-mata. Oleh kerana itu, beliau membahagikan hadith ḍa‘īf kepada 4 pembahagian:[65]

1. Ḍa‘īf yang ringan (ضعفا يسيرا).

2. Ḍa‘īf yang sederhana (ضعفا متوسطا).

3. Ḍa‘īf yang berat (ضعفا شديدا).

4. Terkait perawi yang bersifat penipu dan suka memalsukan hadith (الكذب و الوضع).[66]

[65] Muḥammad ‘Awwamah, *Ḥukm al-‘Amal bi al-Ḥadith al-Ḍa‘īf,* 32.
[66] Shaykh Muḥammad ‘Awwamah menggambarkan bahawa ḍa‘īf dan mawḍū‘ itu sesuatu yang amat berbeza. Boleh lihat muka surat 32.

Dengan adanya pembahagian ini, jelaslah bahawa bukan semua hadith ḍa'īf itu perlu ditolak sebagaimana yang telah berlaku dalam masyarakat mereka meletakkan ḍa'īf ini di dalam satu kelompok hadith-hadith yang tertolak sebagaimana mawḍū' (palsu). Melalui pembahagian ini, salah faham yang telah berlaku dalam masyarakat dapat diselesaikan dengan menerangkan semula kepada mereka bahawa hadith ḍa'īf itu masih terdapat perbicangan panjang yang mana ada kategori-kategori dan syarat-syarat yang mesti dilihat dan diteliti barulah ianya boleh diamalkan atau ditolak.

Isu ini perlu dijelaskan dan juga mesti dibendung agar masyarakat tidak terus berlarutan terjerumus ke dalam lembah dosa, dek kerana menafikan apa yang disabdakan oleh baginda Nabi SAW hanya kerana mereka tidak mengguna pakai hadith-hadith yang berstatus ḍa'īf dan menyamakan hadith ḍa'īf dengan mawḍū' (palsu).

Perlu diketahui bahawa hadith ḍa'īf suatu perkara yang berbeza dengan hadith mawḍū'. Oleh kerana itu, hadith ḍa'īf tidak boleh ditolak dan disamakan ia dengan hadith mawḍū' (palsu). Ulama-ulama terdahulu tidak menolak hadith ḍa'īf dan menyamakan ia dengan hadith mawḍū'[67] sebagaimana yang dilakukan segelintir kelompok yang kononnya telah menjadi "pakar hadith" masa kini, malah keadaan ini menjadi semakin parah apabila ia menyentuh kepada pemahaman masyarakat awam. Walhal, kelompok ini mendakwa bahawa mereka telah mengikut metodologi ulama hadith terdahulu yang menjaga *al-Qurān* dan *al-Sunnah* sedangkan dalam masa yang sama mereka juga tidak mengikuti metodologi ulama hadith terdahulu dalam menjaga *al-Qurān* dan *al-Sunnah*.[68] Pemikiran sebegini amat bahaya kerana ia akan membawa kepada timbulnya perkara-perkara yang tidak elok, antaranya menolak kewibawaan para ulama dalam agama, mengadakan benda baru dalam agama, dan sebagainya.

[67] Khalīl Ibrāhīm Mullā Khāṭir al-'Azzāmī, "Khuṭūrah Musāwāh al-Ḥadīth al-Ḍa'īf bi al-Mawḍū'" (makalah, Seminar Hadith al-Sharīf dan Cabaran-cabarannya Masa Kini Peringkat Antarabangsa, Fakulti Pengajian Islam dan Bahasa Arab Dubai, 27-29 Mac 2005) 6-8.
[68] Penerangan dari Ustaz Adlan Abd Aziz.

4.1.2 Isu Pemakaian Hadith Ḍa'īf Dalam Penghujjahan

Al-Sunnah al-Nabawiyyah merupakan sumber kedua di dalam *Usūl al-Tashrī' al-Islāmī*.[69] Maka sesiapa yang beranggapan bahawa *al-Sunnah Nabawiyyah* atau hadith Nabi SAW terkeluar daripada *Tashri' al-Aḥkam* dan hanya al-Qurān sahaja yang menjadi sumber hukum ini adalah sesuatu yang salah.[70] Allah Taala berfirman dalam al-Qurān:

﴿....وَمَآ ءَاتَىٰكُمُ ٱلرَّسُولُ فَخُذُوهُ وَمَا نَهَىٰكُمۡ عَنۡهُ فَٱنتَهُواْۚ... ﴾

Surah al-Ḥashr 59: 7

> Terjemahan: *Apa yang diberikan Rasul kepadamu maka terimalah. Dan apa yang dilarangnya bagimu maka tinggalkanlah.*

Kemudian, Allah taala berfirman lagi,

﴿.... فَلۡيَحۡذَرِ ٱلَّذِينَ يُخَالِفُونَ عَنۡ أَمۡرِهِۦٓ أَن تُصِيبَهُمۡ فِتۡنَةٌ أَوۡ يُصِيبَهُمۡ عَذَابٌ أَلِيمٌ ٦٣﴾

Surah al-Nūr 24: 63

> Terjemahan: *Maka hendaklah orang-orang yang menyalahi perintah Rasul-Nya takut akan mendapat cubaan atau ditimpa azab yang pedih.*

Lagi firman Allah dalam al-Qurān,

﴿يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓاْ أَطِيعُواْ ٱللَّهَ وَأَطِيعُواْ ٱلرَّسُولَ ....﴾

Surah al-Nisā' 4: 59

> Terjemahan: *Wahai orang-orang yang beriman taatlah kamu kepada Allah dan Rasul-Nya.*

Imam Mālik (w.179H) juga meriwayatkan dalam *al-Muwaṭṭa'* daripada Nabi SAW, baginda bersabda:[71]

تَرَكْتُ فِيكُمْ أَمْرَيْنِ، لَنْ تَضِلُّوا مَا تَمَسَّكْتُمْ بِهِمَا: كِتَابَ اللَّهِ وَسُنَّةَ نَبِيِّهِ

[69] Jalan atau cara untuk mengetahui hukum Allah taala dinamakan dengan al-Adillah al-Shar'iyyah, atau adillah al-Tashrī'. Dinamakan juga dengan Usūl al-Shar'i, atau Usūl al-Tashrī'. Untuk pendetilan boleh rujuk kitab *al-Wajīz fī Usūl al-Fiqh al-Islāmī* oleh al-Ustādh al-Duktūr Muḥammad Muṣṭafa al-Zuhaylī.
[70] 'Abd al-Karīm bin 'Abdullah bin 'Abd al-Raḥman al-Khuḍayr, *al-Ḥadīth al-Ḍa'īf wa Ḥukm al-Iḥtijāj Bihi* (Riyāḍ: Dār al-Minhāj, 2004), 245.
[71] Mālik bin Anas bin Mālik b 'Āmir al-Aṣbaḥī al-Madanī, *Muwaṭṭa' al-Imām Mālik,* tahqīq. Muḥammad Fu'ad 'Abd al-Bāqī (Beirūt: Dār Iḥyā' al-Turāth al-'Arabī, 1985), 2: 899.

> Terjemahan: *Aku telah tinggalkan kepada kalian dua perkara, sekiranya kalian berpegeang dengannya maka tidak akan sesat iaitu kitab Allah dan sunnah nabi-Nya.*

Hasilnya jelas bahawa *al-Sunnah al-Nabawiyyah* atau hadith boleh dijadikan hujjah, dan tidak beruntung bagi mereka yang tidak berpegang teguh dengan ajaran Islam.

Walapun begitu, yang menjadi isunya ialah bolehkah menggunakan hadith yang berstatus ḍa‘īf dalam penghujjahan? Apakah setiap hadith yang berstatus ṣaḥīḥ itu hujjah? Maka ulama berselisih pandangan pada penerimaan hadith ḍa‘īf dalam persoalan yang berkaitan hukum-hakam dan Faḍā’il al-A‘māl kepada tiga pendapat seperti berikut:

Pendapat Pertama:[72]

Setengah ulama berpandangan bahawa boleh beramal dengan hadith ḍa‘īf secara mutlak sama ada dalam perkara halal dan haram, fardu dan wajib, faḍā’il, targhīb dan tarhīb dan selainnya berdasarkan dua syarat:

1. Hadith tersebut tidak terlalu ḍa‘īf. Sekiranya ḍa‘īfnya berat maka ulama meninggalkan hadith tersebut keseluruhannya.

2. Tidak terdapat dalam bab ini hadith yang lain dan tidak terdapat hadith yang bertentangan dengannya.

Sudut pandang pendapat ini:

Golongan ini berpandangan bahawa hadith ḍa‘īf berkemungkinan benar, dan sekiranya tiada hadith yang lebih kuat yang bertentangan dengannya maka boleh beramal.

Ulama yang berpegang dengan pendapat ini:

1. Imam Abū Ḥanīfah (w.150H)

[72] ‘Abd al-Karīm bin ‘Abdullah bin ‘Abd al-Raḥman al-Khuḍayr, *al-Ḥadīth al-Ḍa‘īf wa Ḥukm al-Iḥtijāj Bihi,* 249.

Pandangan ini disandarkan kepada Imam Abū Ḥanīfah, Ibn Ḥazm menyebutkan hadith ḍa'īf lebih utama disisi Imam Abū Ḥanīfah daripada sesuatu pandangan dan qiyās sekiranya tidak terdapat hadith lain pada bab tersebut. Ibn Qayyim berkata bahawa Imam Abū Ḥanīfah membina mazhabnya dengan mendahulukan hadith ḍa'īf ke atas *qiyās*. Imam al-Sindī[73] mengatakan bahawa hadith mursal menjadi hujjah ke atas kami (al-Ḥanafiyyah) dan disisi jumhur.[74]

2. Imam Mālik bin Anas (w.179H)

Imam Mālik juga mendahulukan hadith *mursal*, *munqati'*, *al-Balāghāt*[75], dan fatwa sahabat berbanding *qiyās*. Sebagaimana beliau menulis *al-Muwaṭṭa'* yang kebanyakan dalamnya dimuatkan dengan hadith-hadith *mursal* dan *munqati'*. Ibn 'Abd al-Bar berkata[76] ini adalah asal Mazhab Imam Mālik dan pengikut mazhab al-Mālikī, sekiranya mursal itu dari golongan thiqah maka boleh berhujjah dan beramal dengannya bahkan wajib sebagaimana wajibnya berhujjah dan beramal dengan hadith yang *musnad*.[77] Kemudian, Imam Ibn al-'Arabī menyebutkan bahawa mazhab Imam Mālik tidak menerima hadith-hadith *mursal* melainkan daripada ahli Madinah.[78]

---

[73] Beliau ialah Abū al-Ḥasan Nūr al-Dīn Muḥammad bin 'Abd al-Hādī al-Ḥanafī al-Sindī, beliau juga digelar sebagai al-Kabīr al-Shaykh al-Muhaqqīq. Merupakan seorang muhaddith, faqīh, ḥāfīdh, dan mufassir. Beliau anak kelahiran kota al-Sind dan banyak berguru dengan ulama dari tempat kelahiran beliau. Kemudian, beliau berhijrah ke al-ḥaramayn dan menetap di Madinah dan berguru dengan ramai ulama dari dua kota suci ini. Meninggal pada tahun 1138H atau ada pandangan mengatakan pada 1139H. Abū al-Faḍl al-Marādī berkata, beliau adalah Shaykh yang hebat serta pakar dalam bidang hadith, fiqh, tafsīr, usūl al-fiqh, ma'ānī, mantīq, bahasa arab dan lain-lain.

[74] Abū al-Ḥasan Nūr al-Dīn Muḥammad bin 'Abd al-Hādī al-Ḥanafī al-Sindī, *Hāshiyah al-Sindī 'Ala Sunan al-Nasā'ī* (ḥalab: Maktab al-Maṭbū'āt al-Islāmiyyah, 1986), 104.

[75] Al-Balāghāt ialah istilah yang membawa maksud meriwayatkan hadith tanpa menyebutkan perawinya. Oleh itu, ketika membaca muwaṭṭa' kita akan menjumpai banyak riwayat yang digunakan dengan perkataan "بلغني".

[76] Abū 'Umar Yūsuf bin 'Abdullah bin Muḥammad bin 'Abd al-Bar al-Numarī al-Andalūsī, *al-Tamhīd Limā fī al-Muwaṭṭa' min al-Ma'ānī wa al-Asānīd* (Maghribi: Wazārah al-Awqāf wa al-Shu'ūn al-Islāmiyyah, 1967), 1: 2.

[77] Hadith yang musnad ialah hadith yang jelas bersambung sanadnya sehingga Nabi SAW. Boleh jadi hadithnya ṣaḥīḥ, ḥasan, atau ḍa'īf. Untuk keterangan lanjut boleh rujuk karya Dr. Luqmān al-ḥakīm al-Indūnīsī al-Azharī kitab *Bulūgh al-Umniyyah fī Sharḥ al-Mandhūmah al-Bayqūniyyah*, cetakan pertama 2017.

[78] Abū Bakr bin al-'Arabī al-Mālikī, *'Āriḍah al-Aḥwadhī bī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Tirmidhī* tahqīq. Jamāl Mar'ashlī (Beirūt: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1997), 1: 199.

3. Imam Muḥammad bin Idrīs al-Shāfi'ī (w.204H)

Beliau menerima hadith-hadith mursal dengan bersyarat[79] dan kadang-kadang dalam isu-isu yang terpencil beliau beramal dengan hadith ḍa'īf berbanding *qiyās*. Contohnya, beliau berhujjah dengan hadith pengharaman memburu burung unta (ḍa'īf) ke atas *qiyās*.

4. Imam Aḥmad bin Ḥanbal (w.241H)

Pandangan ini terkenal disisi Imam Aḥmad bin Ḥanbal sehingga Ibn al-Qayyim mengatakan bahawa beliau membina fatwa-fatwanya antaranya dengan hadith *mursal* dan hadith ḍa'īf sekiranya tiada hadith lain dalam sesuatu bab. Beliau juga mendahulukan hadith ḍa'īf ke atas qiyās.

Perkara ini telah disokong oleh penceritaan daripada anaknya sendiri iaitu 'Abdullah b Aḥmad yang mengatakan bahawa dia pernah mendengar daripada bapanya Imam Aḥmad berkata bahawa beliau lebih menyukai hadith ḍa'īf berbanding sesuatu pandangan.[80]

5. Imam Abū Daud al-Sijistānī (w.275H)

Imam Abū Daud mengikuti pandangan gurunya Imam Aḥmad b Ḥanbal yang beramal dengan hadith ḍa'īf. Beliau akan meriwayatkan sanad-sanad yang ḍa'īf sekiranya tiada hadith lain pada bab hadith yang lain, kerana beliau berpandangan bahawa hadith yang ḍa'īf itu lebih kuat daripada pandangan seseorang lelaki.[81]

6. Kamāl al-Dīn Ibn al-Hammam (w.861H)

---

[79] 'Abd al-Karīm bin 'Abdullah bin 'Abd al-Raḥman al-Khuḍayr, *al-Ḥadīth al-Ḍa'īf wa Ḥukm al-Iḥtijāj Bihi,* 87-89.

[80] Muḥammad bin Abū Bakr bin Ayyūb bin Sa'ad Ibn Qayyim al-Jawziyah, *I'lām al-Mawqi'īn 'An Rabb al-'Ālamīn,* taḥqīq. Muḥammad 'Abd al-Salām Ibrāhīm (Beirūt: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1991), 1: 61.

[81] 'Uthmān bin 'Abd al-Raḥman Taqiyuddīn Ibn Ṣalāh, *Ma'rifah Anwā' 'Ulūm al-Ḥadīth* (Syria: Dār al-Fikr, 1986), 36.

Beliau berpandangan bahawa sesungguhnya *al-Istiḥbāb*[82] ditentukan berdasarkan hadith ḍa'īf bukan mawḍū'.[83]

7. Muḥammad Mu'īn bin Muḥammad al-Amīn (w.1161H)

Beliau berpandangan hadith ḍa'īf boleh dijadikan hujjah, bahkan lebih diutamakan daripada *ijmā'* dan fatwa sahabat. Beliau berkata mengambil hadith ḍa'īf lebih utama berbanding mengambil *ijmā'*.[84] Maka, selain daripada ulama-ulama ini mereka membolehkan berhujjah dengan hadith ḍa'īf secara mutlak.

Pendapat kedua:

Sebahagian ulama dari kalangan ahli ilmu berpandangan bahawa hadith ḍa'īf tidak diamalkan secara mutlak pada hukum-hakam, *faḍā'il*, *targhīb* dan juga *tarhīb*.

Sudut pandang pendapat ini:

Golongan ini berpandangan bahawa hadith ḍa'īf ini mempunyai sangkaan yang *marjū*h (cacat) sedangkan Allah taala mencela perkara-perkara berbentuk sangkaan dalam beberapa ayat-Nya di dalam al-Quran seperti firman-Nya:

وَمَا يَتَّبِعُ أَكۡثَرُهُمۡ إِلَّا ظَنًّاۚ إِنَّ ٱلظَّنَّ لَا يُغۡنِي مِنَ ٱلۡحَقِّ شَيۡـًٔاۚ إِنَّ ٱللَّهَ عَلِيمُۢ بِمَا يَفۡعَلُونَ ٣٦

Surah Yūnus 10: 36

> Terjemahan: *Dan kebanyakan mereka, tidak menurut melainkan sesuatu sangkaan sahaja, (padahal) sesungguhnya sangkaan itu tidak dapat memenuhi kehendak menentukan sesuatu dari kebenaran (i'tiqād). Sesungguhnya Allah maha mengetahui apa yang mereka lakukan.*

Allah SWT berfirman lagi,

وَإِن تُطِعۡ أَكۡثَرَ مَن فِي ٱلۡأَرۡضِ يُضِلُّوكَ عَن سَبِيلِ ٱللَّهِۚ إِن يَتَّبِعُونَ إِلَّا ٱلظَّنَّ وَإِنۡ هُمۡ إِلَّا يَخۡرُصُونَ

[82] *Al-Istiḥbāb* di dalam ayat di atas adalah perkara-perkara sunat.
[83] Kamāl al-Dīn bin al-Hammām al-Ḥanafī, *Sharḥ Fatḥ al-Qadīr* (Mesir: Maṭba'ah Muṣṭafa al-Bābī al-Ḥalabī, 1969), 2: 133.
[84] Muḥammad Mu'īn bin Muḥammad al-Amīn, *Dirāsāt al-Labīb fī al-Uswah al-Ḥasanah bi al-Ḥabīb* (Lāhour: t.tp., 1858), 69.

> Terjemahan: *Dan jika engkau menurut kebanyakan orang yang ada di muka bumi, nescaya mereka akan menyesatkanmu dari jalan Allah, tiadalah yang mereka turut melainkan sangkaan semata-mata, dan mereka tidak lain hanyalah berdusta.*

Daripada Abū Hurayrah RA bahawa Rasulullah SAW bersabda:

إِيَّاكُمْ وَالظَّنَّ، فَإِنَّ الظَّنَّ أَكْذَبُ الحَدِيثِ

> Terjemahan: *Berwaspadalah kalian dengan prasangka, kerana sangkaan itu adalah ungkapan yang paling dusta.*[85]

Ulama yang berpegang dengan pendapat ini:

1. Yaḥya bin Maʿīn

Ketika membincangkan mengenai kethiqahan Muḥammad bin Ishāq, Ibn Sayyid al-Nās menjelaskan bahawa antara orang yang diriwayatkan daripadanya yang menyamakan antara hukum hakam dan selainnya ialah Yaḥya bin Maʿīn.[86]

2. Imam al-Bukhārī

Tindakan Imam al-Bukhārī jelas pada penulisan kitab sahihnya dengan meletakkan syarat yang ketat pada menilai perawi. Beliau tidak akan meriwayatkan dalam kitab sahihnya hadith-hadith yang ḍaʿīf. Menunjukkan bahawa beliau tidak beramal dengan hadith yang ḍaʿīf.

3. Imam Muslim al-Ḥajjāj

Jelas pada *muqaddimah* sahihnya yang mengeji periwayatan yang ḍaʿīf menunjukkan bahawa beliau menolak secara mutlak berhujjah dengan hadith ḍaʿīf. [87]

---

[85] Muḥammad bin Ismāʿīl al-Bukhārī al-Juʿfī, *al-Jāmīʿ al-Musnad al-Ṣaḥīḥ al-Mukhtaṣar min Umūr Rasūlillah SAW wa Sunanihi wa Ayyāmihi* (t.t.: Dār Ṭūq al-Najāh, 2001), Bāb Qawl Allah Taʿāla: Min Baʿḍi Waṣiyyah Yūsī bihā aw Dayn, 4: 4.

[86] Ibn Sayyid al-Nās, *ʿUyūn al-Athar fī Funūn al-Maghāzī wa al-Shamā'il wa al-Siyar* (Beirūt: Dār al-Qalam, 1993), 1: 15.

[87] ʿAbd al-Karīm bin ʿAbdullah bin ʿAbd al-Raḥman al-Khuḍayr, *al-Ḥadīth al-Ḍaʿīf wa Ḥukm al-Iḥtijāj Bihi,* 260.

Pendapat Ketiga:

Pendapat pertama dan kedua lebih menunjukkan sama ada hadith ḍa'īf itu diterima dan ditolak tetapi pendapat ketiga ini adalah pendapat majoriti ulama yang tidak berhujjah dengan hadith ḍa'īf dalam halal dan haram tetapi berhujjah dalam *faḍā'il*, *targhīb* dan *tarhīb*.

Pandangan ini dinisbahkan kepada Imam al-Nawawī rhm dalam kitabnya al-Azkār kepada ulama hadith, fuqahā' dan lainnya. Bahkan, beliau menyatakan kesepakatan ulama dalam muqaddimah kitabnya al-Arba'īn.[88]

Sudut Pandang Pendapat ini:

Imam Ibn Ḥajar al-Haytamī berpandangan bahawa hadith ḍa'īf jika ṣaḥīḥ maka ia boleh diamalkan. Sekiranya ia membawa kepada kerosakan dari aspek menghalalkan atau mengharamkan dan mengabaikan hak orang lain maka ia tidak boleh diamalkan.

Menurut Shaykh Muḥammad 'Awwāmah majoriti para imam *mutaqaddimīn* dan *mutaakhirīn* membolehkan beramal dengan hadith ḍa'īf.[89] Timbul persoalan sama ada dibolehkan beramal itu hanya sekadar boleh atau digalakkan? Maka untuk menjawab perkara ini Shaykh Muḥammad 'Awwāmah membahagikan jawapannya kepada dua kelompok. Pertama ialah kelompok dari kalangan ulama *mutaqaddimīn* dan yang kedua dari kelompok yang membolehkan berdasarkan keadaan semasa.

Adapun kelompok pertama ini terbahagi kepada tiga pandangan:[90]

Pertama: Pandangan Imam al-Bukhārī, Ibn 'Arabī, Imam al-Nawawī dan Ibn al-Hammām: Mereka menyatakan digalakkan beramal dengan hadith ḍa'īf. Beliau menyebut Imam al-Bukhārī mengisyaratkan kepada istiḥbāb beramal dengan hadith ḍa'īf dalam kitab sahihnya di bawah bab yang kedua belas daripada *kitāb al-Salāh* iaitu *Bāb*

[88] Muḥammad 'Allān al-Siddīqī, *Futūḥāt al-Rabbāniyyah 'Ala al-Azkār al-Nawawiyyah* (Mesir: Maṭba'ah al-Sa'ādah, 1928), 1: 82.
[89] Muḥammad 'Awwamah, *Ḥukm al-'Amal bi al-Ḥadith al-Ḍa'īf,* 68.
[90] *Ibid.*

Mā Yudhkar fī al-Fakhdhi. Dalam bab tersebut terdapat hadith yang diriwayatkan oleh Anas b Mālik bahawa Nabi SAW melalui suatu jalan yang sempit lalu baginda menyelak kainnya sehingga terlihat lututnya yang putih. Disebutkan juga hadith Jarhad bin Rizāḥ al-Aslamī berkenaan "*al-Fakhzi 'Awrah"* dan Imam al-Bukhārī menyebutkan hadith Anas lebih kuat dan hadith Jarhad lemah disebabkan berlaku *iḍṭirāb*. Walaupun begitu, dalam hal pengamalan ternyata hadith Jarhad dirasa lebih berhati-hati dalam beragama. Hal ini tampak jelas pada *muqaddimah Bāb Mā Yudhkar Fī al-Fakhdhi* dalam ṣaḥīḥ al-Bukhārī yang menyebut (وَحَدِيثُ جَرْهَدٍ أَحْوَطُ حَتَّى يُخْرَجَ مِنَ اخْتِلاَفِهِمْ). Berdasarkan keterangan ini, mesti diambil berat beberapa perkara iaitu:[91]

a) Imam al-Bukhārī beramal dengan hadith ḍa'īf.

b) Bahkan, beliau menggalakkan beramal dengan hadith ḍa'īf

c) Bahkan, beliau lebih mendahulukan hadith ḍa'īf daripada hadith ṣaḥīḥ.

d) Bila terdapat dua hadith salah satunya ḍa'īf dan satu lagi ṣaḥīḥ dan secara zahirnya bertentangan Imam al-Bukhārī akan menghimpunkannya (*Jama'*).

Kedua: Pandangan kelompok kedua pula ialah kelompok yang tidak membuat apa-apa pernyataan mengenai isu hukum beramal dengan hadith ḍa'īf seperti Imam Yahya b Ma'īn, Imam Muslim, Imam Abu Zur'ah al-Rāzī, Imam Abu Ḥātim al-Rāzī dan anaknya, al-Bazzār, Abū Zakariyya al-'Anbarī, Ibn Ḥazm dan al-Dhahabī. Tetapi mereka juga tidak membuat penafian pada perkara tersebut.

Ketiga: Sebahagian ulama tidak menyatakan secara jelas bahawa boleh beramal dengan hadith ḍa'īf. Tetapi ianya dapat dilihat melalui penggunaan lafaz-lafaz mereka yang menunjukkan bahawa mereka membolehkan beramal dengan hadith ḍa'īf . Sebagai contoh, boleh dilihat pada perkataan Imam Sufyān al-Thawrī yang menyebutkan tentang

[91] *Ibid.,* 69-70.

raghā'ib dan *faḍā'il*, Ibn ʻArabī yang menyebutkan perkataan-perkataan seperti adab, *mawʻiẓah* dan zuhud. Selain itu, boleh juga lihat perkataan Imam Sufyān b ʻUyaynah tentang pahala, Ibn Mahdī yang menyebutkan tentang dosa, pahala dan juga *faḍā'il*, Imam Ibn Khuzaymah dalam pembahagian bab *al-Duʻa' fī Yawm ʻArafah*, Imam Abū Daud dalam bab-bab yang membahaskan tentang hukum yang sunat dan makruh, dan lain-lain. Maka, kesemua kenyataan ini adalah pendirian mereka yang menunjukkan bahawa kesemua ulama ini membolehkan beramal dengan hadith ḍaʻīf pada hal yang berkaitan *faḍā'il*, *targhīb*, dan juga berkaitan dengan pahala bahkan kesemua mereka menggalakannya.

Kelompok kedua ialah mereka yang membolehkan berdasarkan keadaan semasa, maka mereka ini dirujuk sebagai *fuqahā'*. Hal ini kerana mereka akan mengeluarkan hukum berdasarkan situasi tempat mereka. Oleh sebab itu, mereka akan berpegang dengan hadith yang ṣaḥīḥ dan mereka juga berpegang dengan hadith yang ḍaʻīf. Hukum yang dimaksudkan adalah hukum-hukam yang masih berada dalam lingkungan harus. Kemudian Shaykh Muḥammad ʻAwwāmah mengatakan bahawa untuk beramal dengan hadith yang ḍaʻīf dalam hukum tersebut mestilah tidak ada hadith lain selainnya, mestilah mempunyai hadith-hadith lain sebagai sokongan (*Shāhid*), tajuk sesuatu hukum itu mestilah masih lagi dalam bab kehati-hatian (*iḥṭiyāṭ*), maka barulah boleh berhujjah dengannya.[92]

Berdasarkan keterangan di atas, dapat disimpulkan bahawa sebenarnya ulama-ulama terdahulu juga membolehkan beramal dan berhujjah dengan hadith ḍaʻīf. Oleh kerana itu, mereka menulis kitab-kitab yang di dalamnya telah dimuatkan dengan hadith-hadith yang ḍaʻīf walaupun mereka telah menulis dan membukukan hadith-hadith yang ṣaḥīḥ. Maka, apabila mereka meriwayatkan sesuatu hadith ḍaʻīf tersebut secara tak

[92] Imam al-Zarkashī, *al-Nukat ʻAla Ibn Salāḥ*, tahqīq. Zayn al-ʻĀbidīn (t.t.: Aḍwā' al-Salaf, 2008), 3: 879-888.

langsung perkara itu boleh disebarkan dan dibolehkan dalam beramal mahupun hujjah berdasarkan syarat-syarat yang tertentu. Walaupun hadith tersebut digunakan sebagai pendalilan dalam melakukan *istinbāṭ* hukum-hakam. Disebabkan itu, Shaykh ʻAbd al-Fattāh bin Ṣāliḥ Qudaysh al-Yāfiʻī menyebutkan di dalam *al-Tamadhhub* bahawa kebanyakan imam-imam menukilkan dalam kitab-kitab mazhab mereka bahkan mereka mengeluarkan hukum berdasarkan hadith yang ḍaʻīf. Hadith ḍaʻif tersebut bukanlah yang diperselisihi ulama pada keḍaʻīfannya bahkan para ulama sepakat atas keḍaʻīfannya.[93]

4.1.3 Isu Penolakan Total Hadith Ḍaʻīf Dalam Semua Aspek

Dalam konteks hari ini, dalam menyampaikan sesuatu pandangan tentang agama terutama bidang hadith, terdapat sebahagian ulama dan pakar hadith yang hanya menyampaikan sebahagian sahaja dari ilmu lalu menyembunyikan sebahagian lagi demi menjaga kepentingan aliran mereka.[94] Seolah-olah aliran mereka yang telah ditapis itu adalah yang paling benar dan tepat dalam mengikuti manhaj *Salaf al-Sāliḥ*.

Bagi ilmuwan yang menolak hadith ḍaʻīf secara total mereka menisbahkan pandangan kepada Imam Yaḥya bin Maʻīn, Imam Ibn al-ʻArabī, Imam al-Bukhārī, Imam Muslim dan Imam Ibn Ḥazm. Perkara ini seperti mana disebutkan oleh al-ʻAllamah Jamāl al-Dīn al-Qāsimī dalam *Qawāʻid al-Taḥdīth*.[95] Berpandukan pandangan yang menolak hadith ḍaʻīf secara total ini Shaykh Muḥammad ʻAwwāmah telah menukilkan pula pandangan daripada Imam al-Kawtharī dalam kitab beliau yang berjudul *Maqālāt*. Imam al-Khawtharī menyebutkan di bawah perbahasan "*Kalimah Ḥawl al-Aḥādīth al-Ḍaʻīfah"* bahawa penolakan total hadith ḍaʻīf ini juga dinisbahkan kepada Abū Shāmah al-Maqdisī dan al-Shawkānī. Tetapi, beliau menambahkan bahawa Imam al-Shawkānī tidak

[93] ʻAbd al-Fattāh bin Ṣāliḥ Qudaysh al-Yāfiʻī, *al-Tamadhhub: Dirāsah Taʼṣīliyyah Muqārinah lil Masāʼil al-Mutaʻalliqah bi al-Tamadhhub* (Kaherah: Dār al-Ṣāliḥ, 2017), 282.
[94] Muḥammad ʻAwwamah, *Athar al-Ḥadīth al-Sharīf fī Ikhtilāf al-Aʼimmah al-Fuqahāʼ* (Jeddah: Dār al-Minhāj, 2009), 60-61.
[95] Jamāl al-Dīn al-Qāsimī, *Qawāʻid al-Taḥdīth min Funūn Muṣṭalah al-Ḥadīth* (Beirūt: Muassasah al-Risālah, 2004), 165.

berhujjah dan tidak menjadikan hadith ḍa‘īf sebagai sandaran. Walaupun begitu, di dalam penulisan al-Khawtharī yang lain beliau menyebutkan bahawa Imam al-Shawkānī berhujjah dan menjadikan hadith ḍa‘īf sebagai sandaran.[96]

Dapat disimpulkan bahawa Imam al-Qāsimī dan Imam al-Khawtharī menukilkan pandangan-pandangan ini daripada para imam tersebut, tetapi mereka berpendapat boleh beramal dengan hadith ḍa‘īf berdasarkan syarat-syarat yang telah ditetapkan. Hal ini, dinyatakan pada penghujung perbahasan kitab mereka. Shaykh Muḥammad ‘Awwāmah juga berpandangan bahawa tidak terdapat perkataan yang jelas terhadap penolakan beramal dengan hadith ḍa‘īf secara total daripada imam-imam terdahulu yang meneladani bidang hadith. Bahkan, pandangan yang dibawa oleh para imam tersebut memang terdapat perselisihan (*fīhi Naẓar*) yang masih boleh diperbincangkan lagi.

Menurut Shaykh Muḥammad ‘Awwāmah lagi setiap hadith yang zahir[97] sanadnya sahih tidak diterima kecuali apabila hadith tersebut telah diteliti dari aspek sanad dan matan. Maka apabila tidak terdapat *al-Nakārah* (kecacatan) sama ada pada sanad atau matan maka barulah hadith tersebut dianggap sahih. Kemudian, sekiranya setiap hadith yang zahir sanadnya ḍa‘īf tidak boleh terus ditolak hanya kerana sanadnya yang lemah, ini kerana hadith yang dikira sahih adalah hadith yang memenuhi lima syarat yang telah disepakati ulama *usūl al-ḥadīth*.[98]

Berdasarkan hasil dapatan yang telah pengkaji temui pendapat mereka yang mengatakan bahawa hadith ḍa‘īf itu ditolak secara total adalah kurang tepat. Sebagai contoh, Imam al-Bukhārī telah menulis sebuah kitab yang berjudul *al-Adab al-Mufrad* yang mana di dalamnya telah dimuatkan dengan hadith-hadith yang ḍa‘īf selain hadith ṣaḥīḥ dan juga ḥasan. Selain itu, Imam Muslim juga beramal dengan hadith ḍa‘īf

[96] Muḥammad ‘Awwamah, *Ḥukm al-‘Amal bi al-Ḥadith al-Ḍa‘īf,* 136.
[97] Zahir disini bermaksud terpenuhi padanya 3 syarat utama hadith maqbūl.
[98] Muḥammad ‘Awwamah, *Ḥukm al-‘Amal bi al-Ḥadith al-Ḍa‘īf,* 33.

sebagaimana yang menjadi amalan beliau dalam menyusun kitab sahih Muslim adalah beliau akan memilih hadith-hadith yang mu'tamad menurut beliau sebagai hujjah dalam beramal. Ini bertepatan dengan pandangan Imam al-Nawawī[99] dan Imam al-Qurṭubī[100] mereka berpandangan bahawa Imam Muslim menutup setiap bab dalam kitab sahihnya dengan hadith yang mu'tamad disisinya dari segi hukum fiqh.

Hal ini kerana, metode Imam Muslim dalam nak menjelaskan matan beliau akan mengemukakan hadith *mu'allal* (ḍa'īf) terlebih dahulu di awal bab dan meletakkan hadith yang kuat di akhir bab. Tetapi jika beliau mahu menjelaskan pada sanad maka beliau akan mendahulukan hadith yang kuat terlebih dahulu dalam setiap bab dan meletakkan hadith yang ḍa'īf di akhir bab.[101] Sebagai contoh hadith di bawah Kitāb al-Imān pada bab *Mukhāfah al-Mu'min an Yaḥbiṭa 'Amaluh*, seperti berikut:

حَدَّثَنَا أَبُو بَكْرِ بْنُ أَبِي شَيْبَةَ، حَدَّثَنَا الْحَسَنُ بْنُ مُوسَى، حَدَّثَنَا حَمَّادُ بْنُ سَلَمَةَ، عَنْ ثَابِتٍ الْبُنَانِيِّ، عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ، أَنَّهُ قَالَ لَمَّا نَزَلَتْ هَذِهِ الْآيَةُ: {يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تَرْفَعُوا أَصْوَاتَكُمْ فَوْقَ صَوْتِ النَّبِيِّ} [الحجرات: 2] إِلَى آخِرِ الْآيَةِ، جَلَسَ ثَابِتُ بْنُ قَيْسٍ فِي بَيْتِهِ، وَقَالَ: أَنَا مِنْ أَهْلِ النَّارِ، وَاحْتَبَسَ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَسَأَلَ النَّبِيُّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ سَعْدَ بْنَ مُعَاذٍ، فَقَالَ: «يَا أَبَا عَمْرٍو، مَا شَأْنُ ثَابِتٍ؟ اشْتَكَى؟» قَالَ سَعْدٌ: إِنَّهُ لَجَارِي، وَمَا عَلِمْتُ لَهُ بِشَكْوَى، قَالَ: فَأَتَاهُ سَعْدٌ، فَذَكَرَ لَهُ قَوْلَ رَسُولِ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَقَالَ ثَابِتٌ: أُنْزِلَتْ هَذِهِ الْآيَةُ، وَلَقَدْ عَلِمْتُمْ أَنِّي مِنْ أَرْفَعِكُمْ صَوْتًا عَلَى رَسُولِ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَأَنَا مِنْ أَهْلِ النَّارِ، فَذَكَرَ ذَلِكَ سَعْدٌ لِلنَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَقَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: «بَلْ هُوَ مِنْ أَهْلِ الْجَنَّةِ»

Terjemahan: *Abū Bakr bin Abū Shaybah menceritakan kepada kami, al-Ḥasan bin Mūsa menceritakan kepada kami, Ḥammād bin Salamah menceritakan kepada kami daripada Thābit al-Bunānī daripada Anas bin Mālik, bahawa beliau berkata ketika turunnya ayat ini,* "*Hai orang-*

[99] Yaḥya bin Sharaf al-Nawawī, *al-Minhāj bi Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim bin al-Ḥajjāj* (Mesir: Maṭba'ah al-Miṣriyyah, t.t.), 9: 103.
[100] Muḥammad bin Aḥmad bin Abū Bakr bin Farḥ al-Anṣārī al-Qurtubī, *al-Jāmi' al-Aḥkām al-Qurān,* tahqīq. Aḥmad al-Bardūnī dan Ibrāhīm Aṭfaysh (Kaherah: Dār al-Kutub al-Miṣriyyah, 1964), 3: 208.
[101] Muḥammad 'Awwamah, *Min Manhaj al-Imām Muslim fī 'Araḍi al-Ḥadīth al-Mu'allal fī Ṣaḥīḥi* (Jeddah: Dār al-Minhāj, 2017), 24.

> *orang yang beriman, janganlah kamu meninggikan suara kamu melebihi suara Nabi (al-Ḥujurāt: 2) hingga akhir ayat. Thābit bin Qays yang berada dirumahnya lalu berkata: "Aku ini termasuk dari kalangan ahli neraka!". Kemudian, beliau sering menjauhkan diri daripada baginda Nabi SAW sehingga Nabi SAW bertanya kepada Sa'ad bin Mu'ādh: "Wahai Abū 'Amrū bagaimanakah keadaan Thābit? Apakah beliau sakit?. Sa'ad menjawab, "keadaannya seperti biasa dan aku tidak mendengar berita yang menyatakan beliau sakit". Anas berkata, lalu Sa'ad pun menziarahi Thābit dan menceritakan tentang perbicaraan beliau dengan Rasulullah SAW. Thābit berkata, "Ayat ini diturunkan sedangkan kamu semua mengetahui bahawa aku mempunyai suara yang amat tinggi melebihi suara Rasulullah SAW. Kalau begitu aku termasuk dari ahli neraka. Maka Sa'ad pun menceritakan perihal tersebut kepada Rasulullah SAW. Baginda bersabda, bahkan beliau termasuk dari kalangan ahli syurga."*[102]

Di dalam hadith di atas, terdapat dalam matannya sahabat yang bernama Sa'ad bin Mu'ādh yang mana beliau telah wafat pada tahun 5H. Sedangkan ayat 2 surah al-Ḥujurāt turunnya pada tahun ke 9H. Maka, mustahil Nabi SAW bertanyakan soalan kepada orang yang sudah meninggal mengenai Thābit bin Qays. Oleh itu, berkemungkinan Imam Muslim akan beramal dengan hadith yang ḍa'īf kerana fiqh Imam Muslim adalah hadith di akhir bab. Menurut pengkaji pandangan Shaykh Muḥammad 'Awwāmah lebih *mu'tadil,*teliti dan tepat. Para pengkaji juga perlu memahami bahawa hadith ṣaḥīḥ yang dimaksudkan oleh Imam Muslim dalam kitabnya adalah hadith-hadith *Usūl*.

4.1.4 Isu Kempen "Semak Status Hadith Sebelum Sebar"

Media sosial merupakan alat komunikasi yang amat penting pada masa kini yang mana ianya berperanan sebagai saluran untuk menyampaikan sesuatu maklumat, menjadi pengantara kepada ahli keluarga serta rakan-rakan, dan menjadi tempat perbincangan tentang sesuatu perkara sama ada dalam hal pekerjaan mahupun hal keagamaan. Dengan kemodenan teknologi dan perkembangan alat komunikasi masa kini, pelbagai berita atau

[102] Hadith riwayat Muslim, Kitab al-Īmān, Bab Mukhāfah al-Mu'min an Yaḥbiṭa 'Amaluhu, no. Hadith 119. Lihat Muslim bin al-ḥajjāj, "*Ṣaḥīḥ Muslim*", taḥqīq. Muḥammad Fu'ād 'Abd al-Bāqī (Beirūt: Dār Iḥyā' al-Turāth al-'Arabī, t.t.) 1: 110.

maklumat dapat disebarkan dengan begitu cepat tidak kira dimana atau berapa jauh jarak sekalipun antara pengirim dan penerima berada.

Namun, sejak kebelakangan ini, muncul banyak maklumat atau pengkhabaran yang dipaparkan menerusi whatsapp, facebook, telegram dan yang seumpamanya tersebar dengan pantas tanpa sempadan. Sehinggakan tersebar juga berita-berita mengenai agama melalui alat komunikasi ini secara tak langsung. Perkara ini pada awalnya positif bila masyarakat mudah untuk berkongsi ilmu masing-masing yang diperolehi daripada pengajian mereka. Tetapi lama-kelamaan unsur-unsur yang negatif juga mula masuk dalam berita-berita atau maklumat melalui tangan-tangan yang tidak bertanggungjawab. Lebih teruk lagi, terdapat hadith-hadith dan cerita-cerita dalam agama yang disampaikan berupa pembohongan dan tidak berasas dan seterusnya ia mula memberikan kesan terhadap pengamalan individu dan masyarakat tertentu.

Oleh itu, terdapat sebahagian pihak yang cuba membina beberapa program web bagi membolehkan masyarakat menyemak status-status hadith[103] sebelum disebarkan kepada kaum kerabat, rakan-rakan dan seumpamanya melalui alat peranti masing-masing. Usaha ini bagus dari satu sudut tetapi dari sisi lain seolah-olah pihak ini cuba membuka seluas-luasnya pintu ijtihad kepada masyarakat awam dalam perkara yang khusus dalam cabang ilmu.[104]

Hal ini kerana, pengkaji berpandangan bahawa laman-laman web seperti ini bermanfaat tetapi dari sudut perlaksanaan ianya masih belum begitu sesuai untuk masyarakat awam. Masyarakat awam. Ini kerana mereka belum mampu untuk melakukan proses takhrij secara sendirian melainkan mereka perlu merujuk kepada ulama atau

[103] "Semak Hadis Dengan Mudah," laman sesawang *Semakhadis.com,* dicapai 1 Disember 2017, http://semakhadis.com/about/.
[104] Penerangan dari Ustaz Adlan Abd Aziz. Ketika beliau membahaskan *Alfiyah 'Irāqī* di Tirmidhi Centre pada 16 Disember 2017.

sarjana. Selain itu, perbincangan mengenai sanad hadith tidak disertakan dengan panjang lebar dan terperinci berdasarkan pelbagai aspek. Admin laman web berkenaan hanya mendatangkan beberapa pandangan ulama hadith sahaja, untuk melakukan penyelidikan dan kajian laman web seperti ini amat tidak sesuai untuk dijadikan sandaran atau sumber utama. Pendek kata, usaha semak status hadith sebelum sebar kempen ini perlu dilakukan secara berperingkat, bukan masyarakat awam sendiri yang semak sendirian tetapi perlu juga dirujuk kepada ulama atau sarjana yang pelbagai dan layak.

Berdasarkan hujjah di atas, pengkaji menukilkan pandangan Shaykh Muḥammad ‘Awwāmah dalam *muqaddimah Athar Al-Ḥadīth*[105] yang mana beliau menceritakan perihal seorang pemuda mekanik yang berjumpa dengannya berbicara tentang hadith. Ketika menyebutkan nama-nama ulama si pemuda telah menyebutkan sebutan yang salah. Jika nama ulama pun beliau boleh tersilap maka ini tidak mustahil untuk beliau tersilap dalam memahami teks hadith. Maka, ini menunjukkan keterbukaan yang diberikan kepada masyarakat untuk bersibuk-sibuk dalam perkara dalil atau hadith adalah satu usaha yang kurang tepat. Untuk menutup isu ini pengkaji menukilkan *qawl* Imam al-Shāṭibī dalam *al-Muwāfaqāt*:[106]

قول المجتهد بالنسبة للعامي كالدليل بالنسبة للمجتهد

> Terjemahan: *Pandangan Imam Mujtahid adalah sumber kepada orang awam sepertimana dalil merupakan seumber kepada Imam Mujtahid.*

Justeru itu, memadailah untuk orang awam merujuk kepada pandangan ulama yang pakar tanpa perlu bersibuk-sibuk bertanya kepada dalil hadith dan seumpamanya. Tidak salah usaha menggalakkan *takhrīj* tetapi bukanlah kepada orang awam kerana ditakuti mereka akan mula mengeluarkan hukum berdasarkan akal fikiran mereka.

---

[105] Muḥammad ‘Awwamah, *Athar al-Ḥadīth al-Sharīf fī Ikhtilāf al-A’immah al-Fuqahā’,* 10-11.
[106] Abū Ishāq Ibrāhīm bin Musa al-Shāṭibī, *al-Muwāfaqāt fī Uṣūl al-Sharī‘ah,* taḥqīq. Shaykh Ibrāhīm Ramaḍān (Beirūt: Dār al-Ma‘rifah, 2001), 638-639.

4.1.5 Isu Bermudah-mudah Dalam Menetapkan Keḍa'īfan Sesuatu Hadith

Isu bermudah-mudah dalam menetapkan keḍa'īfan sesuatu hadith ini berlaku apabila terdapat segelintir masyarakat yang mula berjinak-jinak dengan hadith. Mereka telah memilih pandangan ulama yang dirasakan sesuai dengan manhaj mereka sahaja barulah ianya diterima dan dijadikan pegangan. Sekiranya tidak maka mereka akan mudah menḍa'īfkan dan sebaliknya, tidak kiralah sama ada dari kelompok *tashaddud* dan kelompok *tasāhul*.

Perkara ini menjadi lebih serius apabila wujud golongan yang disanjung sebagai pakar hadith telah menyeleweng fakta-fakta daripada perkataan-perkataan para imam. Lalu diterima bulat-bulat oleh orang awam kerana keterbatasan mereka dalam memahami teks-teks Arab. Sebagai contoh, isu umur Saydatina 'Aishah yang mana telah dibuat satu kertas kerja yang berjudul "*Analisis Umur Aishah R.A Ketika Berkahwin, Melalui Neraca Riwayah Dan Dirayah"* oleh Mawlānā Asri Yusoff. Dalam makalah beliau menyebut bahawa riwayat-riwayat tentang umur Saydatina 'Aishah ketika berkahwin adalah enam tahun itu ḍa'īf kerana Hishām bin 'Urwah seorang yang dipertikaikan.[107] Bagaimana kenyataan seperti ini boleh diucapkan dan dibukukan? Sejak bila logik akal dijadikan sebagai dalil dan hujjah dalam perkara ini? Sedangkan di antara hadith-hadith tersebut merupakan hadith daripada riwayat Imam al-Bukhārī dan Imam Muslim. Perkara in telah pun disebutkan oleh Imam al-'Irāqī di dalam karyanya *Alfiyah*[108] pada perbahasan *Marātib al-Ṣaḥīḥ*:

وَأَرْفَعُ الصَّحِيْحِ مَرْوِيُّهُمَا ... ثُمَّ البُخَارِيُّ، فَمُسْلِمٌ، فَمَا

شَرْطَهُمَا حَوَى، فَشَرْطُ الجُعْفِي ... فَمُسْلِمٌ، فَشَرْطُ غَيْرٍ يَكْفي

[107] Muhammad Asri Yusoff, Analisis Umur Aishah R.A Ketika Berkahwin, Melalui Neraca Riwayah dan Dirayah" (makalah, Seminar Pemurnian Sirah, Fakulti Sains dan Teknologi Maklumat, Universiti Malaya, 2 Disember 2017), 94-96.

[108] Zayn al-Dīn 'Abd al-Raḥīm bin al-Ḥusayn al-'Irāqī, *al-Tabṣirah wa al-Tadhkirah fī 'Ulūm al-Ḥadīth,* taḥqīq. al- 'Arabī al-Dā'idh al-Firyāṭī (Jeddah: Dār al-Minhāj, 2014), 96.

وَعِنْدَهُ التَّصْحِيْحُ لَيْسَ يُمْكِنُ ... فِي عَصْرِنَا، وَقَالَ يَحْيَى: مُمْكِنُ

> Terjemahan: *Dan hadith ṣaḥīḥ yang paling tinggi ialah yang terdapat dalam riwayat Shaykhān. Kemudian, riwayat al-Bukhārī, seterusnya riwayat Muslim. Kemudian, riwayat yang memenuhi syarat al-Bukhārī dan Muslim. Kemudian, riwayat yang memenuhi syarat al-Bukhārī. Kemudian, riwayat yang memenuhi syarat periwayatan Muslim. Terakhir, ialah riwayat yang memenuhi syarat imam-imam lain yang meriwayatkan sahih.*

Setelah itu, di rangkap yang terakhir Imam al-'Irāqī menukilkan pandangan Ibn Salāḥ dengan ringkas bahawa "Untuk menilai ḍa'īf dan ṣaḥīḥ hadith pada zaman sekarang adalah sesuatu yang tidak mungkin berlaku" dan qawl Imam Sharaf bin Yaḥya al-Nawawī mengatakan ianya mungkin berlaku. Oleh itu, adakah Imam al-Bukhārī dan Imam Muslim tidak mengetahui tentang Hishām bin 'Urwah? Walhal mereka Imam dalam ilmu hadith dan cabangnya? Jadi pemahaman ini perlu dimurnikan semula agar tidak menyanggahi kaedah ulama terdahulu yang menjadi rujukan mu'tabar masa kini.

Perkara ini lebih parah apabila beliau menyebutkan di dalam makalahnya bahawa Imam al-Dhahabī menyebut dalam *Mīzān al-I'tidāl* tentang Hishām bin 'Urwah seperti berikut:[109]

> *Hafiz az-Zahabi telah menulis tentang Hisham: "terjadi perubahan dalam ingatannya di akhir usianya, dan Abul Hasan bin Al-Qattan mendakwa bahawa beliau keliru dalam meriwayatkan hadis di akhir usianya" Hafiz Uqayli telah menulis dengan lebih jauh lagi: "dia telah nyanyuk di tahun-tahun akhir kehidupannya".*

Kemudian Mawlānā Asri Yusoff nukilkan lagi,

> *Hafiz az-Zahabi menulis bahawa ingatan Hisham yang kuat di waktu mudanya, tidak kekal di usia tuanya. Dan di Iraq dia tidak dapat meriwayatkan hadis dengan baik dan tepat.*

Maka, untuk memastikan sama ada perkara ini tepat seperti apa yang dinukilkan oleh beliau pengkaji cuba membuka karya al-Dhahabī untuk melihat apa yang dituliskan oleh

[109] Muhammad Asri Yusoff, Analisis Umur Aishah R.A Ketika Berkahwin, Melalui Neraca Riwayah dan Dirayah" (makalah, Seminar Pemurnian Sirah, Fakulti Sains dan Teknologi Maklumat, Universiti Malaya, 2 Disember 2017), 98-99.

Imam al-Dhahabī sendiri tentang Hishām bin ‘Urwah. Berikut teks asal daripada kitab *Mizān al-I‘tidāl*:[110]

> هشام بن عروة، أحد الأعلام، حجة إمام، لكن في الكبر تناقص حفظه، ولم يختلط أبدا ولا عبرة بما قاله أبو الحسن بن القطان من أنه وسهيل بن أبي صالح اختلطا، وتغيرا.
>
> Terjemahan: *Hishām bin ‘Urwah seorang yang alim, merupakan hujjah dan Imam, tetapi di usia tuanya ingatannya merosot. Tetapi beliau tidak pernah keliru (nyanyuk). Bahkan, tidak perlu diberi perhatian kepada kata-kata Abū al-Ḥassan bin al-Qaṭṭān bahawa dia (Hishām) dan Suhail bin Abī Ṣālih menjadi keliru atau berubah (ingatan riwayat).*

Kesimpulan yang dapat diambil bahawa berdasarkan kenyataan sebenar terdapat kesilapan pada nukilan yang dibuat oleh Mawlānā Asri Yusoff dalam makalahnya. Maka, bukan mudah untuk pengkaji moden menetapkan keḍa‘īfan dan keṣaḥīḥan sesuatu hadith pada masa kini. Bahkan, sebagaimana yang telah pengkaji datangkan *qawl* Imam al-‘Irāqī di awal tadi adalah tidak mungkin berlaku pada zaman kini. Menghukum ḍa‘īf sesuatu hadith yang telah disepakati para ulama terdahulu adalah sesuatu yang ganjil. Bahkan, isu ini juga telah dikupas dan disimpulkan oleh pejabat mufti wilayah persekutuan dalam siri Irsyad al-Hadith ke- 27:[111]

> *Kesimpulannya, polemik berkaitan usia Aisyah RA ketika mengahwini Rasulullah SAW muncul pada zaman mutaakhir ini. Tambahan pula, bagaimana kita ingin menolak sesuatu riwayat atau hadith yang terdapat di dalam dua buah kitab yang telah menjadi ijma’ umat Islam bahawa tidak ada selepas al-Quran kitab yang paling sahih melainkan Sahih al-Bukhārī dan juga Sahih Muslim.*

Isu bermudah-mudah dalam menetapkan keḍa‘īfan sesuatu hadith ini perlu diberi perhatian yang jitu kerana ditakuti terlibat dalam melakukan penipuan terhadap kalam baginda Nabi SAW.

---

[110] Muḥammad bin Aḥmad bin Uthmān al-Dhahabī, *Mīzān al-I‘tidāl fī Naqd al-Rijāl* (Beirūt: Dār al-Ma‘rifah, 1963), 4: 301.

[111] Muhammad Mushfique bin Ahmad Ayoup @ Ayub, “Umur Aisyah RA,” laman sesawang *Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan*, dicapai pada 15 Disember 2017, http://www.muftiwp.gov.my/index.php/ms-my/perkhidmatan/irsyad-al-hadith/920-irsyad-al-hadith-siri-ke-127-umur-aisyah-ra.

4.2 Pemahaman Menyeluruh al-Shaykh Muḥammad ‘Awwāmah Terhadap Isu Hadith Ḍa‘īf

Berdasarkan penelitian yang telah pengkaji lakukan terhadap kitab *Ḥukm al-‘Amal bi al-Ḥadīth al-Ḍa‘īf* dapat dilihat bahawa pemahaman Shaykh Muḥammad ‘Awwāmah adalah bersifat *Mu‘tadi.* Dalam memahami *Aqwāl* para imam dalam isu hadith ḍa‘īf beliau akan melakukan saringan demi saringan, penelitian demi penelitian dalam merujuk sumber agar beliau tidak tersalah dalam memahami *murad* para imam dalam penulisan mereka tentang isu berkait hadith ḍa‘īf.

Ketika terdapat ulama yang membuang terus hadith ḍa‘īf seolah-olah ianya palsu Shaykh Muḥammad ‘Awwāmah menjawab isu itu dengan melalui penulisan beliau dengan mendatangkan bukti-bukti yang menolak pandangan tersebut. Walaupun begitu, pada penulisan kitab ini ayat Shaykh Muḥammad ‘Awwāmah agak sedikit keras dan jelas dalam menyebut individu yang melakukan sedemikian.[112] Secara keseluruhannya beliau menerima bahawa hadith ḍa‘īf boleh diamalkan pada selain hal yang berkait dengan *al-Aḥkām* dan *al-‘Aqā’id*. Kemudian, beliau membahaskan dengan lebih terperinci tentang syarat para imam hadith dalam isu pengamalan hadith ḍa‘īf.[113]

4.2.1 Persamaan Pemahaman Shaykh Muḥammad ‘Awwāmah Dengan Ulama Madinah Terhadap Isu Hadith Ḍa‘īf

Dalam melakukan perbandingan di antara persamaan pemahaman Shaykh Muḥammad ‘Awwāmah ini pengkaji akan membandingkan beliau dengan pensyarah di Universiti Tayyibah di Madinah iaitu Prof. Dr. Khalīl Ibrāhīm Mulā Khāṭir. Perkara ini adalah untuk menunjukkan bahawa Shaykh Muḥammad ‘Awwāmah bukanlah memandai-mandai dalam isu ini dan bukanlah hanya beliau seorang yang mempunyai pemahaman seperti ini dalam isu hadith ḍa‘īf bahkan ramai lagi.

[112] Muḥammad ‘Awwamah, *Ḥukm al-‘Amal bi al-Ḥadith al-ḍa‘īf,* 136.
[113] *Ibid.,* 103-111.

Antara persamaan tersebut ialah Prof. Dr. Khalīl Ibrāhīm Mulā Khāṭir tidak menyamakan hadith ḍa‘īf dengan mawḍū‘. Bahkan, beliau telah menulis satu makalah bagi menjawab isu menyamakan hadith ḍa‘īf dengan mawḍū‘ berjudul *Khuṭūrah Musāwāh al-Ḥadīth al-Ḍa‘īf bi al-Mawḍū‘*. Menunjukkan bahawa orang yang menyamakan hadith ḍa‘īf dengn mawḍū‘ ini telah melakukan jenayah dan mendatangkan bahaya kepada umat. Hal ini bertepatan dengan pandangan Shaykh Muḥammad ‘Awwāmah yang juga tidak menyamakan hadith ḍa‘īf dengan mawḍū‘ berdasarkan perkataannya yang berbunyi:[114]

> وبهذا يتبين أن الحديث الضعيف قيمة واعتبارا في نظر أئمتنا السالفين, كما رأينا, على خلاف ما يشيعه بعض الناس اليوم إذ أهدروه مطلقا وألحقوه بالحديث الموضوع ونظموهما في (سلسلة واحدة)!.

> Terjemahan: *Dalam perkara ini jelaslah, sesungguhnya hadith ḍa‘īf itu merupakan benda yang penting dan diambil perhatian oleh imam-imam dari kalangan terdahulu (salaf). Seperti mana kita melihat pada hari ini terdapat sebahagian manusia tiba-tiba membuangnya secara total dan menyamakannya (hadith ḍa‘īf) dengan hadith mawḍū‘ serta menyusun di dalam satu Silsilah!*.

Justeru itu, didapati bahawa tidak semua ulama Madinah berfahaman bahawa hadith ḍa‘īf itu sama dengan mawḍū‘ dan hadith ḍa‘īf tidak dapat diamalkan sebagaimana tanggapan ramai tentang ulama Madinah. Bahkan, mereka juga tidak bersetuju serta membantah sesetengah ulama hadith yang tidak menyampaikan ilmu mereka dengan amanah dan adil melalui penulisan-penulisan artikel bagi menjawab segala isu tersebut.

4.2.2 Perbezaan Metodologi Shaykh Muḥammad ‘Awwāmah Dalam Penerimaan Hadith Ḍa‘īf Sebagai Hujjah

Shaykh Muḥammad ‘Awwāmah amat berhati-hati dalam menyatakan sesuatu pandangan kerana dikhuatiri tersalah dalam merujuk kepada sumber. Beliau tidak gopoh dalam melakukan penelitian terhadap penerimaan hadith ḍa‘īf sebagai hujjah sebagaimana

[114] Muḥammad ‘Awwamah, *Athar al-Ḥadīth al-Sharīf fī Ikhtilāf al-A’immah al-Fuqahā’,* 41.

wujud sesetengah pihak yang terus menolak hadith ḍa‘īf dengan menggunakan konsep sama rata terhadap ḍa‘īf dan mawḍū‘.

Perkara ini lebih jelas apabila Shaykh al-Albānī memasukkan hadith ḍa‘īf secara bersama dengan hadith mawḍū‘ dalam kitabnya *Silsilah.* Sedangkan Shaykh Muḥammad ‘Awwāmah melihat hadith ḍa‘īf ini sesuatu yang berbeza dengan mawḍū‘ dan perlu diasingkan agar tidak mengelirukan masyarakat yang kurang faham dalam ilmu keagamaan. Oleh kerana itu, Shaykh Muḥammad ‘Awwāmah menyebutkan perkara asas yang perlu dikaji sebelum berhujjah dengan hadith ḍa‘īf antaranya ialah perlu melihat kepada yang mampu aspek sanad dan matan.[115] Kemudian, merujuk pandangan para imam mujtahid dalam isu penghujjahan kerana para *fuqhahā’* juga kebiasaannya berhujjah dengan hadith ḍa‘īf disamping ṣaḥīḥ kerana mereka memilih hadith yang bukan sahaja ṣaḥīḥ kadang-kadang itu tetapi yang mana lebih sāliḥ untuk dijadikan hujjah.

4.3 Kesimpulan

Menurut Shaykh Muḥammad ‘Awwāmah penting untuk mendalami ragam pendapat para ulama agar umat Islam memperolehi hikmah dan tauladan bagaimana para ulama menyimpulkan hukum dari sumber utamanya *al-Qurān* dan *al-Ḥadīth*.[116] Maka, apa yang boleh pengkaji simpulkan ialah dalam hal yang berkait amalan atau beramal mestilah dirujuk kepada ulama hadith dan juga ulama fiqh.

Hal ini kerana, ulama hadith ini umpama ahli farmasi sedangkan ulama fiqh seperti doktor perubatan. Kedua-duanya saling lengkap melengkapi dalam usaha menyembuhkan sakit yang dialami pesakit. Begitu juga isu beramal dengan hadith ḍa‘īf, walaupun terkadang hadith itu ḍa‘īf tetapi hadith itu *maqbūl* dalam pengamalan dan penghujjahan disisi para imam. Bagi mereka yang kurang bersetuju dengan pandangan

[115] Muḥammad ‘Awwamah, *Ḥukm al-‘Amal bi al-Ḥadith al-Ḍa‘īf,* 33.
[116] Mardan, “Pemikiran Shaykh Muhammad Awwamah Seputar Keragaman Pendapat Para Fikih Tentang Hadis Rasulullah,” *Jurnal Al-Hikmah Vol.XIV,* no.2 (2013), 232.

ini tidak ada paksaan untuk menerima tetapi janganlah pula dipersalahkan orang lain hanya kerana tidak sependapat begitulah sebaliknya. Mereka semua imam dan pakar di dalam hal yang terkait hadith ini, maka pengkaji-pengkaji baru perlu bersungguh-sungguh dan jujur dalam memetik pandangan-pandangan para imam. Maka, masyarakat pun akan tenteram daripada perdebatan yang tidak akan berkesudahan jika diteruskan.

BAB KELIMA

KESIMPULAN DAN RUMUSAN

5.0 Pendahuluan

Pada bab-bab sebelum ini telah mengupas dengan terperinci bermula daripada bab pendahuluan yang menyatakan mengenai pengenalan kajian, diikuti bab pertama yang mengumpulkan kajian-kajian lepas dengan menggunakan bentuk kajian bibliometrik, biografi Shaykh Muḥammad ‘Awwāmah dan metode penulisan serta persembahan kitab beliau disebutkan secara detil dalam bab yang kedua. Kemudian, pada bab ketiga dan keempat disebutkan isu-isu yang berkaitan hadith ḍa‘īf yang berlaku dalam masyarakat serta metode dan pemikiran Shaykh Muḥammad ‘Awwāmah dalam mendepani isu-isu hadith ḍa‘īf berasaskan kitab *Ḥukm al-‘Amal Bi al-Ḥadīth al-Ḍa‘īf.*

Justeru itu, bab ini akan membincangkan hasil dapatan kajian dan cadangan terhadap pemikiran Shaykh Muḥammad ‘Awwāmah berasaskan kitab *Ḥukm al-‘Amal Bi al-Ḥadīth al-Ḍa‘īf* dalam usaha menambah baik pemahaman masyarakat berkaitan hadith ḍa‘īf pada masa hadapan.

5.1 Kesimpulan dan Rumusan

Hasil daripada kajian yang dibuat, didapati bahawa isu-isu yang berlaku dalam kalangan masyarakat berkaitan hadith ḍa‘īf kini telah menjadi satu bencana yang semakin menular dan rancak diperdebatkan di dunia siber mahupun realiti disamping menjadi satu kerosakan kepada pemahaman dan pembelajaran dalam ilmu hadith. Walaupun isu-isu yang terjadi ini menunjukkan bahawa masyarakat semakin ingin kembali kepada al-Sunnah dengan mencari kesahihan sesuatu amalan, tetapi perkara ini boleh membawa kepada kemudaratan yang besar apabila mereka mengambilnya dari golongan-golongan yang tidak adil dan amanah dalam menyampaikan ilmu. Para ilmuwan hadith perlu lebih berhati-hati ketika menukilkan pandangan-pandangan daripada ulama agar tidak tersilap menisbahkan perkataan yang salah kepada mereka.

Jadual 1.7. Kesimpulan menyeluruh terhadap hasil kajian berkenaan isu-isu hadith ḍa‘īf yang dipetik daripada bab keempat

No. Isu	Isu-isu	Pandangan Shaykh Muḥammad ‘Awwāmah	Pandangan Pengkaji
1	Isu menyamakan hadith ḍa‘īf dengan mawḍū‘	Tidak bersetuju dan membantah mereka yang berpandangan sedemikian kerana menurut beliau hadith ḍa‘īf dan mawḍū‘ adalah dua perkara yang tidak sama dan berbeza.	Perkara ini jelas dengan perincian yang telah dibuat oleh ulama-ulama hadith mereka turut membezakan hadith ḍa‘īf dengan mawḍū‘. Palsu tetap palsu tetapi hadith ḍa‘īf masih wujud perbicangan yang panjang lebar mengenainya.
2	Isu pemakaian hadith ḍa‘īf dalam penghujjahan	Hadith ḍa‘īf boleh dijadikan hujjah dalam beberapa aspek menurut syarat-syarat tertentu.	Imam mujtahid juga imam dalam hadith berhujjah dengan hadith ḍa‘īf mengikut kesesuaian suasana dan isu semasa.
3	Isu penolakan total hadith ḍa‘īf dalam semua aspek	Hadith ḍa‘īf tidak ditolak secara total oleh ulama terdahulu sebagaimana yang didakwa sebahagian pengkaji moden.	Dakwaan sebahagian ilmuwan bahawa hadith ḍa‘īf adalah ditolak secara total berdasarkan pandangan imam-imam hadith perlu dikaji dan diteliti semula.
4	Isu kempen “semak status hadith sebelum sebar”	Masyarakat awam tidak usah bersibuk-sibuk dalam hal yang berkaitan dalil *al-Qurān* dan *al-ḥadīth* kerana mereka tidak dapat mengambil faedah darinya secara terus melainkan imam mujtahid.	Tidak sesuai untuk dijadikan rujukan bagi para pengkaji. Pengaplikasian web-web semak hadith perlu dilakukan secara berperingkat dan perlu ada pemantau dan penyunting.
5	Isu bermudah-mudah dalam menetapkan keḍa‘īfan sesuatu hadith	Tidak menyalahi kaedah para ulama dalam menilai status sesuatu hadith.	Perlu mengikuti kaedah yang telah diletakkan oleh ulama hadith terdahulu. Tidak boleh menggunakan logik

			akal untuk menetapkan keḍa'īfan sesuatu hadith.

Merujuk kepada perkara di atas, masyarakat dan ahli ilmuwan perlu lebih mengambil sikap yang sederhana tidak terlalu keras dan tidak terlalu mengambil mudah dalam isu-isu yang berkaitan hadith ḍa'īf. Hal ini kerana, para ulama membincangkan perkara ini begitu mendalam dan terperinci, maka perlulah kepada masyarakat dan terutama kepada ahli ilmuwan untuk melakukan kajian yang mendasar sebelum membuat penyampaian kepada masyarakat.

5.2 Cadangan dan Saranan

Hadith ḍa'īf merupakan salah satu daripada topik hangat dalam bidang hadith yang banyak mendapat perhatian dalam kalangan masyarakat. Hal ini kerana, dengan berlakunya penyebaran hadith ḍa'īf yang begitu meluas di media sosial dan di meja-meja penceramah sehingga terdapat kelompok yang mula rigid dengannya mengambil tindakan untuk bersikap lebih keras dalam penerimaan hadith ḍa'īf dan penyebarannya. Masyarakat mula keliru dalam memilih pandangan dari kedua-dua kelompok ini. Oleh itu, walaupun terdapat pelbagai pandangan ulama terhadap hadith ḍa'īf, akan tetapi mereka tidak menyembunyikan sebahagian ilmu mereka demi sesuatu kepentingan sebagaimana yang dibuat sesetengah pihak masa kini. Maka, semua pihak perlulah bersama-sama berganding bahu dalam mendapatkan kefahaman yang mendalam dan sebenar terhadap isu berkaitan hadith ḍa'īf tanpa melakukan jenayah dalam ilmu.

5.2.1 Saranan Kepada Pihak Berwajib

Pihak berwajib seharusnya mengambil berat tentang hal ini dengan melakukan penilaian semula kepada para ilmuwan yang menjadi penyampai kepada masyarakat. Sekiranya, didapati mereka membawa kepada pemahaman yang silap dan menyeleweng perlulah

disekat dan ditarik semula kelayakan dalam menyampaikan ilmu. Selain itu, pihak berwajib juga perlu mengadakan seminar-seminar yang berkaitan dengan pakar-pakar hadith dari dalam dan luar negara bagi tujuan memberikan pendedahan yang sewajarnya kepada masyarakat mengenai salah faham terhadap isu-isu berkaitan hadith ḍa‘īf. Disamping itu, pihak berwajib boleh mengadakan program-program yang berbentuk galakan dan ajakan kepada masyarakat untuk lebih fokus melakukan amalan ibadah berbanding mereka bersibuk-sibuk dalam bidang yang bukan keahlian mereka.

Dari sisi lain, bagi moderator-meoderator web semak hadith dalam internet, mereka perlu lebih banyak mencari sumber rujukan yang lebih kukuh untuk dijadikan asas penilaian mereka terhadap sesuatu hadith. Para moderator web juga perlu melakukan kemaskini web mereka dari semasa ke semasa agar web itu lebih bermanfaat kepada masyarakat. Boleh juga dilakukan terjemahan-terjemahan terhadap karya-karya hadith sebagaimana dilakukan di Indonesia supaya pelajar-pelajar boleh menjumpai teks hadith yang berbahasa melayu dengan mudah, tidak hanya terhad kepada hadith ḍa‘īf dan palsu sahaja bahkan hadith yang ṣaḥīḥ dan ḥasan juga dapat dicapai dengan mudah.

5.2.2 Saranan Kepada Pengkaji Baru

Sebagaimana yang diketahui, banyak kajian-kajian yang telah dilakukan secara umum berkaitan hadith ḍa‘īf di institusi-institusi pengajian tinggi. Maka, untuk kajian yang mendatang boleh juga dilakukan dengan lebih khusus terhadap sesuatu perbahasan mengenai hadith ḍa‘īf seperti kaedah *iḥṭiyāt* para ulama terhadap hadith ḍa‘īf, kebenaran penggunaan istilah hadith ḍa‘īf disisi imam Aḥmad bin Hanbal merujuk kepada hadith ḥasan, dan seumpamanya.

Berkaitan status sesuatu hadith kadang-kadang tidak sama ulama ini dengan ulama yang lain adalah kerana perkara ini merupakan ijtihad ulama. Penetapan status sesuatu hadith bukanlah benda yang berbentuk *tawqīfī* tetapi ianya adalah ijtihad para

ulama terdahulu dengan peneltian mereka kepada berbagai aspek lalu hukum itu dikeluarkan berdasarkan kaedah-kaedah yang bersesuaian. Maka, mesti akan wujud perbezaan kerana tingkatan pemahaman mereka berbeza-beza tetapi mereka tidak bergaduh, saling menyalahi antara satu dengan yang lain sebagaimana dilakukan pengkaji moden khususnya di Malaysia.

Justeru itu, para pengkaji hadith serta penuntut ilmu hadith perlu memahami dengan baik metodologi ulama dalam mendepani isu-isu seperti ini. Para pengkaji baru tidak boleh dengan mudah menjatuhkan keḍa'īfan sesebuah hadith itu tanpa melihat dengan lebih lanjut perbahasan ulama mengenai perkara tersebut. Hal ini kerana, setiap ulama tidak akan mengeluarkan pandangan-pandangan yang satu bahkan lebih daripada itu, ada sebahagian pandangan mereka mempunyai kesamaan juga ada yang berbeza berdasarkan keilmuwan mereka yang tersendiri. Perkara ini sesuatu yang normal kerana hampir keseluruhan mereka digelar dengan gelaran al-Imām. Shaykh Muḥammad 'Awwāmah telah menukilkan kata-kata Al-Imām al-Shāfi'ī dalam *Adab al-Ikhtilāf* iaitu:

"إذ الرأيُ إذا كان تفرّقَ فيه"

> Terjemahan*: Apabila wujud satu pandangan maka akan ada pandangan-pandangan yang lain.*[117]

Maka tugas para pengkaji adalah untuk melihat kesemua penilaian ulama terhadap sesuatu perkara sebelum terus lompat kepada konklusi. Justeru itu, sikap kehati-hatian ini adalah amat penting dalam melakukan kajian.

5.2.3 Saranan Kepada Masyarakat

Masyarakat tidak seharusnya bersibuk-sibuk di dalam isu pendalilan kerana masyarakat tidak mempunyai kepakaran tentang *Usūl Fiqh, Usūl al-Ḥadīth*, Bahasa arab dan sebagainya untuk memahami konteks penetapan hukum. Walaupun begitu, masyarakat

[117] Muḥammad 'Awwamah, *Adab al-Ikhtilāf fi Masa'il al-'Ilm wa al-Dīn,* 14.

mestilah menuntut ilmu agama agar mereka dapat memahami agama dengan lebih baik. Tidak wajar bagi mereka yang bergelar Islam tidak mengetahui perkara-perkara asas dalam agama. Sekurang-kurangnya bila sampai satu mesej yang mengatakan itu adalah sabdaan baginda Nabi SAW mereka tidak akan terus menerima bulat-bulat tanpa terlebih dahulu bertanyakan perkara itu kepada yang pakar dan berkelayakan. Konsep *tabayyun* itu perlu diterapkan ke dalam masyarakat kerana ditakuti semakin banyaknya kesilapan yang dilakukan masyarakat dengan menggunakan nama baginda Nabi SAW.

Apa yang penting adalah kesedaran dan rasa tanggungjawab dalam diri masyarakat terhadap penggunaan dan penyebaran perkara-perkara palsu yang disandarkan kepada Nabi SAW merupakan perkara yang tidak mendatangkan faedah dan manfaat. Selain itu, mereka mengetahui dengan jelas bahawa hadith ḍa‘īf itu berkemungkinan lagi wujud sandarannya kepada Nabi SAW dan ia tidak sama dengan mawḍū‘ (palsu).

5.4 Penutup

Penulisan-penulisan tentang hadith ḍa‘īf begitu banyak di dalam masyarakat tetapi apa yang membahayakan ialah terdapat sesetengah penulisan yang cenderung mengajak masyarakat meninggalkan hadith ḍa‘īf dan mereka membuatkan hadith ḍa‘īf itu setaraf dengan mawḍū‘ (palsu). Walhal, para ulama sepakat bahawa hadith ḍa‘īf masih terdapat kemungkinan ianya disandarkan kepada baginda Nabi SAW dengan syarat-syarat tertentu.

Pengamalan menggunakan hadith ḍa‘īf ini bukanlah sesuatu perkara yang baru tetapi ianya telah dilakukan oleh ulama-ulama terdahulu. Oleh itu, terdapat ulama yang mengutamakan hadith ḍa‘īf berbanding satu pandangan dan *qiyas*. Maka, janganlah ditolak seluruhnya hadith ḍa‘īf tetapi menerima hadith ḍa‘īf sekiranya tidak terlalu berat.

Banyak faedah dan manfaat yang dapat juga diperolehi daripada hadith ḍa‘īf tidak kurangnya faedah yang juga banyak diperolehi daripada hadith ṣaḥīḥ dan ḥasan.

Justeru itu, usaha kecil yang dilakukan pengkaji diharap dapat membantu serta memberi input tambah yang bermanfaat dan berguna kepada masyarakat tentang hadith ḍa‘īf dalam aspek pengamalan. Oleh itu, antara objektif pengkaji dalam kajian ini adalah untuk menjelaskan isu-isu hadith ḍa‘īf dalam masyarakat dapat dicapai.

BIBLIOGRAFI

‘Abd al-Fattāh bin Ṣāliḥ Qudaysh al-Yāfi‘ī, *al-Tamadhhub: Dirāsah Ta’ṣīliyyah Muqārinah lil Masā’il al-Muta‘alliqah bi al-Tamadhhub,* Kaherah: Dār al-Ṣāliḥ, 2017.

‘Abd al-Karīm bin ‘Abdullah bin ‘Abd al-Raḥmān al-Khuḍayr, *al-Ḥadīth al-Ḍa‘īf wa Ḥukm al-Iḥtijāj Bihi,* Riyāḍ: Dār al-Minhāj, 2004.

‘Abdul Ḥakīm al-Anīs, “Tarjamah al-Shaykh al-Muḥaddith Muḥammad ‘Awwāmah,” laman sesawang *Ishrakat*, http://ishrakat.com/article-desc_3850_%D8%AA%D8%B1%D8%AC%D9%85%D8%A9.

Abū ‘Abd al-Raḥmān Muḥammad Naṣr al-Dīn al-Albānī, *Silsilah al-Aḥādīth al-Ḍa‘īfah wa al-Mawḍū‘ah wa Atharihā al-Sayyi’ fī al-Ummah,* Riyāḍ: Dār al-Ma‘ārif, 1992.

Abū ‘Abdullah al-Ḥākim Muḥammad bin ‘Abdullah, *al-Mustadrak ‘Ala al-Ṣaḥīḥayn,* Beirūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1990.

Abū al-Ḥasan Nūr al-Dīn Muḥammad bin ‘Abd al-Hādī al-Ḥanafī al-Sindī, *Hāshiyah al-Sindī ‘Ala Sunan al-Nasā’ī,* Ḥalab: Maktab al-Maṭbū‘āt al-Islāmiyyah, 1986.

Abū Bakr bin al-‘Arabī al-Mālikī, *‘Āriḍah al-Aḥwadhī bī Sharh Ṣaḥīḥ al-Tirmidhī,* tahqīq. Jamāl Mar‘ashlī, Beirūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1997.

Abū Faḍhl ‘Abd al-Rahīm ibn al-ḥusayn al-‘Irāqī al-Shāfi‘ī, *al-Tabṣirah wa al-Tadhkirah fi ‘Ulum al-ḥaḍīth*, Jeddah: Dār al-Minhāj, 2014.

Abū Ishāq Ibrāhīm bin Musa al-Shāṭibī, *al-Muwāfaqāt fī Uṣūl al-Sharī‘ah,* taḥqīq. Shaykh Ibrāhīm Ramaḍān, Beirūt: Dār al-Ma‘rifah, 2001.

Abū ‘Umar Yūsuf bin ‘Abdullah bin Muḥammad bin ‘Abd al-Bar al-Numarī al-Andalūsī, *al-Tamhīd Limā fī al-Muwaṭṭa’ min al-Ma‘ānī wa al-Asānīd,* Maghribi: Wazārah al-Awqāf wa al-Shu’ūn al-Islāmiyyah, 1967.

Ahmad Jailani Abdul Ghani, “Isu-isu berkaitan hadith ḍa‘īf,” laman sesawang *Youtube ProMediaTajdid*, https://www.youtube.com/watch?v=03OwIGiEOos&t=1487s.

Arwansyah bin Kirin, “Hadith-hadith Daif dan Palsu dalam Nasa’ih Al-‘Ibad oleh Nawawi Banten: Pengaruhnya Terhadap Masyarakat Islam di Sumatera”. tesis kesarjanaan, Program Pengajian Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2016.

Al-Bukhārī, Muḥammad bin Ismā‘īl, *al-Jāmī‘ al-Musnad al-Ṣaḥīḥ al-Mukhtaṣar min Umūr Rasūlillah SAW wa Sunanihi wa Ayyāmihi,* t.t.: Dār Ṭūq al-Najāh, 2001).

Fadlan Othman, “Dr Fadlan Ajar Ust Azhar Idrus 4 Syarat Amal Hadith Dhaif,” laman sesawang *Youtube*, https://www.youtube.com/watch?v=n_UxR1zNPmI.

Fathul Bari Mat Jahya, "Hukum Beramal dengan Hadis Lemah dan Palsu," laman sesawang *Dr. Fathul Bari: Meniti Jalan Nabi dan Para Sahabat,* https://ustazfathulbari.wordpress.com/2014/04/19/hukum-beramal-dengan-hadis-lemah-dan-palsu/.

Fathullah Al Haq Muhamad Asni, Jasni Sulong, dan Ammar Ismail. *"Penggunaan Hadis Daif Dalam Fatwa Mengenai Wasiat Di Malaysia Serta Langkah Penyelesaiannya" Journal of Hadith Studies* 2 (10 Jun, 2017).

Ibn Ḥajar al-'Asqalānī, *Nuzhah al-Naẓar fi Tawḍīḥ Nukhbah al-Fikar fī Muṣṭalah Ahl al-Athar,* Dimashq: Maṭba'ah al-Ṣabāḥ, 2000.

Jamāl al-Dīn al-Qāsimī, *Qawā'id al-Taḥdīth min Funūn Muṣṭalah al-Ḥadīth,* Beirūt: Muassasah al-Risālah, 2004.

Jawatan kuasa Tetap Bahasa Melayu, *Pedoman Transliterasi Huruf Arab Ke Huruf Rumi.* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992); *Panduan Penulisan Ilmiah Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya,* Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2012.

Jalāl al-Dīn Al-Suyūṭī, *Tadrīb al-Rāwī fi Syarh Taqrīb al-Nawāwī,* taḥqīq Shaykh Muḥammad 'Awwāmah, Jeddah: Dār al-Minhāj, 2016.

Johar Arifin, "Pendekatan Ulama Hadis dan Fiqh dalam Menelaah Kontroversial Hadis*", Jurnal Ushuluddin* XXII, no.2 (Julai 2014).

Juhaidi Yean Abdullah, "Hadis Palsu dalam Kitab Pondok," laman sesawang *Sinar Online*, http://www.sinarharian.com.my/karya/pendapat/hadis-palsu-dalam-kitab-pondok-1.604397.

Khalīl Ibrāhīm Mullā Khāṭir al-'Azzāmī, "Khuṭūrah Musāwāh al-Ḥadīth al-Ḍa'īf bi al-Mawḍū'", makalah, Seminar Hadith al-Sharīf dan Cabaran-cabarannya Masa Kini Peringkat Antarabangsa, Fakulti Pengajian Islam dan Bahasa Arab Dubai, 27-29 Mac 2005.

Mālik bin Anas bin Mālik b 'Āmir al-Aṣbaḥī al-Madanī, *Muwaṭṭa' al-Imām Mālik,* tahqīq. Muḥammad Fu'ad 'Abd al-Bāqī, Beirūt: Dār Iḥyā' al-Turāth al-'Arabī, 1985.

Mardan, "Pemikiran Shaykh Muhammad Awwamah Seputar Keragaman Pendapat Para Fikih Tentang Hadis Rasulullah," *Jurnal Al-Hikmah Vol.XIV,* no.2 (2013).

Mohd Khafidz Soroni, "Syeikh 'Abd al-Fattah Abu Ghuddah: riwayat hidup dan sumbangannya di dalam pengajian Hadith", Disertasi Sarjana, Jabatan Al-Quran dan Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2008.

Muhamad Rozaimi Ramle, *Hadis Palsu & Daif dalam Masyarakat Melayu*, Kuala Lumpur: Karya Bestari, 2016.

Muḥammad ‘Abdullah ibn Āl Rashīd , *Imdād al-Fattāh bi Asānīd wa Marwiyyat al-Shaykh ‘Abdul Fattāh,* Riyāḍ: Maktabah al-Imām al-Shāfi‘ī, 1999.

Muḥammad ‘Ajjāj al-Khaṭīb, *Ushul al-Had*is, terj. Qadirun-Nur, Jakarta: Gaya Media, 1998.

Muḥammad ‘Allān al-Siddīqī, *Futūḥāt al-Rabbāniyyah ‘Ala al-Azkār al-Nawawiyyah,* Mesir: Maṭba‘ah al-Sa‘ādah, 1928.

Muhammad Asri Yusoff, Analisis Umur Aishah R.A Ketika Berkahwin, Melalui Neraca Riwayah dan Dirayah", makalah, Seminar Pemurnian Sirah, Fakulti Sains dan Teknologi Maklumat, Universiti Malaya, 2 Disember 2017.

‘Awwāmah, Muḥammad, *Athar al-ḥadīth al-Sharīf fī Ikhtilāf al-A’immah al-Fuqahā’,* Jeddah: Dār al-Minhāj, 2009.

_____, *Adab al-Ikhtilāf fi Masa’il al-‘Ilm wa al-Dīn,* Jeddah: Dār al-Minhāj, 2009.

_____, *al-Taḥdhīr min at-Tawārid ‘ala Qawl Dūna al-Rujū‘ ila Maṣādir,* Jeddah: Dār al-Minhāj, 2017.

_____, *Golden Guidelines in The Path of Knowledge*, terj. Mawlānā ‘Muḥammad Ibn Mawlānā Hārūn Abāsoomar, Camperdown: AhleSunnah Library, Julai 2012.

_____, *Ḥukm al-‘Amal bi al-Ḥadith al-Ḍa‘īf,* Jeddah: Dār al-Minhāj, 2017.

_____, *Ma‘ālim Irshādiyyah li Ṣinā‘ah Ṭālib al-‘Ilm,* Jeddah: Dār al-Minhāj, 2013.

_____, *Min Manhaj al-Imām Muslim fī ‘Araḍi al-Ḥadīth al-Mu‘allal fī Ṣaḥīḥi,* Jeddah: Dār al-Minhāj, 2017.

Muḥammad bin ‘Abd al-Raḥman bin Muḥammad al-Sakhāwī, al-*Maqāṣid al-ḥasanah fī Bayāni Kathīr min al-Aḥādīth al-Mushtahirah ‘ala al-Alsinah*, tahqīq, Muḥammad ‘Uthmān al-Khashat, Beirūt: Dār al-Kitāb al-‘Arabī, 1985.

Muḥammad bin Aḥmad bin Abū Bakr bin Farḥ al-Anṣārī al-Qurtubī, *al-Jāmi‘ al-Aḥkām al-Qurān,* tahqīq. Aḥmad al-Bardūnī dan Ibrāhīm Aṭfaysh, Kaherah: Dār al-Kutub al-Miṣriyyah, 1964.

Muḥammad bin Aḥmad bin Uthmān al-Dhahabī, *Mīzān al-I‘tidāl fī Naqd al-Rijāl,* Beirūt: Dār al-Ma‘rifah, 1963.

Muḥammad Mu‘īn bin Muḥammad al-Amīn, *Dirāsāt al-Labīb fī al-Uswah al-Ḥasanah bi al-Ḥabīb,* Lāhour: t.tp., 1858.

Muhammad Mushfique bin Ahmad Ayoup @ Ayub, "Irsyad al-Hadith Siri Ke-179: Ulama' Umatku Umpama Nabi Bani Israil," laman sesawang *Pejabat Mufti*

Wilayah Persekutuan, http://www.muftiwp.gov.my/index.php/ms-my/perkhidmatan/irsyad-al-hadith/1540-irsyad-al-hadith-siri-ke-179-ulama-umatku-umpama-nabi-bani-israil.

Muhammad Mushfique bin Ahmad Ayoup @ Ayub, "Umur Aisyah RA," laman sesawang *Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan*, http://www.muftiwp.gov.my/index.php/ms-my/perkhidmatan/irsyad-al-hadith/920-irsyad-al-hadith-siri-ke-127-umur-aisyah-ra.

Muḥammad Nāṣir al-Dīn al-Albānī, *Silsilah Hadits Dhai'f dan Maudhu'*, terj. A.M. Basalamah, Jakarta: Gema Insani Press, 1995.

Muslim bin al-Ḥajjāj Abū al-Hasan al-Qusyayrī al-Naysāburī, *al-Musnad al-Ṣaḥīḥ al-Mukhtaṣar bi Naql al-'adl 'an al-'adl ila Rasūlullāh ṣollallāhu 'alayhi wasallam*, Beīrūt: Dār al-Iḥya' al-Turāth.

Muḥyiddīn Muḥammad 'Awwāmah, "A Brief Intro of The Grand Muhaddith of Our Era: Shaykh Muḥammad 'Awwāmah," telah diterjemahkan oleh Muḥammad ibn Mawlānā Hārūn Abāsoomar, laman sesawang *Al-Miftah*, http://www.al-miftah.com/shaykh-muhammad-awwamah/.

Umar Muhammad Noor, *Fiqh Hadis*, Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn.Bhd, 2017.

"Semak Hadis Dengan Mudah," laman sesawang *Semakhadis.com,* http://semakhadis.com/about/.

Al-Tirmidhī, Muḥammad bin 'Īsā bin Sarwah bin Mūsā bin al-Ḍahāk, *al-Jāmī' al-Mukhtaṣar min al-Sunan 'an Rasullillah SAW wa Ma'rifah al-ṣaḥīḥ wa al-Ma'lūl wa Mā 'Alayhi al-'Amal*, tahqīq, Aḥmad Shākir, Muḥammad Fu'ad 'Abd al-Bāqī dan Ibrāhīm 'Aṭwah 'Awḍ, Mesir: Maktabah Muṣṭafā al-Bābī al-ḥalabī, 1975.

'Uthmān bin 'Abd al-Raḥman Taqiyuddīn Ibn Ṣalāh, *Ma'rifah Anwā' 'Ulūm al-Ḥadīth,* Syria: Dār al-Fikr, 1986.

Yaḥya bin Sharaf al-Nawawī, *al-Minhāj bi Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim bin al-Ḥajjāj,* Mesir: Maṭba'ah al-Miṣriyyah, t.t..

Al-Zarkashī, *al-Nukat 'Ala Ibn Salāḥ*, tahqīq. Zayn al-'Ābidīn, t.t.: Aḍwā' al-Salaf, 2008.

Zayn al-Dīn 'Abd al-Raḥīm bin al-Ḥusayn al-'Irāqī, *al-Tabṣirah wa al-Tadhkirah fī 'Ulūm al-Ḥadīth,* taḥqīq. al- 'Arabī al-Dā'idh al-Firyāṭī, Jeddah: Dār al-Minhāj, 2014.

LAMPIRAN

Lampiran 1

Kitab *Ḥukm al-‘Amal bi al-Ḥadith al-Ḍa‘īf Baina Nadhariyyah wa al-Taṭbīqiyyah wa al-Da‘awā*.



Lampiran 2

Kitab *al-Ḥadīth al-Ḍa'īf wa Ḥukm al-Iḥtijāj Bihi.*



Lampiran 3

Makalah Khuṭūrah Musāwāh al-Ḥadīth al-Ḍa‘īf bi al-Mawḍū‘.

خطورة
مساواة الحديث الضعيف بالموضوع

بحث قُدم للندوة العلمية الدولية الثانية حول (الحديث الشريف وتحديات العصر)
المنعقدة في رحاب كلية الدراسات الإسلامية والعربية بدبي
بتاريخ (١٧ - ١٩) صفر ١٤٢٦ هـ

الأستاذ الدكتور
خليل بن إبراهيم ملا خاطر الغزالي
أستاذ الحديث وعلومه، بجامعة طيبة
بالمدينة المنورة

Lampiran 4

Kitab *Athar al-ḥadīth al-Sharīf.*



Lampiran 5

Kitab *Dirāsāt al-Labīb fī al-Uswah al-Ḥasanah bi al-Ḥabīb.*

Lampiran 6

Web-web yang menjelaskan dan membincangkan isu hadith ḍa‘īf.

Inilah lima syarat yang diperuntukkan oleh Imam Al-Nawawi sebelum membolehkan beramal dengan hadis dhaif. Sedangkan adakah orang yang beramal dengan hadis dhaif mengikuti semua syarat-syarat ini? Mereka menyeru orang beramal dengannya, bahkan orang awam tidak mampu membezakan hadis yang kurang daif atau bersangatan daifnya. Jadi jika tidak mampu memenuhi syaratnya maka jangan beramal, tinggalkanlah yang dhaif kerana di sana terdapat banyak hadis-hadis sahih yang belum diamalkan. Beramallah dengan hadis-hadis sahih.

Sumber: https://ustazfathulbari.wordpress.com/2014/04/19/hukum-beramal-dengan-hadis-lemah-dan-palsu/.

Muslimin harus diberi kefahaman bahawa hadis sahih dan hasan telah mencukupi, maka tiada keperluan untuk merujuk kepada hadis yang daif atau palsu.

* Penulis ialah CEO dan Ahli Lembaga Pengarah Yayasan Pembangunan Pondok Malaysia

Sumber: http://www.sinarharian.com.my/karya/pendapat/hadis-palsu-dalam-kitab-pondok-1.604397.